

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Khamis, 17 Februari 2000

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian berpuas hati dengan cara pelaksanaan dan pencapaian syarikat payung yang diberi tanggungjawab untuk memperbaiki bangunan di sekolah-sekolah di negeri Sarawak dan berapakah peratusan pencapaian setakat ini dari segi fizikal dan kewangannya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kerajaan sangat berpuas hati dengan cara pelaksanaan dan pencapaian syarikat payung yang diberikan tanggungjawab untuk memperbaiki bangunan dan asrama sekolah-sekolah di negeri Sarawak. Sehingga akhir tahun 1999 sebanyak 449 daripada 927 projek, iaitu 48.43% telah siap pembinaannya. Dari segi kewangan pula sebanyak RM88.2 juta daripada RM150 juta iaitu 58.8% telah dibayar atau dalam proses pembayaran kepada syarikat payung.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, saya ucap tahniahlah kalau kementerian sudah berpuas hati tetapi saya sedihlah sebab di kawasan saya 31 sekolah dijanji hendak dibuat penambahan kelas darjah, bilik sumber, bilik kuliah, tandas dan sebagainya. Tetapi sampai sekarang tidak ada satu bilik kuliah, bilik darjah, bilik sumber ataupun bilik tandas pun dibina. Yang diganti ialah papan, bumbung dan sebagainya. Jadi, saya tidak tahulah macam mana istilah 'berpuas hati'. Jadi, persoalan saya macam manakah pelaksanaan ini dibuat yang dibuat menerusi syarikat payung, selepas itu syarikat payung sub dengan kontraktor turnkey lagi, selepas itu sub dengan kontraktor satu bahagian dan selepas daripada bahagian itu sub dengan orang kampung. Jadi, keuntungan itu menghabiskan duit di tengah jalan, yang baki tidak sampai ke sekolah. Macam manakah kawal selia yang dibuat oleh kementerian agar ini tidak berlaku?

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, kawalseliaan memang telah dibuat oleh kementerian melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Setakat ini memang bukan semua projek telah dikenal pasti telah disiapkan. Sebenarnya ada lebih kurang 224 projek sedang dalam pembinaan, manakala 142 projek masih dalam kertas kerja tentang skop kerja yang akan dikenal pasti kemudian.

Untuk memastikan bahawa semua projek dapat siap, maka kementerian telah memperkenalkan konsep payung ini. Sebenarnya ini akan memudahkan kementerian untuk melaksanakan projek-projek telah dikenal pasti, kerana di Serawak bilangan sekolah adalah terlalu banyak dan adakalanya sekolah-sekolah memang di pedalaman. Oleh kerana itu, melalui konsep payung ini syarikat berkenaan akan menjalankan kerja untuk memastikan projek-projek yang dikenal pasti akan dapat disiapkan mengikut jadual.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya ingin bertanya apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat payung ini dalam usaha mereka melaksanakan projek sekolah di seluruh negara khususnya di negeri Serawak.

Dato' Hon Choon Kim: Untuk makluman Yang Berhormat, konsep payung ini hanya diperkenalkan di negeri Serawak, di negeri-negeri lain konsep payung itu masih belum diperkenalkan lagi. Untuk memastikan pelaksanaannya dijalankan dengan berjaya, perjumpaan, perbincangan sentiasa diadakan di antara dua pihak, di antara Pejabat Pendidikan Negeri dan syarikat payung yang berkenaan.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Robert Low Hoi Chew (Sibu) tidak hadir]

3. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan keruntuhan tanah satu per satu di negara ini dalam tempoh sepuluh tahun. Apakah sebab-sebabnya dan keberkesanan langkah-langkah untuk mengatasinya.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat oleh

kerana perkara ini melibatkan banyak sebab serta pelbagai agensi dan tambahan pula kejadian tanah runtuh bukan tanggungjawab utama kementerian ini dan oleh kerana ada definisi yang jelas untuk mengkategorikan kejadian tanah runtuh maka adalah sukar untuk membekalkan maklumat terperinci berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes serius seperti kejadian tanah runtuh di Post Dipang, Perak serta kes tanah runtuh di Genting Highlands dan Cameron Highlands, di antara sebab-sebab berlakunya kejadian ini adalah seperti:

- (i) aktiviti-aktiviti yang boleh mengampu kestabilan tanah seperti aktiviti pemetungan dan pembersihan tanah;
- (ii) aktiviti pertanian dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan yang dilakukan tanpa kawalan; dan
- (iii) faktor hujan lebat.

Sebagai langkah pertama kementerian ini telah menyediakan garis panduan bagi menjaga hakisan tanah bagi aktiviti-aktiviti pemetungan atau pembersihan tanah untuk diguna pakai oleh pemaju-pemaju projek pembangunan semasa kerja-kerja pembersihan tanah. Di samping itu, kementerian ini juga sedang mempertingkatkan langkah-langkah untuk bekerjasama dengan kementerian atau agensi-agensi lain yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pembangunan tanah dalam usaha untuk menjaga kejadian tanah runtuh.

Saya suka memaklumkan bahawa keberkesanan langkah-langkah yang diambil ini hanya akan tercapai sekiranya garis paduan ini diikuti dan dipatuhi oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu selepas sebuah projek disiapkan dan didiami oleh penduduk-penduduk buat satu tempoh mungkin 10 tahun, 20 tahun, kemudiannya menjadi tanah runtuh di tepi lereng-lereng bukit dan pada masa itu pihak siapa yang perlu memperbaiki atau mengambil tindakan pencegahan untuk mencegah tanah ini runtuh.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, tidak semua projek pembangunan rumah tertakluk kepada EIA. Hanya projek-projek yang tertentu di bawah peraturan terlibat bagi menjalani EIA. Selepas pembangunan rumah

ini disediakan pihak-pihak berkenaan atau Pejabat Tanah yang akan menjaga atau menguruskan perkara berikutnya atau pemaju itu yang bertanggungjawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya gembira jugalah ada tujuh menteri. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana cukup pula, kita beri syabaslah terutamanya Yang Berhormat bagi Sarikei yang datang dengan sendiri. Saya pernah berbincang dengan beliau mengenai masalah alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik. Adakah Yang Berhormat akan mempertimbangkan hasrat untuk mengadakan agensi perlindungan alam sekitar memandangkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dengan punca dan sebab keruntuhan tanah ini terlibat dengan pelbagai agensi. Sekiranya inilah masalahnya, kita perlu satu agensi perlindungan alam sekitar supaya ia dapat mewujudkan satu dasar alam sekitar negara yang lengkap, yang berkesan kerana setakat ini kita tidak ada dasar alam sekitar negara. Bukan kesalahan Kementerian Alam Sekitar sahaja bahkan kerana pelbagai kementerian yang terlibat dan kita tidak dapat menggubalkan satu dasar alam sekitar negara yang lengkap dan seterusnya mengadakan pelan tindakan yang efektif untuk menangani masalah ini termasuk penyelarasan di antara agensi ini termasuk dengan kerajaan-kerajaan tempatan. *[Disampuk]* Soalannya macam mana – soalan ini sebahagian daripada soalan yang panjang....

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan dengan soalnya.

Dr. Tan Seng Giaw:dan Tuan Yang di-Pertua pun tidak mempertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *[Ketawa]* Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin itu sangkaan tidak baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebenarnya Rompin mesti lebih prihatin kepada masalah ini kerana masalah alam sekitar Rompin teruk sekali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyelarasan, sambungan kepada soalan tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Mana ada soalan lagi, tidak ada lagi. *[Ketawa]*
Minta keluarkan soalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya rasa sudah keluar - mengenai agensi perlindungan alam sekitar dan merangkumi payung untuk dasar alam sekitar negara untuk pelan tindakan yang seterusnya dan juga mempertingkatkan penyelarasan. Kerana kita tidak ada cukup kepakaran dan kakitangan tidak cukup untuk memantau dan mengawal selia masalah semua alam sekitar di seluruh negara.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pujian oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang kerajaan sedar dalam kajian bagaimana menyelaraskan, menguatkuasakan atau pemantauan aktiviti-aktiviti penggunaan tanah. Umpamanya, baru-baru ini Kementerian Pertanian mengenal pasti 20 buah daerah yang mempunyai tanah yang tinggi dan mempunyai potensi untuk digunakan pembangunan pertanian dan telah mencadangkan ini dikaji dengan teliti dengan agensi-agensinya yang berkenaan sebelum tanah-tanah ini digunakan untuk pembangunan pertanian. Walau bagaimanapun, kerajaan memang sedar bagaimana menyelaraskan di antara agensi-agensinya dalam kerajaan, bagaimana semua peraturan atau undang-undang yang sedia ada boleh dikuatkuasakan dengan berkesan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya ingat hendak bangun tanya soalan tambahan tadi, sebab Kepong punya fasal dia kata tidak sensitif kepada hakisan tanah.

4. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) usaha kerajaan memberi khidmat kesihatan kepada rakyat terutama luar bandar; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk menswastakan hospital kerajaan.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, selama ini kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha dalam meningkatkan taraf kesihatan penduduk terutamanya di kawasan luar bandar melalui beberapa kaedah. Di antaranya ialah menyediakan rangkaian kemudahan-kemudahan kesihatan berlandaskan konsep dan prinsip ekuiti, iaitu setiap

individu Malaysia mesti dibekalkan dengan perkhidmatan kesihatan asas yang diperlukan. Sehingga 31 Disember 1999 sebanyak 120 buah hospital telah dibina dengan jumlah 27,226 katil keseluruhan serta 773 kelinik kesihatan, 71 pusat bersalin alternatif dan 1,992 klinik desa yang sebahagian besar adalah di luar bandar.

Secara amnya skop perkhidmatan yang disalurkan melalui kemudahan-kemudahan ini merangkumi promosi pencegahan, rawatan dan pemulihan dalam aktiviti kesihatan yang dijalankan meliputi semua peringkat dan umur.

Kedua, meningkatkan perkhidmatan kesihatan asas yang diberikan selama ini dengan menambah aktiviti-aktiviti mengikut keperluan sesama masyarakat, program expanded scope seperti program kesihatan mental, program kesihatan warga tua, program wealthness dan lain-lain lagi.

Ketiga, memberi bekalan air dan kebersihan alam sekeliling terutama di luar bandar. Bekalan air bersih sudah sampai ke tahap 91.38%. Melalui *gravity fit system* pembinaan telaga terkawal dan pembinaan tadahan air hujan. Lagi bekalan tandas curah telah sampai ke tahap 98.1% dan pelupusan sampah sarap 63.6%, pelupusan air limbah 52.68%.

Keempat, meningkatkan pembangunan tenaga manusia di mana selain dari latihan dalam bidang-bidang tertentu, perkhidmatan kepakaran dalam kesihatan keluarga juga telah diwujudkan di beberapa klinik kesihatan sejak 1997 sehingga kini terdapat 39 Pakar Perubatan Keluarga yang ditempatkan di klinik kesihatan seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf kesihatan terutamanya di luar bandar telah membuahkan hasil yang membanggakan walaupun masih banyak perkara yang perlu dijalankan dari masa ke semasa. Kejayaan ini dapat dilihat dengan pencapaian petunjuk kadar kematian bayi yang telah menurun dari tahun ke tahun seperti berikut:

Tahun	Kadar Kematian
1957 -	76 / 1000 kelahiran
1980 -	24.9/ 1000 kelahiran
1997 -	9.5 / 1000 kelahiran

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, perkhidmatan kesihatan di negara kita ini merupakan satu perkhidmatan yang dipuji oleh beberapa agensi antarabangsa termasuk

Pertubuhan Kesihatan Sedunia di mana WHO dalam tahun 1993 melaporkan seperti berikut, dengan izin, “*Malaysia has one of the most well established Health Care services in the Pacific Region. Even President Clinton’s Health Care Reforms cannot match the uniform distribution and accessibility of the services in Malaysia. WHO would like to see Malaysia sharing its successful experience with other developing countries*”.

Adakah kerajaan bercadang untuk menswastakan hospital kerajaan. Jawapannya adalah jelas tidak, [*Tepuk*] kerana Jemaah Menteri pada tahun lalu telah memutuskan bahawa kerajaan tidak akan melaksanakan pengkorporatan dan seterusnya penswastan perkhidmatan penjagaan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia

Tuan Yang di-Pertua: Keningau.

Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri memberi jaminan bahawa setelah diputuskan penswastan hospital tidak lagi akan berlaku, memberi jaminan ‘*guarantee*’ bahawa ini tidak akan berlaku pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu saya rasa tidak patut ditanya kerana jika sekiranya.....apa di dalam perlembagaan, dipanggil ‘*parliamentary belt*’, tidak boleh menghadkan kuasa-kuasa untuk parlimen akan datang.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan persoalan seperti berikut oleh sebab banyak dasar kerajaan yang telah diputuskan di masa-masa yang lampau misalnya *bahasa baku* telah ditetapkan tetapi telah diubahkan. Adakah ini akan berlaku di hari yang akan datang nanti mengikut keadaan politik?

Tuan Yang di-Pertua: Jika Yang Berhormat menghadkan masa itu dalam pemerintahan parti Barisan Nasional boleh tetapi kalau sekiranya pada masa-masa hadapan, masa yang akan datang

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...dalam 100 tahun lagi ke, 50 tahun lagi tidak boleh Yang Berhormat. Dalam Perlembagaan itu panggil ‘*parliamentary belt*’ iaitu tidak boleh kita menghadkan masa mana-mana Parlimen yang akan datang.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, Menteri boleh jawab? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah, sudahlah Yang Berhormat. *[Disampuk]* Ya, Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Saya memang membaca, mengenai *health care* di Malaysia *comparable* dengan izin, dengan *health care* di Jepun, England dan juga di Kanada dan saya memang mengucap setinggi-tinggi tahniah pada kementerian dan kerajaan Malaysia kerana mewujudkan *health care* kita yang terbaik di dunia. Saya banyak membaca *comparison* ini, *comparative health care* seluruh dunia tetapi ada juga mempunyai pandangan itu *health care* kepada *infant fatality*, *one of the best in the world* kalau tidak *the best in the world*, tetapi *health care* kepada orang tua, berkurangan sedikit. Jadi, soalan saya ialah persoalan *health care* di luar bandar, walaupun kita mempunyai *fertility rate* yang telah menurun daripada yang dulu tetapi masih banyak penyampaian *health care services* ke luar bandar berorientasikan pandangan kerajaan iaitu ekses pada kerajaan bukan ekses kepada masyarakat.

Umpamanya di Sarawak, kita ada *flying doctor services*, sebulan sekali. Jadi, sepatutnya klinik dibuat di pedalaman bukan di pekan supaya orang lebih *accessible*. Persoalan saya pada suatu ketika iaitu apakah kementerian bercadang supaya tiap-tiap kawasan Parlimen itu diadakan satu klinik di pedalaman bukan di pekan dan di daerah sahaja dan macamana pandangan kerajaan supaya ahli parlimen menentukan tempat tertentu di pedalaman yang mana *group* orang lebih banyak daripada yang dipandang sekarang di mana di *district level* sahaja, terima kasih.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batang Lupar atas soalan beliau. Kita di Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan kita khususnya di kawasan-kawasan luar bandar, kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak dan di Sabah juga. Seperti yang diberitahu oleh Dewan yang mulia oleh Yang Berhormat kita sudah ada menyediakan *flying doctor services* di mana peruntukan yang besar diberi kepada kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak. Oleh kerana kita tahu kita belum ada mencukupi doktor-doktor dan jururawat dan lain-lain lagi untuk berkhidmat pada keseluruhan rakyat kita di

mana-mana tempat mereka bermastautin. Tetapi kita akan cuba beri keutamaan dari masa ke semasa kepada kesihatan di luar bandar khususnya di pedalaman. Saya pernah mengikuti *Flying Doctor Services* ke pedalaman Sabah dan di sana juga ada klinik juga di pedalaman, bukan tidak ada, ada, tetapi mungkin tidak cukup dan kita akan mempertingkatkan usaha kita khususnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan kita pada penduduk pedalaman di Sarawak dan Sabah.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri tentang langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menangani masalah pakar-pakar perubatan serta doktor-doktor yang ramai meletakkan jawatan untuk menyertai perkhidmatan hospital swasta dan ini telah mendatangkan masalah yang mana perkhidmatan kesihatan untuk rakyat jelata akan menghadapi masalah yang mana tahap perkhidmatan itu akan turun, terima kasih.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, memang benar iaitu doktor kita di perkhidmatan awam yang banyak telah meletakkan jawatan mereka untuk memasuki ke dalam sektor swasta oleh kerana pendapatan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun kita boleh hanya berusaha untuk mengatasi masalah yang besar ini melalui beberapa langkah yang kita harap dapat dilaksanakan, antaranya memperbaiki lagi skim perkhidmatan bagi doktor-doktor yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan. Kedua, memberikan *hostel* kepada mereka dan ketiga, menambahbaikkan lagi suasana di hospital-hospital dan klinik-klinik di mana mereka berkhidmat melalui pembinaan hospital-hospital yang baru dengan teknologi yang canggih dengan kemudahan yang baik dan perbekalan perkhidmatan yang canggih juga.

Kita akan berusaha melalui beberapa langkah lagi dan kita ambil berat perkara ini di Kementerian Kesihatan dan kita sendiri sentiasa berbincang mengenai perkara ini di dalam post kabinet Kementerian Kesihatan, yang kementerian saya sedar kita perlu menambahkan usaha lagi untuk mengekalkan doktor-doktor kita supaya mereka tidak ditarik oleh sektor swasta dan kita hilang mereka dari perkhidmatan awam.

5. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan berhasrat untuk memberi subsidi tambang kepada bakal-bakal haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum berhasrat untuk memberi subsidi tambang kepada bakal-bakal haji. Walau bagaimanapun Tabung Haji telah memberi subsidi dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kepada jemaah haji seperti berikut:-

- (i) Perkhidmatan perubatan percuma kepada semua jemaah haji sama ada sebagai pesakit luar ataupun pesakit di hospital Tabung Haji sepanjang mereka berada di Arab Saudi.
- (ii) Kursus haji diadakan secara percuma kepada semua bakal haji dan kos perbelanjaannya seperti bayaran penceramah, makan minum, sewa tempat kursus dan peralatan di tanggung sepenuhnya oleh Tabung Haji.

Tabung Haji juga membekalkan sebahagian daripada peralatan secara percuma kepada jemaah haji seperti berikut:-

- rantai tangan;
- buku panduan haji;
- buku panduan perjalanan;
- air zam zam – 5 liter setiap seorang;
- buku doa;
- buku soal jawab ibadat haji;
- risalah kesihatan;
- beg galas yang mengandungi uncang kasut; dan
- selendang dan botol air.

Tabung Haji menghantar rombongan kebajikan, guru agama dan rombongan perubatan untuk memberi perkhidmatan kebajikan dan kesihatan kepada jemaah haji di Mekah, Madinah, Arafah dan Mina dan semasa tiba dan balik di Jeddah. Tabung Haji menyediakan hospital, klinik dan pejabat kebajikan kepada jemaah haji dan semua kos sewaan bangunan hospital, klinik dan pejabat-pejabat kebajikan di tanggung oleh Tabung Haji. Tabung Haji

menanggung kos operasi – membayar kos operasi haji bagi tiap-tiap orang jemaah kira-kira RM800.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mendapati bahawa kos menunaikan fardhu haji sekarang ini mencecah hampir RM9000 seorang dan ini memanglah satu yang membebankan umat Islam di Malaysia ini, persoalan yang ada sekarang ini ialah dari segi kedudukan yang sebagaimana yang disebut oleh Ketua Pembangkang semalam. Umat Islam yang ingin menunaikan haji tetapi terpaksa menanggung suatu kos yang begitu tinggi sedangkan Tabung Haji mempunyai ataupun mampu mengumpulkan dana yang begitu banyak setiap tahun dan umat Islam di negara kita kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berpendapatan begitu rendah atau their life saving, dengan izin, mereka gunakan untuk menunaikan fardhu haji yang merupakan rukun yang kelima.

Jadi, adakah tidak pihak Tabung Haji mengambil kira persoalan ini dari segi *service oriented*, dengan izin, bukannya *profit oriented* dan yang keduanya dari segi kedudukan dana Tabung Haji itu sendiri, apakah perkaitan kenaikan kos menunaikan haji ini ada perkaitan dengan penggunaan dana Tabung Haji ini untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang mempunyai perkaitan dengan UMNO dan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi tentu maklum, tentu faham tentang agama bahawa haji tidak diwajibkan bagi siapa yang tidak berkuasa [*Membaca petikan ayat al-Quran*]. Jadi, sebut orang miskin tidak berdaya hendak pergi ke Mekah itu tidak wajiblah. Saya dah sebut tadi, kita dah guna duit Tabung Haji RM800 tiap-tiap orang, ini ialah duit Tabung Haji, jadi kalau dia tidak berdaya wang Tabung Haji dan dana yang terkumpul ialah wang orang ramai, jadi tidak patutlah wang orang ramai dibelanja untuk beri subsidi yang begitu banyak kepada orang yang tidak wajib haji. Dan kos haji yang mencecah RM9000 itu ialah kos perbelanjaan yang sentiasa meningkat, tingkat yang pertama sekali naik secara mengejut kerana pertukaran wang. Dulu RM1 kita dapat 1.5 rial sekarang ini RM1 hanya dapat 0.97 rial, tidak sampai 1 rial, jadi itulah kos kenaikan itu adalah kerana pertukaran wang dan tentulah kos-kos yang lain, pengangkutan dalaman, makanan, khemah, inilah yang menyebabkan.

Tuan Yang di-Pertua, soal Tabung Haji ada imbasan Tabung Haji mengambil untung daripada jemaah haji, kita menolak sekali-kali tidak demikian bahkan Tabung Haji terpaksa menanggung RM800. Ada orang berkata, ada kami pergi dengan cara murah, murah itu ialah mengerjakan haji 'tidak *standard*'. Seolah-olah pelarian, tidak ada tempat tinggal yang sempurna, pengangkutan dan jaminan-jaminan dan keselamatan yang sempurna.

Datuk Dr. Haji Yusof in Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tahniah kepada menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mengatur Tabung Haji dan jemaah haji hingga dari tahun ke setahun banyak yang mengerjakan haji tetapi yang masalahnya sekarang ini ialah mereka yang sudah mampu untuk pertama kali naik haji ada yang terpaksa *queue* ataupun menunggu giliran sehingga 5 tahun. Masalahnya ialah ada orang yang naik haji lebih daripada sekali, sedangkan dalam Islam cuma wajib sekali tetapi hari ini saya baca surat khabar ada daripada Kelantan, tiap-tiap tahun selama 15 tahun yang lalu naik haji. Jadi, apakah peraturan baru akan dibuat supaya mereka yang naik haji lebih daripada sekali itu kurang *priority* ataupun dikurangkan bilangannya dan kalau boleh Yang Berhormat Menteri beri ratio atau kadar berapa yang sudah pernah naik haji dan yang baru pertama naik haji dalam tiap-tiap musim haji. Terima kasih.

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Peraturan yang ada pada Tabung Haji ialah seorang yang bakal haji itu kita timbang selepas 5 tahun, selepas kali terakhir seseorang itu menunaikan haji. Adapun sepertimana yang disebut tadi ialah 12 kali, 15 kali, itulah orang yang pergi secara haram, meminta keizinan kerajaan Arab Saudi untuk mengerja umrah tetapi tinggal lebih masa maka operasi yang kita dengar baru-baru ini ialah kerajaan Arab Saudi tidak dapat menanggung lagi orang yang duduk lebih masa ini kerana perancangan haji untuk 1.5 juta orang tetapi yang duduk secara haram 700 ribu orang. Tahulah semua peralatan persiapan seperti bas 700 ribu yang tidak dirancang sudah tentu menjadi masalah besar, makan minum begitu jugalah hal kesihatan dan keselamatan.

Jadi, tiap-tiap tahun suka saya ceritakan tidak lebih dari 150 orang yang telah mengerjakan haji kali kedua, yang kurang dari 5 tahun kerana sebab-sebab tertentu. Pertama, perlukan perkhidmatan beliau ataupun kerana

nazar yang tidak dapat dielakkan ataupun kerana ada masalah keluarga yang tidak dapat diselesaikan. Jadi, tidak ada berulang orang yang pergi haji begitu kerap kerana bilangannya sedikit sahaja daripada bilangan kuota yang telah diberikan kepada kita.

6. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungei Benut]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) bilangan umat Islam yang menghafal Al-Quran dan jumlah kelas dan pelajar yang mengikuti kelas tahfiz Al-Quran anjuran Jabatan Perdana Menteri; dan
- (b) apakah cadangan dan ganjaran yang disediakan oleh JPM untuk menggalakkan dan memperhebatkan umat Islam untuk menghafal Al-Quran.

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak mempunyai statistik bilangan umat Islam yang menghafal Al-Quran kerana ramai bilangan hafal Quran lahir dari institusi-institusi tidak formal atau persendirian. Walau bagaimanapun program pengajian tahfiz Al-Quran anjuran Jabatan Perdana Menteri telah melahirkan seramai 460 orang penghafal Al-Quran sejak program diploma tahfiz Al-Quran dimulakan pada tahun 1984. Pada masa ini bilangan pelajar yang mengikut pengajian tahfiz Al-Quran anjuran Jabatan Perdana Menteri berjumlah 174 orang dan pengambilan pelajar baru seramai 100 orang lagi akan dibuat pada bulan Jun 2000.

Untuk menggalakkan umat Islam menghafal Al-Quran, Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan langkah-langkah berikut:-

- (i) membina sebuah institusi tahfiz al-Quran yang dikenali sebagai Darul Quran di Kuala Kubu Baru Selangor. Para pelajar tidak dikenakan apa-apa bayaran sebaliknya mereka diberi elaun sebanyak RM250 sebulan.
- (ii) Mengadakan pertandingan hafaz Al-Quran tahunan. Pemenang pertandingan ini akan mewakili negara dalam lain-lain pertandingan hafal Al-Quran peringkat antarabangsa.

- (iii) Mengadakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dengan kerajaan kepada pemegang-pemegang Diploma Tahfiz Al-Quran

Datuk Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *share* sedikit pengetahuan dan sedikit pengalaman tentang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta pertanyaan. Ya, ya.

Datuk Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:sedikit, hendak soal, terus hendak soal Tuan Yang di-Pertua. Adakah Jabatan Perdana Menteri yang mempunyai sumber yang luas, rangkaian yang luas ingin memperluaskan Institut Hafal Al-Quran ini mencakupi seluruh negara dan mengurangkan umur? Sekarang ini saya difahamkan bahawa penghafal-penghafal Al-Quran di Darul Al-Quran itu diambil selepas S.P.M., umur 17, 18 tahun tetapi sedikit pengalaman, bahawa budak-budak umur sembilan sampai 12 tahun pun mampu menghafal bahkan ada tempat-tempatnya lebih baik daripada umur yang dewasa 17, 18 tahun.

Jadi, kalau misalnya dengan kebolehan, dengan kemampuan, dengan *resources* yang ada, kalau Jabatan Perdana Menteri dapat memikirkan supaya diperluaskan sistem penghafal Al-Quran ini merangkumi desa dan kota seluruh negara, saya rasa manfaat dan faedahnya lebih baik. Adakah Jabatan Perdana Menteri sedang memikirkan perkara ini?

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Institut Hafal Al-Quran atau Darul Al-Quran yang kita tubuhkan dan aktiviti-aktiviti hafal Al-Quran yang dijalankan oleh kerajaan ialah seiring dengan perancangan tenaga manusia dalam negara kita, maka sebab itu kita perlukan kelulusan dan hadkan umur kerana mereka ini akan memasuki pasaran pekerjaan yang ditetapkan oleh kita. Adapun hafal Al-Quran bagi umur sembilan dan sebagainya memang kita galakkan tetapi sebenarnya seperti mana yang kita tahu mereka ini tidak boleh dikatakan untuk menjadi pelajar sepenuh masa kerana mereka berada dalam perancangan pendidikan demi keperluan negara kita. Tetapi untuk keperluan hafal Al-Quran ini memang kita galakkan, memang dalam kurikulum sekolah rendah dan sekolah menengah ada Program Hafal Al-Quran dan kegiatan-kegiatan ke arah menghafal Al-Quran ini memang meluas di sekolah-sekolah.

Begitu juga kerajaan-kerajaan negeri menubuhkan Maahad Tahfizl Al-Quran di negeri-negeri dan umurnya tidak begitu ketat. Di samping itu, ada institusi swasta yang memang kita galakkan untuk menjalankan kegiatan ini dan kerajaan sentiasa memberi banyak perhatian dan galakan dengan mengeluarkan bantuan-bantuan sekadar yang mampu dan yang diperlukan.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan jumlah penghafal Al-Quran ini begitu sedikit seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu seramai lebih kurang 462 orang sahaja, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menyusun supaya dijadikan satu kuota negeri-negeri di seluruh negara kita supaya fokus kerajaan untuk menumpukan di dalam menerapkan nilai-nilai Islam akan lebih berkesan lagi?

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat kita hendak memperbanyakkan ini, maka sebab itu saya sebut dalam jawapan kepada Yang Berhormat bagi Parit Buntar tadi bahawa galakan diberi, persiapan pun dibuat di peringkat sekolah sebagai kokurikulum dan kurikulum rasmi dan kokurikulum di sekolah tentang hafal Al-Quran ini dan kita perlu banyak kerana rancangan kita, buat rancangan pertama ini ialah semua masjid daerah, kita akan adakan seorang imam yang hafal Al-Quran.

7. **Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat]** minta Perdana Menteri menyatakan maksud istilah "Kuasa Asing/Kuasa Luar" yang mengancam negara yang selalu disebut dalam ucapan-ucapan Perdana Menteri. Adakah ianya tidak termasuk kuasa-kuasa asing yang merosakkan rakyat dan negara seperti kuasa globalisasi yang membawa penyakit kebudayaan asing, syarikat syarikat rokok, arak, judi kelab-kelab hiburan, filem-filem asing, konsert-konsert yang merosakkan masyarakat dan negara kita. Apakah sikap dan tindakan kerajaan terhadap perkara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, 'Kuasa Asing/Kuasa Luar' yang sering dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapan-ucapan beliau adalah merujuk kepada sesuatu bangsa atau negara yang berkeinginan untuk menguasai dan mendominasi negara ini sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi tujuan kepentingan mereka. Walaupun di zaman ini penjajahan dan penaklukan oleh sesuatu bangsa dan

negara ke atas negara lain sudah tidak dapat diterima lagi, namun ini tidak bermakna bahawa penjajah telah luput terhadap budaya penjajah. Malahan keinginan untuk menguasai dunia sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan menggunakan berbagai-bagai cara dan boneka mereka masih berterusan tanpa dibendung. Kecanggihan teknologi komunikasi dan maklumat yang dikuasai oleh mereka serta penekanan kepada konsep dunia tanpa sempadan *borderless world*, dengan izin, dan globalisasi memberi kesempatan yang sangat mudah bagi mereka menguasai kita sama ada dari segi ekonomi, politik dan sosial.

Hasil daripada tindakan-tindakan mereka, negara-negara yang dikuasai itu akan menghadapi masalah ekonomi, politik dan sosial. Negara-negara ini akan hilang kekuasaan politik, ekonomi merudum sehingga negara menjadi miskin, rakyat jelata menjadi lemah dan hilang kewibawaan dan nilai-nilai hidup dan kebudayaan tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa prihatin dan waspada dengan tindak-tanduk kuasa asing atau kuasa luar ini dan sentiasa mengambil tindakan segera untuk menangkisnya. Kerajaan juga memberi keutamaan kepada pembangunan insan yang menjurus kepada pembentukan masyarakat bertamadun yang mempunyai kekuatan dan ketahanan diri yang tinggi, berilmu serta mempunyai nilai-nilai tersendiri yang kaya dengan sejarah, tradisi dan budaya. Ini kita lakukan melalui proses latihan dan pendidikan termasuk pendidikan agama dan moral.

Alhamdulillah, setakat ini usaha-usaha yang telah kita jalankan telah berjaya membanteras serangan-serangan mereka terutama kepada sistem politik dan ekonomi kita. Langkah-langkah yang telah kita ambil itu telah membolehkan pembangunan ekonomi negara kita pulih dan keamanan dan kestabilan negara dikekalkan. Tetapi usaha-usaha kerajaan ini ada batasnya. Rakyat perlulah prihatin di atas trend ini dan membina kekuatan dan ketahanan diri untuk menangkis usaha-usaha kuasa luar ini.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah budaya asing yang diamalkan oleh negara-negara asing telah pun diterapkan oleh pihak kerajaan melalui kebenaran-kebenaran oleh kerajaan kepada pihak-pihak tertentu semasa menyambut alaf baru di mana kita tahu pesta arak secara besar-besaran telah pun diadakan di beberapa tempat utama

termasuklah di *Sunway*, KLCC, Bukit Bintang dan juga di Terminal Satu, *Subang Airport* pada malam 31 Disember 1999. Pesta dan sambutan ini bertentangan sekali dengan budaya Malaysia dan budaya Melayu, apatah lagi dengan ajaran Islam tetapi pihak-pihak tertentu telah menyatakan perkara ini tidak dapat dibatalkan dan tidak dapat ditarik balik kuasa yang diberi memandangkan kelulusan telah diberi kepada pihak-pihak penganjur.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya soalan.

Tuan Saupi bin Daud:saya ingin tahu – soalnya ialah kelulusan sebagaimana yang telah diberi oleh pihak kerajaan sehingga teguran rakyat dan juga kritikan rakyat tidak membuat ianya dapat ditarik balik.

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan wujud budaya asing seperti kelab hiburan, filem atau apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat yang menyoal tadi Kita harus faham bahawa kita hidup dalam masyarakat majmuk, ada perkara yang haram agama Islam, ada perkara yang diharamkan bagi mereka yang beragama lain. Dalam soal meluluskan lesen, ini adalah kuasa kepada Kerajaan Tempatan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, apakah faktor yang menyebabkan kerajaan tidak mengambil kira pengaruh-pengaruh asing dari sudut budaya kerana mengikut pandangan-pandangan ahli cerdik pandai, sesuatu negara sekiranya ia dapat menawan budaya, dapat mengeksport budaya mereka kepada satu-satu negara, maka ia mampu bertahan beratus-ratus tahun tetapi sekiranya satu negara ia hanya dapat menawan benda dari negara tersebut ia hanya mampu bertahan untuk beberapa ketika. Atas alasan apakah negara kita tidak mengambil kira bahawa faktor pengaruh asing dari sudut kebudayaan kerana yang ini lebih bahaya daripada sudut material dan kebendaan.

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, apa juga yang diperkatakan pihak pembangkang sudah menjadi amalan mereka, apa juga usaha ke arah kebaikan yang Barisan Nasional lakukan mereka akan menidak atau menafikan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah dan kawalan bagi menangani gejala tersebut, umpamanya syarikat rokok sekalipun kita tidak benarkan mengiklan produk mereka. Jika

filem, kita ada penapis filem, jika ada pengamal alkohol yang tinggi, tangakapan dilakukan. Begitu juga kalau ada

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak jawab soalan saya, kenapa saya tanya, terutama tidak masuk kebudayaan.

Seorang Ahli: Sabarlah. [*Disampuk*]

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan ini saya lebih merasakan bahawa demonstrasi jalanan lebih bahaya terhadap seluruh negara jika dibandingkan dengan budaya-budaya yang disebutkan sebentar tadi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Tepuk*] Tidak jawab soalan ini. [*Disampuk*]

Seorang Ahli: Tidak payah jawablah, duduklah.

8. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sama ada Akta Hak Milik Strata (Akta 318) akan dipinda untuk memastikan pemaju-pemaju memperuntukan kemudahan-kemudahan asas (*basic maintenance*) kepada bangunan-bangunan yang telah diduduki tetapi belum lagi mendapat surat hak milik strata.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Jelutong, Akta 318 iaitu Akta Hak Milik Strata merupakan akta khusus untuk bangunan-bangunan yang telah dikeluarkan surat hak milik strata di mana kemudahan-kemudahan asas akan diselenggarakan oleh perbadanan pengurusan. Dengan itu peranan pemaju akan terhenti daripada menyelenggara kemudahan-kemudahan asas apabila sahaja hak milik strata didaftarkan dan perbadanan pengurusan ditubuhkan.

Walau bagaimanapun, syarikat telah dimaklumkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa mereka sedang menyediakan satu rang undang-undang baru bertujuan untuk mengawal selia penyelenggaraan dan pengurusan bangunan sebelum perbadanan pengurusan ataupun *management corporation* ditubuhkan mengikut kehendak Akta Hak Milik Strata 1985.

Buat masa ini draf undang-undang ini sedang disemak oleh pejabat Peguam Negara. Rang undang-undang ini seterusnya akan dibentangkan di Parlimen untuk persetujuan. Kawal seliaan, penyelenggaraan dan pengurusan

bangunan ini akan dibuat oleh Pesuruhjaya Bangunan, dengan izin, *Commissionerl of Buildings* dalam akta baru ini.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat mengambil pertimbangan semasa hendak menggubal sesuatu akta dalam Parlimen ini dengan mengambil kira bahawa setiap penghuni di rumah-rumah pangsa, apartment atau kondo mereka perlu membayar cukai taksiran dan di samping itu mereka dikenakan bayaran penyelenggaraan.

Ini bermakna Pihak Berkuasa Tempatan dalam satu kawasan perumahan kondo, rumah pangsa itu mereka tidak ada peranan mencuci parit, memotong rumput dan mengutip sampah-sarap. Mereka tidak ada kerja langsung dan mengapa mereka masih hendak mengutip cukai taksiran atau cukai pintu dan bukankah ini satu beban kepada penduduk-penduduk dan satu ketidakpatutan untuk penduduk-penduduk rumah pangsa. Walhal, orang-orang yang duduk di rumah teres mereka bayar taksiran tetapi dapat perkhidmatan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Dr. Tan Kee Kwong: Untuk jawapannya, kerajaan akui sekarang ada banyak masalah tentang kondo-kondo dan apartment dan dengan izin, ini *chicken and egg situation*. Kalau tidak bayar *service charge* tidak ada manfaat, sebab itu akta baru ini – tadi saya sebut Pesuruhjaya Bangunan atau *Commissioner of Buldings* mengawal selia, penyelenggaraan dan pengurusan dan sama ada bangunan yang belum atau dikeluarkan hak milik strata dan juga ada perkara lain, bayaran perkhidmatan bulanan boleh didenda atau didakwa dan juga – lagi satu masalah ialah akaun khas, dengan izin, *sinking fund* sentiasa diaudit.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa hak milik strata selalunya mengambil masa lebih daripada 10 tahun untuk dikeluarkan selepas OC dikeluarkan?

Dr. Tan Kee Kwong: Di antara yang menyebabkan sesuatu permohonan mengambil masa yang lama untuk diluluskan adalah kerana:

- (i) permohonan yang dikemukakan oleh pihak pemaju dan juru ukur tanah berlesesn atau JTB tidak lengkap seperti

mana syarat-syarat yang dikehendaki dalam borang permohonan;

- (ii) JTB lambat mengambil tindakan yang dikehendaki oleh Jabatan Ukur atau pejabat tanah; dan
- (iii) Pemaju lambat menjelaskan bayaran kelulusan dan juga JTB lambat menyiapkan Pelan Akui Strata untuk semakan Jabatan Ukur.

Ada persepsi yang tidak benar sebab kementerian saya tidak mengambil berat untuk masalah ini dan saya ada statistik kedudukan permohonan hak milik strata di Semenanjung Malaysia hingga 31 Disember 1999.

Sebagai contoh di Wilayah Persekutuan, permohonan yang diterima berjumlah 77,538 yang mana dari jumlah ini apa yang diluluskan ialah 58,000 dan ada yang sudah didaftar ialah 51,000 dan juga di negeri Yang Berhormat bagi Jelutong ialah Pulau Pinang yang diterima ialah 75,000 yang dilulus lebih kurang 60,000; yang telah didaftar ialah 46,000. Sekian, terima kasih.

9. **Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah keuntungan yang diperolehi kerajaan daripada penajaan besar-besaran oleh syarikat rokok dan arak ke atas program-program sukan terutama sekali yang melibatkan dan menjadi tumpuan para belia.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein]:

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang menyedari bahawa program-program sukan terutama sukan-sukan popular mendapat sambutan penajaan begitu menggalakkan daripada pelbagai syarikat yakni termasuk syarikat-syarikat berasaskan rokok dan minuman keras.

Kelulusan bagi penganjuran pertandingan sukan di negara ini adalah di bawah pertimbangan Kementerian Belia dan Sukan manakala dalam hal memilih penajaan bagi menjayakan pertandingan sukan adalah di bawah pertimbangan pihak penganjur.

Kementerian Belia dan Sukan tidak menyangkal bahawa kos penganjuran sukan memerlukan belanja yang besar. Walau bagaimanapun, penajaan program sukan oleh syarikat-syarikat yang berasaskan rokok dan minuman keras hendaklah sentiasa mematuhi garis-garis panduan yang telah

ditetapkan iaitu mereka tidak dibenarkan untuk mempamerkan produk keluaran mereka atau perlakuan manusia menggunakan produk-produk keluaran tersebut.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak kementerian tidak sedar bahawa hasil daripada penajaan ke atas program-program sukan melalui syarikat-syarikat iklan daripada rokok dan juga minuman keras seperti mana dalam pertandingan kriket antarabangsa, seperti mana dalam pertandingan Sukan Komanwel, itu pun dibatalkan setelah ada bantahan daripada umat Islam di negara kita. Dalam pertandingan bola sepak melalui syarikat-syarikat rokok dan sebagainya. Tidakkah, walaupun mereka tidak dibenarkan untuk mengiklankan barangan mereka, tetapi secara umumnya rakyat mengetahui bahawa kalau *Carlsberg*, barangannya ialah minuman keras, kalau *Dunhill* orang tahu bahawa itu rokok, rakyat kampung ataupun muda mudi ini tidak tahu bahawa ia merupakan jenama kepada tali pinggang ataupun baju, kasut dan sebagainya, sedangkan kesan daripada penajaan ini telah membawa kepada suatu percanggahan, *counter productive* antara pihak kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Kesihatan umpamanya untuk menggalakkan kehidupan sihat iaitu bebas daripada rokok.

Begitu juga dengan Kementerian Pengangkutan dan juga Jabatan Polis yang menginginkan pemanduan yang selamat di mana pemandu bebas daripada arak, di mana arak penyumbang besar kepada kemalangan jalan raya dalam negara kita.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi sikap dan perangai parti pembangkang yang suka menuding jari mencari kesalahan orang lain tetapi tidak menyedari bahawa satu jari menuding ke arah orang lain dan empat jari menuding ke arah diri sendiri. Saya hendak ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena bahawa kalau hendak membangkitkan isu tembakau, jumlah terbesar penanam dan pengawet tembakau datangnya daripada negeri Kelantan dan Terengganu.
[Tepuk]

Isunya berkaitan dengan kesihatan, kalau Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena menyatakan bahawa percanggahan dari segi kesihatan dan unsur-unsur negatif daripada pengiklanan tadi, saya rasa unsur penanaman tembakau di negara-negara di bawah pemerintahan Kerajaan PAS di Kelantan dan

Terengganu merupakan satu isu. [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, sedang tidak bermakna telah pun.

Kedua, saya hendak menyatakan sebuah negara Islam yang kecil, rakyat hanya 22 juta, rakyatnya berbilang kaum dan berbilang agama mampu bersaing dan juga mengetengahkan atlet-atlet yang bertaraf antarabangsa adalah satu perkara yang amat berjaya dan mengagumkan. [*Tepuk*]

Di peringkat antarabangsa adalah satu amalan pelbagai syarikat termasuk syarikat rokok dan juga syarikat minuman keras yang digunakan untuk membantu pembangunan sukan dan atlet-atlet kita.

Maka kita mesti memahami realiti dunia sekarang, di mana sukan bertambah canggih, sukan bertambah teknikal, sukan memerlukan perbelanjaan yang besar tetapi kita di peringkat kerajaan telah pun mensyaratkan pelbagai garis panduan untuk memastikan bahawa penajaan ini tidak membawa kesan-kesan yang buruk kepada atlet kita.

Kementerian berpendapat dan saya rasa ramai rakyat berpendapat bahawa kemajuan sukan dan atlet-atlet kita pada tahap yang amat membanggakan dan banyak datangnya daripada *sponsors*, dengan izin, dan penaja-penaja bukan sahaja daripada syarikat-syarikat rokok dan minuman keras tetapi banyak lagi syarikat yang lain seperti EON dan sebagainya yang telah membantu pembangunan sukan kita pada hari ini. [*Tepuk*]

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah kementerian membuat kajian terhadap kesan darjahnya kepada belia-belia di negara ini terhadap apa yang dikatakan iklan-iklan arak dan iklan merokok?

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kesan kepada belia merupakan bahagian belia di peringkat bahagian dan saya telah menyatakan awal-awal lagi di bawah program belia yang telah kita gubal dan telah kita bentangkan sebelum ini akan kita kaji siasat dan kesan-kesan iklan ini terhadap golongan belia akan diambil kira dalam kajian yang akan disebutkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 10 hingga 23 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesepuluh”.*[16 Februari 2000]*

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong menyambung ucapan.

11.05 pagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyambung perdebatan saya di Dewan yang mulia ini, pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya baru pun berada di paragraf pertama. Saya bagi pihak rakyat jelata serta pengundi Barisan Nasional di kawasan Parit Sulong mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda di Dewan yang mulia ini, Isnin lalu.

Ucapan tersebut pastinya akan kita jadikan garis panduan mendorong perjuangan di dalam usaha mencemerlangkan bangsa, agama dan tanah air di alaf baru ini. Beberapa perkara pokok tersirat di dalam ucapan tersebut, pertamanya adalah seruan semoga rakyat jelata memperkukuhkan azam untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Keduanya, ialah seruan semoga rakyat jelata berusaha meningkatkan martabat bangsa dan negara supaya Malaysia sentiasa dihormati dan diteladani dunia.

Ketiganya, Malaysia hendaklah sentiasa bebas, sepadu dan maju. Tuan Yang di-Pertua, seruan Yang di-Pertuan Agong mengenai aspek-aspek kemerdekaan, kedaulatan dan martabat bangsa dan negara adalah seruan yang amat relevan dengan perkembangan dunia mutakhir. Seruan baginda supaya Malaysia sentiasa bebas, sepadu dan maju juga serasi dengan situasi dunia hari ini. Hakikatnya demikian kerana dunia hari ini sedang berhadapan dengan fenomena pensejagatan ataupun globalisasi. Terminologi 'globalisasi' ini sudah banyak ditakrifkan oleh para penulis, futurist, pakar-pakar ekonomi dan sosiologi serta oleh kumpulan budayawan, ahli-ahli politik dan lain-lain.

Dalam pada itu, perkembangan globalisasi ini tidak boleh dielakkan, ia lahir bersama ledakan teknologi, komunikasi dan maklumat ataupun *information, communication technology*. Ia lahir setelah kuasa Barat mewujudkan Susunan Baru Dunia atau *The New World Order*, ia lahir setelah tamat perang dingin di antara blok demokrasi Barat dengan blok komunis, ia lahir apabila ekonomi dunia didasarkan khususnya kepada kuasa pasaran, ia juga lahir berikutan liberalisasi perdagangan antarabangsa.

Pada ketika ini golongan yang terlalu amat mendewa-dewakan globalisasi yakin bahawa perkembangan ini akan membawa manfaat besar kepada majoriti umat sejagat. Konsep yang sedang diuniversalkan oleh kuasa Barat ini dikatakan akan mewujudkan kesamarataan atau *equality* di antara sesama umat manusia.

Menurut mereka kekayaan material dan kemewahan hidup di suatu daerah, di suatu wilayah atau suatu negara kononnya akan mengalir ke daerah, wilayah atau negara yang lain sehingga lebih ramai warga jagat yang akan menikmatinya sekali gus perkembangan ini dikatakan akan meningkatkan keharmonian di mana-mana jua.

Globalisasi dikatakan akan meningkatkan lagi kerjasama antarabangsa, akan mempercepatkan pelaksanaan sistem undang-undang sejagat dan juga akan mewujudkan kerjasama yang luas melangkaui batas-batas biasa antara sesama manusia dan antara sesama golongan dari pelbagai negara. Lebih menakjubkan lagi, globalisasi dikatakan akan mewujudkan sebuah dunia yang

lebih aman, lebih damai, lebih adil dan lebih perkasa. Pendek kata, globalisasi akan memungkinkan kesatuan kerjasama, ketergantungan, keamanan dan keharmonian antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pokoknya apakah semua ini benar-benar belaka. Menurut seorang penganalisis tempatan, Mohamad Abu Bakar di dalam artikelnya di dalam majalah *Pemikir* April/Jun 1998, analisis tentang globalisasi ini masih belum melahirkan satu rumusan yang muktamad. Pertamanya, kerana kerumitan memahami perkembangan itu secara menyeluruh, keduanya kerana proses globalisasi itu sendiri masih berterusan perkembangannya, dengan izin, *on going process*.

Sebab itulah, beliau menyarankan semoga realiti dunia global ini difahami secara mendalam. Katanya, bukan semestinya globalisasi menjanjikan keamanan dan segala macam kesenangan, sedangkan pada hakikatnya realiti tersebut mengandungi pelbagai risiko. Pendapat di atas seolah-olah dikongsi bersama oleh seorang penulis Barat, Charles Leadbeater, di dalam bukunya berjudul *Living On Thin Air*. Leadbeater mengatakan bahawa *knowledge economy* yang muncul bersama proses globalisasi sekarang ini belum pasti menjanjikan bahawa umat sejagat akan terbebas dari konflik dan ketidaksamarataan atau *inequality*.

Beliau mengatakan bahawa fenomena baru ini akan memunculkan persengketaan atau *tension* di antara golongan kaya dan miskin. Persengketaan itu pula akan mendorong sikap yang berbeza-beza terhadap nasionalisme dan juga globalisasi itu sendiri. Leadbeater juga mengatakan bahawa fenomena baru ini mungkin melahirkan budaya nilai kefahaman terhadap demokrasi yang bercorak universal. Jika ini tidak dibendung mungkin boleh menjejaskan asas-asas semangat kebangsaan sesuatu bangsa di hari mendatang.

Dua pandangan di atas bolehlah dijadikan asas simpulan bahawa globalisasi yang sedang menggelora perkembangannya di seluruh dunia memang ada baiknya dan tidak kurang pula keburukannya. Saya telah mengatakan sebentar tadi bahawa gelora globalisasi ini tidak boleh disekat kemaraannya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mengikut perbahasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dan amat tertarik hati soalan globalisasi ini, ada mengatakan supaya

kekayaan ataupun kemewahan sejagat akan mengalir ke setiap tempat daripada negeri, daerah dan sebagainya, maknanya kita akan menikmati bersama kemewahan di seluruh dunia kepada semua manusia sejagat, tetapi kalau kita pandang pada masa sekarang, ada petunjuk yang menunjukkan iaitu dasar *free market* dan globalisasi ini tidak ubah sebagai *blackhole* yang mana menarik semua lagi daripada tempat-tempat lain menuju satu hala sahaja iaitu hala yang banyak kemewahan kewangan, sumber kekayaan dan kuasa sejagat terutamanya kepada Barat, jadi dengan sendirinya *blackhole* ini menarik semua kekayaan dari pelosok dunia ini semuanya menuju ke Barat, bagaimana pandangan Datuk dalam persoalan ini?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pandangan itu betul. Oleh kerana apabila pendokong-pendokong globalisasi mengatakan dengan wujudnya proses ini akan mengalirlah modal kekayaan dari satu daerah, wilayah dan negara ke satu daerah, wilayah dan negara yang lain. Sebenarnya ini adalah *one way movement* ataupun pergerakan satu hala iaitu dari daerah, wilayah dan negara maju ke daerah, wilayah, negara yang mundur, bukannya ada pergerakan dari daerah, wilayah negara yang mundur ke daerah, wilayah negara yang maju, *is a one way traffic*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, pergerakan satu hala..

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

Perkara ini dipakejkan sedemikian rupa dengan satu kosmetik yang indah supaya ia dapat menawan kalbu pemikir-pemikir yang cuba melihat konsep ini secara rambang. Mereka yang melihat perkara ini secara rambanglah yang terpikat apatah lagi apabila konsep ini dikaitkan dengan ciri-ciri demokrasi liberal dan sebagainya, sebagaimana yang sekarang ini sedang menjebak kehidupan sesetengah masyarakat di wilayah kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengulangi, saya telah mengatakan sebentar tadi gelora globalisasi ini tidak boleh disekat kemaraannya, semua negara baik besar atau pun kecil akan dilanda oleh gelora ini. Soalnya bagaimanakah rupa bentuk *survival* atau hidu mati bangsa Malaysia di era globalisasi. Soalnya bagaimanakah kita harus bertindak supaya di era dunia tanpa sempadan ini Malaysia akan sentiasa terjamin kemerdekaannya,

Malaysia akan terus terpelihara kedaulatannya dan Malaysia akan terus tinggi martabatnya.

Persoalan-persoalan inilah yang perlu diperincikan bersama, *survival* bangsa Malaysia di globalisasi menuntut semua pihak, baik pihak kerajaan mahu pun pihak pembangkang, baik orang kampung, baik pelajar *academician* dan seluruhnya menuntut semua pihak di negara ini untuk berfikir, bergerak, bertindak secara bijaksana. Ini termasuklah kepimpinan politik di serata peringkat, kepimpinan negara, kumpulan, penggubal undang-undang, warga pelaksana di sektor perkhidmatan awam dan juga warga swasta di segenap lapisan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, wajarlah kiranya seluruh dasar dan strategi pembangunan ekonomi Malaysia segera dijajarkan. Sekarang ini telah pun dimulakan tetapi saya hendak perkara ini disegerakan dan dengan secepat-cekapnya. Seluruh dasar serta strategi pengurusan dan pembangunan sosio budaya negara ini perlu diuruskan ke arah pemupukan suatu ketahanan nasional yang lebih jitu, jati diri yang serasi dengan landskap seajagat.

Dasar serta strategi pembangunan generasi, pembangunan sumber manusia dan modal intelektual menerusi pendidikan dan latihan juga perlu ditumpukan ke arah globalisasi, hal ini termasuklah dasar serta strategi mengenai ketatanegaraan, kemasyarakatan, kebudayaan dan keagamaan.

Lebih penting dari segala-galanya pada pandangan saya, seluruh perilaku, sikap, perspektif serta landskap politik negara hari ini juga wajar diorientasikan ke arah menjamin hidup mati *survival* bangsa Malaysia serta memelihara kemerdekaan dan kedaulatan negara di hari-hari mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini saya katakan penting kerana globalisasi yang ditaja oleh kuasa-kuasa Barat ini bukan sahaja tertumpu kepada soal-soal perdagangan dan perindustrian, malah ia lebih juga tertumpu kepada soal-soal politik dan kerosakan sosial.

Menerusi globalisasi contohnya, Amerika Syarikat dan konco-konconya, ini perkataan Indonesia, bukan 'kuncu-kuncu'nya – dan konco-konconya sebenarnya berusaha keras untuk mensejagatkan demokrasi mengikut piawaian mereka. Maka, ditiupkanlah lagu-lagu demokrasi liberal, sifat-sifat *free society*, konsep hak asasi manusia yang mengikut acuan mereka, ciri-ciri kebebasan mutlak, soal-soal keadilan total dan juga gerakan

gerakan reformasi politik dalam tempoh yang amat segera. Presiden Reformasi ada di sini. [*Yang Berhormat bagi Permatang Pauh mengangguk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan demokrasi ini saya minat sedikit. Demokrasi kalau kita baca daripada sejarah dan teorinya memang baik kalau kita pandang 2000 tahun dahulu pihak Greek, Yunani, bangsa-bangsa yang dahulunya maju telah men'theorise'kan, dengan izin, soalan demokrasi ini. Dalam masa yang sama semasa mereka menyebut-nyebutkan demokrasi ini, mereka juga mengamalkan pengabdian dan sebagainya orang Sparta, orang Carthagenian semua ditangkap dijadi ulun, jadi hamba abdi. Tetapi dalam masa yang sama mereka mengatakan semua orang itu memang ada demokrasi, bebas dan sebagainya. Kebebasan diberi kepada segolongan mereka yang memerintah sahaja. Begitulah seterusnya sejarah manusia.

Kalau kita lihat di England di mana demokrasi penduduk dan di France umpamanya semenjak revolusi ummah mereka pada tahun 1776 dan begitulah juga kita lihat di Amerika semenjak Thomas Jefferson membuat satu teorinya sendiri dan mengabadikan soalan kebebasan manusia sejagat tetapi dalam masa yang sama Thomas Jefferson sendiri bukanlah *abolitionist* ataupun percaya dengan penghapusan hamba abdi di Amerika pada ketika itu. Banyak hipokrasi yang ditunjuk pihak Barat, soalan-soalan demokrasi dan begitulah seterusnya hinggalah Kennedy pada tahun 60-an baru demokrasi dengan corak yang ada sekarang, tetapi, kenapa pula di negara kita, baru merdeka tahun 1957, Sarawak, Sabah baru tahun 1963 dikehendaki mengikut hala mereka, cara mereka, liberalisasi mereka cara berdemokrasi yang mana mereka mempraktikkan demokrasi ini setelah beratus tahun baru sampai ke tahap mereka sekarang. Macam mana pandangan Datuk mengenai persoalan ini. Terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya katakan pandangan itu memang selari dengan pandangan saya kerana apabila Presiden Amerika Thomas Jefferson, dia, dengan izin, *the greatest advocator of free society*, kebebasan, *all man are equal* katanya. Pada ketika itu, cakap dia hanya tinggal di Washington D.C. Masa itu media massa belum

melebar, media elektronik belum lagi kedengaran. Jadi, waktu itu pengabdian ataupun penindasan terhadap orang hitam masih lagi berleluasa di Amerika. Apabila perkataan *all man are equal* itu disebutkan di Amerika Syarikat, penindasan terhadap orang hitam berterusan, pengimportan orang-orang dari Afrika Barat diteruskan, penuh dengan tongkang yang tidak putus-putus. Pada hari ini pun, sementara mereka cuba menjadi polis terhadap penguatkuasaan hak asasi manusia sejagat, Amerika juga bukan orang yang sebenarnya baik. Dia pakai topeng, bagaimanakah mereka menggunakan *covert operation*, umpamanya, operasi-operasi sulit melakukan intervention kepada negara-negara yang tidak digemari atas alasan apa sekali jua pun.

Pada tahun 50-an alasannya adalah untuk menafikan kejadian domino teori bermakna komunis akan datang daripada Utara hingga ke Selatan, suatu ketika dahulu untuk menafikan kononnya mencegah penanaman dadah. Lepas itu sekarang ini oleh kerana orang-orang ini melanggar hak asasi manusia tetapi lidah bercabang pihak-pihak Barat ini jelas, cuma kita ini negara-negara kecil ini tidak mampu, majority kita tidak mampu untuk bertindak oleh kerana majority kita juga terpaksa '*kautau*' – orang Cina kata, terpaksa menyembah, melutut. Hari ini wujud setengah-setengah pemimpin di Wilayah kita melutut kepada Amerika, melutut apa sahaja, rujuk kepada Amerika, tanya hendak selesai masalah Wilayah, rujuk kepada Amerika, hendak umum pecat satu jeneral, pergi depan pemimpin-pemimpin dunia, jumpa sahaja, hendak pecat jeneral, hendak pecat jeneral. Inikah pemimpin reformasi? Inikah pemimpin *democratic liberal*?

Saya bukan mengancam tetapi saya cuba menunjukkan iktibar kepada diri kita sendiri di dalam negara ini bahawa yang saya katakan suara-suara democracy liberal ini yang dipakejkan terlalu indah itu sebenarnya pada pandangan saya seorang anak Melayu yang berasal dari kampung sebenarnya mempunyai satu racun bisa untuk menghancurkan ummah yang kecil, khususnya orang Islam di Wilayah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Batang Lupar berdiri.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat sekarang juga, Tuan Yang di-Pertua, umpamanya kalau kita orang Islam, umpamanya wanita Islam bersekolah di Perancis

dilarang pakai tudung, begitulah seterusnya. Di England pun ada incident sama yang berlaku. Masuk sekolah gunakan tudung sampai diberhentikan daripada sekolah itu. Di Turki umpamanya, oleh kerana Turki hendak tunduk sangat kepada kuasa EU, hendak masuk jadi ahli EU, Ahli Parlimen yang pakai tudung pun dipecat daripada ahli dan dipecat menjadi *citizen* Turki. Jadi, ini apa kata liberal democracy yang mana apa yang baik kepada mereka itu baru liberal keuntungan mereka tetapi apa benda, perkara lain, orang lain yang cakap itu boleh ditekan dan boleh dibanteraskan. Macam mana pandangan Datuk?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebenarnya sahabat saya dari Batang Lupar ini, dengan izin, *knowledgeable* dalam hal-hal ini. Perkembangan-perkembangan antarabangsa kita ambillah waktu hari pertama Yang Berhormat masuk Dewan 10 tahun dahulu. Tahun 1992 meletus Perang Teluk. Sekarang ini berapa lagi perang mengenai orang Islam berlaku di dalam dunia. Itu adalah dekad-dekad terakhir dalam abad ke-20. Dekad-dekad terakhir selepas dilumpuhkan Iraq sehingga hari ini setiap minit berapa anak yang meninggal dunia kerana kekurangan ubat dan makanan, Bosnia di'rogol' oleh Barat tetapi Amerika tidak bertindak. Lepas ini Kosovo, masyarakat Chechnya menyambut Hari Raya dengan darah melimpah akibat penindasan kuasa-kuasa besar. Tidak ada bersuara!

Masyarakat Afghanistan sentiasa bertukar tangan tuan daripada regim komunis kepada regim Islam, lepas itu kepada regim, kononnya radikal yang sekarang ini bertentangan sesama umat Islam. Di mana letaknya perjanjian Palestine dengan Israel sampai hari ini masih lagi 'ding-dong', tidak ada berakhir. Sebab itu saya mengatakan

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dahulu Yang Berhormat. Saya melihat setelah membaca *The Clash of Civilisation*, setelah membaca buku-buku *The War 2000* dan sebagainya, hati kecil saya merasa umat Islam ini belum lagi selamat. Sebab itu baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 Februari, apabila dia mengingatkan orang Melayu belum lagi selamat, hakikatnya betul, oleh kerana orang Melayu itu sebahagian daripada umat Islam. Kita belum selamat. Tumpuannya walaupun negara ini majmuk bentuknya tetapi saya hendak mengatakan bahawa secara umum umat Islam

tidak selamat oleh kerana agenda peperangan besar yang dirancangkan oleh pihak Barat adalah, pertamanya, lumpuhkan Islam. Mereka hampir berjaya apabila Indonesia dengan lebih 200 juta umat telah pun sekarang ini dalam keadaan haru-biru.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, Bukit Mertajam, beri dia.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Beri dia dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ha, sila.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak satu penjelasan. Memang kita pun setuju ada kuasa-kuasa besar kadangkala mereka tidak bertindak mengikut ajaran mereka tetapi adakah itu bermaksud everyone is borned equal, konsep itu tidak baik ataupun konsep itu memang baik tetapi mereka tidak buat. Itu tidak bermaksud kita tidak mengikut konsep yang baik dan kita ikut apa yang baik tetapi menegur apa yang tidak baik dan jangan campur aduk.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Bukit Mertajam. Kalau ini pandangan kita ikut yang baik dan buang yang tidak baik, selamat negara kita. Sekarang ini sebilangan pembangkang, dia hendak ikut apa sahaja yang datang dari Barat sehingga Al-Gore datang, tahniah rakyat Malaysia yang berani berantakan di jalan raya, orang gembira, "Hidup Al-Gore." Saya bertanya Saudari dari Bukit Mertajam, adakah itu baik? Kalau tidak baik, mengapa ada *subscribers* kepada pandangan yang sedemikian. Itu yang saya hairankan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dahulu, saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Nanti dahulu, nanti dahulu....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya masih lagi pegang *the floor*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Jangan, jangan ber...ber...ber...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti, pandangan saya, saya bersetuju dengan saudari. Kita ambil, sebab itu kita mengatakan demokrasi jangan ambil secara total dari Barat. Sementara mereka mengatakan *all man are equal*, dia masih lagi menindas, merantai orang hitam sebagai abdi. Sekarang ini dia sebagai polis kepada hak asasi manusia, mereka juga memejam mata apabila orang Puteh mengecam orang Islam. Ini bukan suara racialist tetapi ini hakikat yang berlaku. Saya bawa ke dalam Dewan yang mulia ini supaya kita ambil cermin, cermin iktibar yang boleh kita ambil. Itu harapan saya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Puan Chong Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Yang mana hendak beri? Ha, Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya menyingkap kembali sejarah. Zaman kegemilangan sejarah Islam berakhir pada abad ke-14 apabila Sepanyol jatuh ke tangan Catherine the Great. Digelar Catherine the Great dan sebenarnya abad ke-14 itu era historical celebration oleh pihak Barat, digelar era itu *architectural excellence, era intellectual inquiry, era renaissance*. Jadi, semua benda ini, walaupun perpecahan berlaku di seluruh Eropah tetapi mereka mendaftar pada era itulah intellectual inquiry, macam-macam ke'excellence'nan negara Barat menunjukkan kekalahan umat Islam di Sepanyol pada ketika itu. Jadi, kita menunjuk tindak-tanduk mereka walaupun dalam era-era yang tertentu, mereka menunjukkan sikap-sikap yang tidak seimbang, sikap-sikap yang mirip sebelah, sikap-sikap yang tidak betul-betul apa dikatakan *all man are created equal*.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar kerana cuba membantu saya menghuraikan lagi perkara-perkara pokok yang berkaitan dengan ketidaksamarataan yang diamalkan oleh Barat dan sikap-sikap *double standard* oleh Barat dalam konteks demokrasi dan dalam konteks pembangunan masyarakat sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya balik kepada apa yang saya tegaskan tadi. Saya katakan hal-hal mengenai globalisasi yang tersirat ini harus kita lihat dengan kacamata yang amat kritis sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, ada yang berdiri. Sungai Petani.

Datuk Mahadzir bin Mohd. Khir: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua oleh kerana tadi saya berdiri, saya lepaskan dahulu sebab saya takut apabila telah dipanjangkan, jadi apa yang saya hendak minta penjelasan mungkin terlewat. Tadi ada disebut mengenai dengan perkara hak asasi manusia dan juga demokrasi. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Datuk Ruhanie...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Parit Sulong.

Datuk Mahadzir bin Mohd. Khir: Parit Sulong. Semalam kita mendengar Ketua Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini telah menyebut macam-macam mengenai demokrasi dan hak asasi manusia. Gambarnya yang telah diberi di sini seolah-olah di Malaysia ini demokrasi sudah terhakis, katanya, itu yang lebih yang saya fahamlah dan juga seolah-olah pihak kerajaan begitu menindas rakyat, pihak kerajaan tidak begitu menghirau tentang soal-soal hak asasi manusia, apakah ini benar? Bagaimana kita membenarkan pilihan raya yang lalu berjalan dengan baik, dengan lancar sehingga terpilihnya ahli-ahli bukan sahaja daripada kalangan Barisan Nasional dan juga kita dapat rakyat memilih daripada pihak parti-parti pembangkang. Apakah ini kita sudah hilang hak demokrasi? Bagaimana kalau kita ka ta kita sekarang kalau kita berbincang mengenai soal demokrasi, apakah kita mahu membincang tentang soal peraturan ataupun *law and order* di dalam negara. Apakah kita mahu membincang mengenai dengan, apa kita panggil hak asasi manusia. Jadi, saya rasa apa pandangan Yang Berhormat, apakah demokrasi kita sudah terhakis, apakah hak asasi manusia kita juga begitu sudah terpinggir?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jawabnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak. Memang tidak oleh kerana kita yang sekarang ini kelihatannya bercelaru oleh kerana mempunyai tafsiran demokrasi yang bersimpang-siur. Pihak kerajaan cuba mengatakan jangan ambil konsep demokrasi Barat bawa ke sini

dan dengan rigid hendak cuba kata, kalau tidak buat ikut Barat bermakna tidak demokrasi sedangkan kita ka ta mesti ada keluwesan (*flexibility*) dalam hal ini bermakna disesuaikan dengan latar belakang budaya, disesuaikan dengan latar belakang sejarah, disesuaikan dengan adat, convention, tradition, tamadun negara itu sendiri barulah konsep itu boleh kembang dan hidup. Kalau tidak, demokrasi akan dijadikan satu perkakas untuk menghancurkan demokrasi akibat tafsiran demokrasi yang amat bercelaru.

Mengenai hak asasi manusia. Sebenarnya ada terkandung dalam ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai hak asasi manusia ini selalu yang dihebahkan adalah kewujudan setengah-setengah akta yang dikatakan, dengan izin, *repressive*, akta-akta ini sebenarnya tidak *repressive* oleh kerana dia mengatakan ini *repressive* oleh kerana menjejaskan *liberty* asas.....

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dahulu, nanti dahulu, biar saya habiskan. Menjejaskan kebebasan asas seorang manusia. Dalam hal ini saya ada membaca satu deklarasi hak asasi manusia yang terawal daripada deklarasi hak asasi manusia daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. [*Menyemak nota ucapan*] Sekejap Tuan Yang di-Pertua, sudah bercelaru, sudah kena kacau. [*Ketawa*] *Universal Declaration of Human Rights* di Perancis pada tahun 1791 mengenai political liberty, ia mengatakan, dengan izin,

“Political liberty consists in the power of doing what ever does not injure another. The Exercise of the natural rights of every man has no other limit than which are necessary to secure to every other man the free exercise of the same rights and these limits are determinable only by the law”

Lepas itu juga dikatakan bahawa:

“The unrestrained communications of thoughts and opinions being one of the most precious rights of man; every citizen may speak, write and publish freely provided he is responsible for the abuse of this liberty in cases determined by the law”.

Ini membuktikan bahawa apa yang didakwa oleh pihak pembangkang, Akta ISA *repressive*, *Printing Presses Act repressive*, dinyatakan tidak ada kebebasan yang mutlak. Kebebasan bercakap memang diberi, kebebasan menulis memang diberi, kebebasan menerbitkan surat khabar memang diberi

tetapi kita harus bertanggungjawab terhadap sekatan-sekatan yang diberikan oleh undang-undang sedangkan undang-undang itu *the conscience of the society*....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Kuala Terengganu, bolehkah beri jalan?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah agaknya pandangan saya yang cetek mengenai apa Yang Berhormat tanyakan. Saya sambung dahululah ya.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti, nanti saya beri. Tuan Yang di-Pertua, saya katakan bahawa kita harus melihat pergerakan arus globalisasi ini secara kritis kerana ia mengandungi beberapa unsur negatif...

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Kota Melaka.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dahulu Yang Berhormat. Nanti dahulu ya. Unsur negatif terhadap negara-negara kecil seperti Malaysia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, Kota Melaka.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sekejap lagi saya beri. Pertama sekali mereka mengandungi unsur-unsur neo-imperialist, unsur-unsur mencari, mengembangkan, mengukuhkan dominasi sosio-ekonomi politik Barat dan juga unsur-unsur penindasan secara 'shuttle' ataupun secara yang dirancangan dengan cermat. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, terima kasih. Kawan saya di sana pandai berdebat tetapi saya rasa taktik itu kita harus ada satu standard. Jangan kita kata bahawa pembangkang ada orang kata hidup Algore. Itu ada orang buat begitu, betul. Kita tunjukkan ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin pembangkang tentang apakah pendirian kita apabila Algore datang ke sini. Kita ada satu cara yang matang.

Yang kedua, pembangkang tidak pernah kata kita hendak menuntut kebebasan mutlak, tidak pernah. Saya tahu Parit Sulong pandai, jadi saya hendak tahu kita tidak pernah cakap Malaysia ini harus menerima semua konsep Barat. Bila saya kata demokrasi itu – dahulu kita ada berucap ... memang ia ada prinsip. Satu prinsip dengan izin, *the working definition of the democracy is that the minority can become the majority one day, may become*. Itu sebabnya ada wujudnya syarat-syarat yang tertentu. Kita boleh mengikut keadaan Malaysia dan mengubah demokrasi tetapi itu semangat yang asas, tidak boleh dihakiskan, tidak boleh dirampas. Jadi dalam Malaysia itu kita sudah rampas. Saya setuju kalau kita buat salah, kita dihadapkan ke mahkamah, ditangkap tetapi kita mempunyai undang-undang yang cukup mengapa kita hendak mengadakan ISA sedangkan demokrasi lain tidak perlukan ISA lagipun ISA awalnya digunakan atas tujuan hendak menangkap komunis sahaja. Kemudian sekarang tangkap siapa? Ini semua bukti bahawa kerajaan Barisan Nasional telah salah gunakan kuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Soalan, soalan.

Tuan Kerk Kim Hock: Tiada soalan, cuma hendak hentam sahaja.

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Beritahu awallah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Datuk Yang Berhormat, kita kena beri peluang. Kita kena beri peluang pada dia kerana sekarang ini telah dilantik Setiausaha Agung DAP [Ketawa] Dia dalam beberapa minit dia berdiri Yang Berhormat, dia telah mencanggahi diri dia sendiri. Dia kata, kita memang tidak mahu mengambil konsep demokrasi secara total dari Barat tetapi apabila demokrasi dari Barat sendiri mengatakan kebebasan itu ada limitation dia dengan undang-undang dan undang-undang itu concept of the law. Tetapi apabila kebebasan itu disekat oleh Akta Keselamatan Dalam Negeri, dia kata tidak demokrasi. Dia berdiri satu, dua minit sahaja. Ini saya harap Setiausaha Agung DAP kena ikut jejak langkah Kit Siang lebih.

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Bukit Mertajam berdiri dulu.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Bukit Mertajam berdiri dulu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu,

Puan Chong Eng: Minta penjelasan,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Hendak beri ...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, saudari hendak saya jawab pertanyaan dia dulu atau tidak? Kalau tidak, saya tidak payah...

Puan Chong Eng: Nanti boleh terus jawab...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia tidak beri...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: ...sebentar lagi..sebentar lagi...

Puan Chong Eng: Nanti boleh terus jawab sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia tidak beri, dia tidak beri....

Tuan Husam bin Haji Musa: *Bangun.*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Selepas itu, dia cerita pasal Algore tadi. Apabila Algore datang sini, masa persidangan tahun 1998, APEC 1997 ke 1998, 1998. Masa itu Parlimen seda ng bersidang. Tidak ada pun. Kepong pun senyap. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya ada pantun untuk Kepong tadi tetapi masa mula berucap pagi tadi, dia tidak ada, saya sudah ketepikan pantun itu. Kepong pun senyap dan pakar undang-undangnya dari Jelutong dulu pun senyap malahan membela, jadi di mana. Saya cuba mewujudkan satu naluri berbaik-baik sesama manusia tetapi kalau setengahnya dia bercakap dua minit dah bercanggah. Macam mana?

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Boleh bagi laluan?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sudah, tadi sudah beri. Nanti sekejap, kalau tidak saya bercelaru ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia tidak bagi....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia tidak beri, duduk.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebentar lagi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

...duduk, duduk...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan the whole topic hari ini tidak ada topic lain, globalisasi sahaja. Saya tidak sentuh topic lain. Tunggulah. Hendak dapat peluang cakup dalam dewan pun, ini demokrasi, tengok...*[Ketawa]* Inilah perkataan demokrasi yang digunakan secara lumrah, ini yang rosak ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia tidak bagi, ikut peraturanlah. Jangan berdebat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, saya kata nanti dulu.

Saya cuba bertimbang rasa. Nanti dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Duduk, duduk Bukit Mertajam, dia tidak beri.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya kata nanti dulu, biar saya habiskan perenggan ini. Tuan Yang di-Pertua, pendek kata globalisasi sebenarnya mengandungi rahsia-rahsia konspirasi politik Barat terhadap negara kecil, negara lemah, negara miskin dan majoriti negara membangun.

Setelah komunisme lumpuh dan dunia menjadi unipola, pendukung-pendukung konsep demokrasi Barat berusaha gigih menekankan dan menundukkan mana-mana negara yang gagal ataupun mana-mana negara yang ingkar menghayati ideologi tersebut kerana kononnya demokrasi corak Barat sahajalah demokrasi yang memenuhi piawaian internasional.

Pensejagatan ciri-ciri demokrasi Barat inilah yang sekarang ini diijakan oleh seluruh media masa Barat. Mana-mana negara yang mahukan favour dari Barat dimestikan memenuhi seluruh piawaian demokrasi Barat. Mana-mana negara yang kritikal terhadap tuntutan mereka akan dikecam, akan diugut, akan diancam, kalau boleh diporak-perandakan. Malaysia adalah sebuah dari negara-negara berkenaan. YAB Perdana Menteri Malaysia adalah di antara tokoh ataupun segelintir tokoh dunia yang sentiasa diperkecil-kecilkan, cuba diperlekeh-lekehkan oleh media masa Barat. Semua ini terjadi

kerana Malaysia tidak rela tunduk kepada Barat dan Perdana Menteri Malaysia adalah merupakan pengkritik Barat yang paling vokal dalam dunia ini.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Kuala Terengganu minta penjelasan

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Izinkan, orang muda, demam pula ni.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah bagi.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta sedikit penjelasan, kalau boleh dengan izin, membaca editorial daripada akhbar atau majalah *Economics*, 22 Januari 2000.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Pendek sahaja, pendek sahaja. *"Dr. Mahathir has just gone on holiday, but it has shown nonetheless that although he is Asia's longest serving elected leader, he cares little for democracy beyond election it demands. This is a shame for a such promising country."*

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan tadi, dengan izin, *just like his own political master*. Menggunakan *pashing the west* adalah merupakan seolah-olah suatu taktik, suatu yang merupakan *boggy* yang baik untuk *divert* persoalan yang ada di negara kita sendiri. Realiti yang berlaku di negara kita sendiri dari segi persoalan demokrasi dan hak asasi manusia, kita bukan ingin berdebat...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Eh, ini berucap atau penjelasan?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:tentang persoalan Barat. Soalannya, ...saya hendak pergi kepada soalan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Okay, sudah soal, terima kasih, saya sudah faham

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ...sikit lagi kalau boleh? Saya hendak pergi kepada soalan, ini tidak habis lagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduk dulu, saya yang berucap, bukan saudara yang berucap.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia kena kalau dia bersetuju beri....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sudah sebab saya sudah dengar cakap dia tadi.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Soalan saya tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak jawab boleh jawablah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduk dulu, nanti boleh bangun lagi. Tuan Yang di-Pertua, tengok itu, dia membaca *Economics*. Minggu lalu saya membaca *International Herald Tribune*. Dia puji pemimpin PAS melambung-lambung. Melambung-lambung dia puji pemimpin PAS yang baru honeymoon period di Terengganu pun belum habis, dia sudah melambung puji PAS. Suatu ketika dulu, sewaktu saya di Kementerian Dalam Negeri, siaran radio satelit komunis di dalam hutan negara kita puji ucapan Haji Hadi sewaktu Maulud Nabi. Apa niatnya? Kalau pada tahun-tahun 70-an, 80-an awal komunis dalam hutan boleh mengulas isu-isu komunis, isu-isu Islam yang disebarakan menerusi radio satelit, apa niatnya?

Tuan Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu...

Tuan Mustafa bin Ali: Ini kali pertama. Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat daripada Parit Sulong. Apa perlunya dihubungkan dengan masalah komunis, dengan ucapan Yang Berhormat Tuan Haji Hadi yang dia sendiri menentang komunis, bukan sahaja menentang, apa perlunya?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Bagus, bagus. Soalan itu memang bagus. Niat saya Tuan Yang di-Pertua hendak mengatakan bahawa sebarang elemen-elemen yang boleh menimbulkan persengketaan dalam negara ini

harus diperbesar-besarkan oleh pihak musuh. Pada awal 80-an dan akhir 70-an, kita menghadapi kebangkitan PAS ketika itu dengan iringan IRA atau IRC (*Iranian Revolutionary Council*) ataupun *Islamic Research Council* daripada UK dan sebagainya, maka perbincangan-perbincangan pemimpin-pemimpin Islam diulas oleh radio komunis...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *Bangun*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: ...pasal ketika itu dia mahu menggunakan Islam sebagai kuda tunggangan menghimpunkan ahli-ahli di pedalaman, di ceruk-ceruk yang tidak boleh dihubungi oleh media bercetak. Bukan saya hendak mengatakan YAB Menteri Besar Terengganu itu ada hubungkait, tidak. Langsung tidak terlintas, sama dengan dua tiga hari yang sudah, *International Herald Tribune* memuji pemimpin PAS di Terengganu melambung-lambung tinggi. Dr. Mahathir, minta izin, YAB Perdana Menteri...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, sabar. YAB Perdana Menteri pergi bercuti kononnya jatuh kuda, bila nafi, dia kata, mana gambar? Ini hakikat oleh kerana Dr. Mahathir memang sudah dicap sebagai seorang pengkritik Barat yang amat vokal saya kata oleh kerana dia mahu cultivate the loyalty, dengan izin, untuk memupuk kesetiaan sesetengah pemimpin-pemimpin pembangkang terhadap media massa Barat maka dia lambung dan dia puji orang-orang ini bukan niat dia suka kepada YAB Menteri Besar Terengganu tetapi dia melihat perbalahan persengketaan ini, boleh dilebarkan, boleh dipecahkan, maka negara ini mudah dijajah di masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Kubang Kerian.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Nanti dulu, dia minta nanti dulu. Duduk dulu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya masih lagi muka ketiga ini.
Nanti saya beri

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia tidak beri.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Insya -Allah saya beri sebentar lagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *Bangun.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ha, duduk. Dia tidak beri.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia takut dengan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Saya tidak tahulah dia takut, berani, saya tidak tahu tetapi dia tidak beri.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak, saya tidak takut. Nanti saya beri. Saya kata saya beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ikut peraturan, dia tidak beri, tidak boleh. Takut, berani, saya tidak tahu.
[Ketawa]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebab itulah sejak YAB Perdana Menteri menjadi Perdana Menteri, kalau kita menyimpan *satu documentation of event* (dokumentasi peristiwa), berapa puluh kali assault Barat ataupun pencelaan, penghinaan ataupun serangan media Barat terhadap YAB Perdana Menteri. Berapa puluh kali negara ini cuba diserang menerusi dokumentasi filem, menerusi *feature film*, menerusi media, menerusi wayang gambar pun ada. Ingat tidak cerita *Turtle Beach* ? Bagaimana cuba diadudombakan orang melayu dengan bukan melayu kononnya 13 Mei dulu kita panglima kampung semua sembelih orang cina. Ini semua niat jahat. Siapa pendukung-pendukung mereka kalau tidak kuasa-kuasa *new imperialist* ataupun kalau tidak modal-modal *new imperialist* ataupun kemungkinan golongan zionis. Ini yang saya katakan konspirasi ini diteruskan. Agenda ini belum berakhir. Saya bukan Ketua Pemuda, saya tidak setaraf Ketua Pemuda.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, sahabat lama nanti saya bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kawan lama daripada dulu lagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, jadi ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Nampaknya dengan Kubang Kerian pun takut, dengan Pokok Sena pun takut.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak takut, apa yang hendak ditakut, ini *fresher*.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jangan berani bercakap tapi tidak berani berani beri laluan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, saya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia tidak beri.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya...pasal apa...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...media dalam negara juga menghentam PAS ...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Datuk...Datuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Duduk dulu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat, dia datang ke sini, dia hendak gendang meja sahaja pasal hari itu tidak mahu masuk, dia sudah pandai gendang meja, itu sahaja. [*Ketawa*] tetapi rupanya pandai bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Duduk dulu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi saya sekejap lagi bagi peluanglah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sudah jemulah, sudah meluat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tidak tahulah meluat ke tidak meluat ke, saya tidak tahu tetapi dia tidak bagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Ketawa*] Bukan apa, masuk hari pertama, belum angkat sumpah dia sudah pandai gendang meja, saya ingat dia hari ini hendak gendang meja sahaja. Jadi itulah. Jadi minta maaf kalau saya salah anggap. Sekejap lagi saya beri peluang. Insya -Allah.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu ada sahabat, serumpun dan sahabat se wilayah dengan kita yang kini sedang gawat dan kucar-kacir oleh kerana terlalu yakin dan percaya dengan tuntutan demokrasi liberal tajaan Barat. Maka majoriti rakyat negara berkenaan pun melaksanakan reformasi ke atas corak politik dan corak demokrasi di negaranya yang sebelum ini

kononnya dilabelkan sebagai demokrasi terpimpin. Lantas keadaan politik di negara tersebut pun penuh anarki dan menjadi kelam-kabut. Tunjuk perasaan anti-kerajaan sentiasa berpanjangan sehingga terjadi insiden-insiden di mana darah merah turut melemah. Mereka berperilaku sedemikian kerana mahukan reformasi politik sebagaimana yang disarankan oleh kuasa-kuasa Barat. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, senyap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kita insaf - saya kata saya beri, nanti saya beri. Saya tunaikan janji bukan macam PAS, pilihan raya sahaja tabur janji lepas itu hilang.

Seorang Ahli: BN yang tabur janji.

Seorang Ahli: BNlah itu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita insaf bahawa negara tersebut adalah jiran kita. Presidennya yang telah membawa pembangunan kepada bangsanya telah meletakkan jawatan atas desakan suara reformasi. Presiden yang menggantikannya juga disingkirkan kerana kononnya kurang telus dan rendah kredibiliti politiknya. Akhirnya terlantiklah seorang Presiden dukungan group reformasi. Namun begitu sehingga kini rakyat jelata tersebut terus dalam keadaan gawat dan tidak stabil sistem politiknya. Silakan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Silakan Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih banyak Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Oleh kerana sudah tegak berlalu apa yang diucapkan.

Pertama, merujuk kepada apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong bahawa PAS telah menerima pujian dalam majalah-majalah asing. Kita hendak buat macam mana kalau orang hendak puji kita. Boleh jadi mereka puji kerana ada agenda tertentu. Boleh jadi mereka puji kerana memang kita baik. Rasulullah sa.w sendiri dipuji oleh orang Yahudi, Kristian dan orang Rom, sampai pada sarjana pada hari ini memuji Rasulullah s.a.w. kerana salah satunya ialah akauntabiliti Rasulullah s.a.w. sebagai Al-Amin. Pujian ini, orang hendak puji kita tidak boleh buat apa.

Dari segi kesatuan rakyat kita menentang agenda asing, jelas. Kalau Yang Berhormat bagi Parit Sulong masih ingat, Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan adalah orang pertama yang meminta Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad jangan berhenti. Jadi Perdana Menteri semata-mata kerana orang asing tekannya, ini rekod. Tetapi tidak menjadi kesalahan bagi rakyat di bawah sistem demokrasi menukar pimpinan, menukar parti yang ia rasa tidak memenuhi hasratnya. Ini sahaja yang kita lakukan. [Tepuk] dan Barisan Nasional, Perdana Menteri dikecam.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Soalannya?

Tuan Husam bin Haji Musa: Soalannya, ada lagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Ketawa]

Tuan Husam bin Haji Musa: Ada lagi. Sedikit lagi, lepas itu soalan

.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Nanti dia buat soalan dahulu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Biarlah, tidak apa.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ada sedikit lagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Teruskan, teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia buat soalan, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tak akan soalan terus macam itu, ia mesti ada dasarnya....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Soalannya apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Sila buat soalan, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Releks.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, sila-sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Releks, releks. [Ketawa]

Tuan Husam bin Haji Musa: Jangan kita mengalihkan perhatian daripada penyelewengan pemimpin kita kepada kononnya ancaman asing. Reformasi adalah satu perkara relatif.

Tuan Moktar bin Radin: Ini berucapkah, tanya soalan?.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ia tuntutan dalam negeri....

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, ini berucapakah, tanya soalan?.

Tuan Husam bin Haji Musa:kita ikut agenda asing.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Minta Yang Berhormat

Tuan Husam bin Haji Musa: Sekarang kita hendak berhujah. Kita hendak berhujah. Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah memberi ucapan kontroversi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Berhujah terlalu panjang

Tuan Husam bin Haji Musa: Dan kita berhak memberikan hujah di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Masa minta penjelasan perlu beritahu dahulu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau tidak ada, tidak boleh berhujah. Jangan katakalau sudah berhujah dia kena berhenti. Dia kena berhentilah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Soalnya Tuan Yang di-Pertua.....*[Disampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat Kubang Kerian, nanti kita balik lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Soalnya ialah Yang Berhormat bagi Parit Sulong ini waras ka tidak? *[Ketawa]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Soalan itu tidak boleh.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tanya sahaja. Saya tidak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ...
tidak boleh.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tarik balik.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia akan bersoal kepada

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Perkataan ini tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia akan bersoal kepada

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kena tarik balik.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya melihat Tuan Yang di-Pertua,
....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tidak boleh. Hendak kata waras atau tidak, tidak boleh.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau Yang Berhormat bagi Parit
Sulong inginkan perpaduan orang Islam, inginkan perpaduan rakyat jelata
.....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Soalannya?

Tuan Husam bin Haji Musa: Ucapannya, soalannya, Mengapakah
....[Disampuk]

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, *point of order 36(6)*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Mengapakah ucapannya

Tuan Moktar bin Radin: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, sila duduk, ada *point of order*.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, sekian terima kasih.

Tuan Moktar bin Radin: 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya.

Tuan Moktar bin Radin: Sila tarik balik. Seorang ahli tidak boleh
mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli. Minta tarik balik.

Beberapa Ahli: Tidak jahat, mana ada sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tarik balikkah atau tidak tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak berikan sebarang tuduhan. Saya hanya bertanya sahaja.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad : Soalnya, perkataan waraskah tidak itu...

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya pun hanya tanya , kalau dia waras, okaylah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa. Ya, cuba duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya pun tidak tahu, dia waraskah tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya ingat cuba duduk....duduk dahulu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Itu sangkaan jahat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau dia waras, saya hendak dia cuba menjelaskan[Disampuk]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu membawa prasangka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cuba...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya berdiri di sini dengan sihat walafiat, dia kata - waraskah tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Moktar bin Radin: Minta tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian Saya minta.....duduk,duduk.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Itulah saya kata, puak-puak macam ini diberi peluang sekali, tengok apa guna diberi peluang. Bukan untuk mencari kejernihan. Dia kata saya waraskah tidak.

Sebenarnya saya cuba menwujudkan satu *convergence of thought* dengan saudara, tahu, ya! Satu pertembungan pendapat ya, percantuman pendapat dengan saudara, mengatakan[Disampuk]

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, minta wakil Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk dahulu. Ya, saya minta Yang Berhormat bagi Parit Sulong bercakap, kemudian dia hendak balas balik macam mana, terpulang kepadanya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memanglah kalau *on record* Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan kata, “Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jangan turun” ya. Lepas itu kita memang tidak mengatakan perkara itu tidak benar. Tetapi pokoknya Tuan Yang di-Pertua, yang Yang Berhormat ini bangun dia terus katakan saya membuat provokasi. Saya provokasi siapa! Saya provokasi diri saya sendiri. Apa yang saya cakap ini suara hasrat hati saya sendiri yang melihat secara cetek tentang analisis dunia. Kalau Yang Berhormat merasa terprovokasi, itu hak Yang Berhormat. Saya tidak mahu memberi peluang kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Seorang Ahli: Dia *attack* buat apa.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat ini kelihatannya adalah orang kata, *abusive* dengan peluangnya yang diberikan. Saya cuba memberi penghormatan

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat bagi Pokok Sena tunggu, jangan kempunan, saya beri nanti. Insyaa-Allah, saya beri. Ini sahabat lama. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini dia lain sedikitlah. Orang kata “*gedebe*” pun tidak tahu “*gedebe*” atau tidak, ya tak?. Saya tidak tahu perkataan “*gedebe*” itu apa ertinya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua..... sudah pukul 12.00 ini, sejam sudah. Saya ada lima muka lagi. Kalau rasa pihak PAS khususnya tersinggung dengan cakap-cakap ini, saya tidak melarang kalau Yang Berhormat hendak

keluar atau apa. Jangan mengatakan saya buat provokasi. Apa yang saya hendak menimbulkan provokasi. Sebenarnya kita cuba mengambil seluruh perkara yang berlaku dalam dunia bawa ke dalam Dewan, kita cernakan lepas itu kita mencari kejernihan. Itu yang kita hendak. Oleh sebab itu saya cuba bawa apa yang berlaku walaupun pedih kita bawa ke dalam ini. Kalau tidak betul, tidak betullah. Tetapi kalau ada iktibar yang boleh diambil, apa salahnya kita ambil ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Memanglah tidak betul pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta maaf Yang Berhormat Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak ada, tidak ada. Kita ambil iktibar daripada itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tidak beri laluan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya menghuraikan soa-soal apa yang berlaku pada hari ini berkaitan dengan globalisasi dan pensenjagatan demokrasi kerana hakikat ini. Saya tidak mahu nanti suatu hari apabila kita mengambil globalisasi secara total kita tidak mempunyai satu *sinister*, pandangan (*opinion*) yang mencemburui perkara yang negatif, saya takut campurtangan negara asing, kuasa asing yang besar akan mudah berlaku di dalam negara kita. Cuba kita lihat baru-baru ini apa hak dengan izin, *what bloody right!* Itu kasar tu. Dengan izin, *what bloody right* bila Presiden Amerika boleh memberi amaran kepada seorang general di wilayah ASEAN jangan buat kudeta.....

Saya sekali lagi hendak tanya dalam Dewan ini dengan izin, *what bloody right* seorang pegawai daripada *department of state* di Amerika Syarikat mengeluarkan arahan ataupun mengeluarkan *shuttle track* kepada pihak-pihak tertentu di Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduk, duduk.

Seorang Ahli: Tidak usah berilah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Apa hak seorang Duta Amerika Syarikat di PBB mengeluarkan ugutan kepada pihak-pihak tertentu di

Indonesia. Kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya tanya, jawab di luar. Dengan sekali lagi saya kata, *what bloody right do they have*, apa hak mereka untuk cuba menjadi polis dunia, apa hak mereka. Tidakkah kita merasa khuatir satu hari nanti sekiranya kita kurang memelihara perpaduan, kurang memelihara keharmonian, kita kurang positif, maka kita juga akan ditudingkan oleh tangan-tangan yang *self proclaim policeman of the world*. Saya tidak rela negara saya, bangsa saya dijadikan macam kawan-kawan kita di sesetengah negara ASEAN pada hari ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Beri jalan?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak rela sama sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak respon, fahamlah. Saya tidak rela. Saya tidak tahulah kalau perangai macam Yang Berhormat bagi Kubang Kerian rela. Saya tidak tahu sebab itu ia merasa provokasi - ucapan saya provokasi. Tidak ada orang dalam Dewan ini yang rela. Sahabat saya daripada Tanah Merah, hak Adil, saya rasa tidak rela. Sahabat saya dari Kota Bharu, tidak rela, ini daripada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Saya yakin hati kecilnya membisikkan, jangan redhakan negara ini satu hari nanti terjadi macam sesetengah negara jiran kita di wilayah terdekat [*Tepuk*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dahulu '*stim*' tengah naik. [*Ketawa*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Oh *stim*...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Orang kata, jangan potong *stim*, nanti dulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kalau turun sedikit, sejuk sedikit.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak rela dengan campur tangan asing dan saya bukannya hendak buat *diversion* dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila ia bercakap pasal

neo-imperialist, globalisasi, bukan hendak buat *diversion*, hendak *diversion* apa! Negara ini aman damai. Kita mahu memberi satu *input material* kepada rakyat negara ini khususnya kerana kemajmukan kita, *our plurality of our structure*. Kalau tidak betul perkara ini diperjelaskan, mungkin akan melanggar tisu-tisu- *the vary fabric of the society* itu, maka negara ini pula kucar-kacir akibat dalaman dan kesalahfahaman, itu yang saya mahu.

Saya menyebut hal ini sekadar mahu mengajak seluruh warga Malaysia - ini sebab saya cakap Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya hendak mengajak seluruh warga Malaysia kalau boleh, kalau sudi mengambil iktibar dari apa yang sedang berlaku di negara jiran kita itu. Segala-galanya berlaku di negara tersebut kerana beberapa kuasa Barat termasuklah Amerika. Saya tidak takut menyebutkan mengenai Amerika, termasuk Amerika - ini *diversion*. Apabila pendatang haram Vietnam melimpah-ruah datang ke Pulau Bidong, macam mana ia penagak hak asasi manusia buat kepada pendatang haram itu. Dia kata, "*All of them are refugees*" Tetapi dia saring. Orang yang tidak ada pendidikan ia ibarat macam sampah. Saya kata dia *double standard*, dia marah saya, itu dia. Ini *real incident*, saya beritahu kepada Dewan kerana termasuk Amerika Syarikat dan konco-konconya kelihatan telah berjaya menghasut rakyat di negara terbabit untuk memporak-perandakan negara mereka sendiri, alasannya kerana kononnya konsep *democracy liberal* Barat adalah lebih baik dari pada yang dilabelkan dari konsep demokrasi terpimpin.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah hakikatnya dan demikianlah kisah dan peristiwa di sebuah negara ASEAN yang mahukan satu reformasi politik secara segera.

Reformasi politik wajar dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan (*wisdom*). Contohnya seorang penulis anak tempatan yang mengamati perkembangan di Indonesia bernama Faridah Abdul Samad di dalam bukunya berjudul *General Wiranto*, mengatakan bahawa Indonesia memerlukan *wisdom* yang tinggi untuk melaksanakan reformasi politik. Proses reformasi politik juga menuntut kawalan yang sewajarnya. Pandangan tersebut diperkukuhkan lagi oleh kenyataan General Wiranto bahawa suatu usaha reformasi politik yang dilaksanakan secara mendadak dan *extreme* pastinya akan gagal. Reformasi politik di Indonesia kini memang jelas kelihatan gagal.

Tuan Mustafa bin Ali Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Tuan Mustafa bin Ali: Saya bukan hendak itu tetapi hendak *caution*. Yang Berhormat bagi Parit Sulong sedang membicarakan perkara yang berkait dengan soal - secara langsung soal negara yang ada kaitan dengan masalah regional - negara jiran, soal dalaman. Saya bimbang ini akan memberi implikasi kepada hubungan itu, terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas *caution* itu, tetapi saya rasa elok kita tumpukan dalam hal ini bukan dengan niat *with due respect and with no malice*,. dengan izin. Perkara ini terpaksa kita bincangkan dalam Dewan yang mulia ini, terpaksa kita bincangkan. Oleh kerana saya amat bimbang dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam negara kita. Saya akan cuba kurangkan dan saya ambil pandangan itu dengan baik, Yang Berhormat.

Apa yang terjadi di Indonesia hari ini adalah satu cermin yang menyatakan bahawa pensejagatan demokrasi seperti yang dilaksanakan oleh Amerika Syarikat, jika diyakini dan dilaksanakan secara melulu akan hanya melumpuhkan sesebuah kuasa. Sebab itulah saya sentiasa mengingatkan diri saya sendiri bahawa sementara ada aspek-aspek tentang globalisasi yang baik, saya juga sentiasa waspada akan unsur-unsur politik negatif yang tersirat di sebalik globalisasi.

Sebenarnya, proses globalisasi hari ini memang mempunyai agenda neo-imperialisme sebagaimana saya sebutkan tadi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah di antara segelintir pemimpin dunia yang telah menganalisis perkara ini lebih terkedepan. Sebab itulah beliau sering dan tidak jemu-jemu berbicara tentang globalisasi dan *neo-imperialisme* bukan dengan niat *diversion*. Terbaru sekali, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membangkitkan isu tersebut di Bangkok dua, tiga hari yang lalu. Hasrat neo-imperialisme ini mungkin sukar digarap secara rambang. Namun begitu, terdapat kuasa Barat seperti Amerika Syarikat yang memang terang-terangan memanjangkan cita-cita ini.

Contohnya, pada tahun-tahun 50-an, politik dan Kerajaan Indonesia sekali lagi pernah cuba diharu-birukan oleh Amerika Syarikat menerusi beberapa gerakan rahsia CIA. Pada ketika itu, Presiden Sukarno dikatakan berusaha membawa Indonesia condong ke arah blok komunis Rusia dan China.

Alasan tersebut telah menghalalkan Amerika Syarikat untuk masuk campur di dalam urusan rumah tangga Indonesia menerusi CIA semata-mata kononnya untuk menyelamatkan Indonesia dari cengkaman komunis. Alasan yang sama juga telah digunakan oleh Amerika untuk menghalalkan kehadiran Amerika Syarikat di Vietnam, menjalankan operasi *covert* di Cuba serta beberapa negara lain di Amerika Latin.

Contohnya, Audrey Kahin dan George Kahin di dalam bukunya "Subversion As Foreign Policy", mengatakan bahawa Amerika Syarikat di dalam tahun 50-an pernah melancarkan operasi rahsia yang terbesar selepas Perang Dunia Kedua, di Indonesia. Operasi tersebut membabitkan CIA, tentera laut dan tentera udara Amerika Syarikat.

Penulis ini menghuraikan lagi, ketika itu Amerika Syarikat dipimpin oleh Presiden Eisenhower. Operasi rahsianya di Indonesia dijalankan di sekitar tahun 1956, 1957 dan tahun 1958. Ia membabitkan campur tangan dalam urusan politik Indonesia, membabitkan bantuan kewangan Amerika Syarikat kepada kumpulan penentang kerajaan Indonesia di Sumatra dan Pulau Jawa, membabitkan pembekalan senjata...

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: ...nanti dulu. Pembekalan senjata yang dihantar menerusi tongkang atau diterjunkan dari pesawat tentera udara Amerika Syarikat sendiri. Ini fakta membabitkan usaha melatih anggota penentang Indonesia di Okinawa, Jepun, di Filipina dan juga di Christmas Island serta membabitkan penghantaran wakil-wakil penentang-penentang Sukarno untuk mencari sokongan *international* di New York, Switzerland, Hong Kong dan Geneva. Ini hakikat.

Menurut kata penulis tersebut, sewaktu operasi sulit itu dilancarkan, CIA juga dipercayai terbabit dengan usaha-usaha percubaan membunuh

Presiden Sukarno berhampiran sebuah sekolah di daerah Cikini pada 30 November 1957. Hingga ke hari ini peristiwa tersebut pun dikenali sebagai peristiwa Cikini. Demikianlah perilaku CIA dan kerajaan Amerika Syarikat di Indonesia pada tahun 50-an.

Saya memilih kisah ini bukan untuk melahirkan prasangka jahat terhadap sesiapa. Sebaliknya, saya sekadar mahu menginsafkan diri saya sendiri sekali lagi dan kalau boleh saudara-saudara semua bahawa adalah bijaksana untuk kita belajar dari sejarah dan sentiasa bercermin kepada sejarah. Jika kita sedia melaksanakan amalan ini, Insya-Allah kita mampu menghadapi cabaran kuasa besar dunia di era globalisasi.

Saya juga memaparkan soal Amerika Syarikat di Indonesia dalam tahun 50-an dan hari ini semata-mata untuk membandingkan *modus operandinya*, gerakan-gerakannya, penglibatannya di dalam urusan negara asing di seberang laut, dulu dan sekarang. Kalau dulu, Amerika Syarikat menghalalkan penglibatannya di negara asing atas alasan menentang komunis. Hari ini, Amerika Syarikat kelihatan menjadi polis dunia dan mencampuri urusan dalaman kerajaan asing atas alasan globalisasi dan atas alasan pensejagatan demokrasi. Dulu Amerika Syarikat menggunakan CIA dan tentera secara terang-terangan. Sekarang, Amerika Syarikat mendapat dukungan padu dan luas dari media massa Barat

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi kisah-kisah sahih mengenai penglibatan Amerika Syarikat di negara asing. Contohnya, Stephen Ambrose dan Douglas Brinkley di dalam bukunya *Rise to Globalism*, mengulas dengan panjang lebar tindakan-tindakan globalisme Amerika Syarikat. Menurut kedua-dua penulis ini, menjelang perang dunia kedua pada tahun 1939, Amerika Syarikat hanya mempunyai 185,000 tentera dengan belanja tahunannya sebanyak USD500 juta. Waktu itu, negara berkenaan tidak mempunyai sekutu dan dasar luarnya hanya bercorak *isolationism* atau mengasingkan diri.

Bagaimanapun, setengah abad kemudiannya, penulis itu mengatakan Amerika Syarikat mempunyai pasukan tentera yang besar dengan belanja tahunan sebanyak USD300 ribu juta. Tadi USD500 juta sahaja. Seramai tiga juta bala tenteranya berada di banyak negara di seluruh dunia.

Kini, setelah perang dingin berakhir pada tahun 1993, tumpuan Amerika Syarikat di seberang laut, saya masih lagi mencedok kata-kata penulis, bukan lagi tertumpu kepada soal-soal tentera dan peluru berpandu milik komunis. Sebaliknya, negara berkenaan lebih menumpukan minatnya terhadap usaha-usaha menembusi sumber-sumber asli dan menerobosi pasaran-pasaran antarabangsa. Pada waktu yang sama, negara itu juga memandang serius sebarang usaha negara kecil yang kononnya cuba mengkacaubilaukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat sudah berucap lebih daripada 1 jam.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tinggal dua muka sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya fikir ramai Ahli Yang Berhormat hendak berucap juga.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebab itulah menurut penulis ini Presiden Clinton pun menumpukan kepada usaha-usaha memperluaskan demokrasi ke seberang laut yang diperkukuhkan oleh Ambrose dan Brinkley seperti berikut:

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu Rompin, saya beri peluang.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit sahaja. Saya tertarik dengan pandangan Parit Sulong tentang peranan Barat ini. Macam baru-baru ini di Indonesia, kenyataan Amien Rais tentang Jeneral Wiranto. Mula-mula bila balik sahaja Gus Dur dia kata dia setuju kekalkan Wiranto kerana beliau belum lagi didapati bersalah dalam mahkamah, biarlah diteruskan sehingga didapati bersalah. Dua jam kemudian bertukar dan Amien Rais mengatakan kemungkinan Amerika Syarikat sudah buat panggilan telefon kepada Gus Dur dan Gus Dur tukar. Ini bukan saya kata, ini daripada Amien Rais sendiri, Speaker dia sendiri. Adakah ini satu lagi contoh untuk hendak menguatkan lagi hujah Yang Berhormat Parit Sulong tadi?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kemungkinannya amat besar, Tuan Yang di-Pertua. Itulah kemungkinan hakikatnya, saya tidak mahu mengatakan ia atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu mula menjadi Presiden Amerika, Clinton sungguh menumpukan usahanya ke arah dengan izin, “*Democratic Enlargement*”. Usaha ini bertujuan dengan izin, “*To strengthen the community of market democracies; to foster and consolidate new democracies and market economies wherever possible; counter the aggression and support the liberalization of states hostile to democracy; help democracy and market economies to take root in regions of greatest humanitarian concern*”.

Maka jelaslah bahawa globalisasi yang sedang kita hadapi sekarang memang mempunyai niat serta hasrat udang di sebalik batu. Di antara niat dan hasrat itu ialah menebarkan jaringan dominasi Barat ke serata jagat, mencampuri urusan domestik negara asing sekiranya mendapat peluang dan mendera mana-mana negara atau pemimpin dunia yang kritikal terhadap cita-cita mereka.

Sebab itulah saya berharap semoga proses globalisasi yang sedang kita saksikan kehadirannya hari ini mestilah disorot dengan sikap penuh cemburu, curiga dan waspada. Sebab itulah juga saya menyarankan supaya Malaysia menyiapkan negara ini dengan perancangan yang teliti, dasar yang cekap, ketahanan nasional yang kukuh, kesiagaan mental yang bijaksana serta corak siasah yang positif. Hanya menerusi persiapan sedemikian sahajalah insya-Allah kita akan berjaya meredah gelora globalisasi secara selamat. Jika tidak, kita lihat sahajalah apa yang sedang berlaku di sekeliling kita dan di sesetengah wilayah kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, saya sengaja membuat huraian yang panjang lebar tentang globalisasi kerana hakikat ini sedang digandingkan dengan beberapa ciri demokrasi liberal. Di antaranya, globalisasi kini dipromosikan bersama konsep-konsep hak asasi manusia, kebebasan asasi, ketelusan, isu-isu alam sekitar dan juga reformasi politik yang didukung oleh pihak barat. Ciri-ciri demokrasi liberal ala-Amerika ini nampaknya sedang disusupkan ke jiwa sesetengah rakyat jelata Malaysia.

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, saya pohon penjelasan sama ada harus dibezakan pada pandangan Yang Berhormat di antara globalisasi sebagai satu proses yang perlu ditangani dengan berhati-hati, dengan globalisasi sebagai satu ideologi yang semakin terserlah sifatnya sebagai ideologi. Terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah contoh pemimpin Barisan Nasional memang berfikiran luas dan tajam. Saya amat bersetuju. Bermakna sebagai satu proses dan juga satu ideologi. Ini juga sudah dicampuradukkan. Packaging yang dibuat itu, yang ideologi itu disebalikkan dengan apa yang hendak dilarang. Ini yang kita takut sebab itu kita hendak cuba tunjukkan di sebaliknya ada satu ideologi Barat yang cuba dikembangkan ke seluruh dunia. Memang wajarlah pandangan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri demokrasi liberal ala-Amerika Syarikat ini nampaknya sedang disusup ke jiwa sesetengah rakyat jelata Malaysia. Lantaran itulah Naib Presiden Amerika Syarikat pernah memuji tindakan sesetengah rakyat Malaysia yang berdemonstrasi di jalanan Kuala Lumpur. Kepada golongan reformasi di Malaysia, saya harap insafilah segera bahawa gerakan reformasi di Indonesia terbukti gagal menstabilkan negara berkenaan. Sebaliknya, gerakan tersebut telah mengundang masalah demi masalah yang tiada kesudahan.

Contohnya, sementara gerakan reformasi Indonesia menyaksikan pengunduran seorang presiden dalam keadaan yang terhina, ketika itulah juga anasir-anasir Barat merencanakan tuntutan supaya wilayah Timor-Timur diberi pilihan untuk merdeka atau terus menjadi sebahagian dari wilayah Indonesia. Sementara Indonesia melakoni proses pilihan raya yang menurut tafsiran Barat kononnya paling demokratik, ketika itulah juga Timor Timur memilih untuk merdeka dari Indonesia. Sementara Presiden dukungan reformasi Indonesia belum dipastikan, ketika itulah tentera Indonesia berantakan berundur dari Timor Timur.

Hari ini, sementara Presiden dukungan reformasi Indonesia kelihatannya belum lagi berjaya mengatasi seribu satu kegawatan, politik Indonesia juga kelihatannya pula tidak putus-putus melaksanakan proses penyiasatan kes-kes pelanggaran hak asasi manusia di Timor Timur. Lebih

teruk lagi, sementara Presiden negara tersebut sibuk mencari legitimasi internasional, ketika itulah juga tercetus perbalahan etnik, perbalahan agama dan juga fragmentasi Wilayah seperti di Aceh dan lain-lainnya.

Apakah semua ini terjadi secara coincidental, adakah ini seluruhnya terjadi oleh kerana takdir? Tidakkah kegawatan gerakan reformasi politik di Indonesia itu sendiri yang mungkin menjadi katalis kepada segala bentuk kegawatan yang sedang melanda negara tersebut. Apakah tidak mungkin segala-galanya terjadi kerana atas gerakan reformasi ataupun tidak mungkinkah perkembangan-perkembangan tersebut mungkin didalangi oleh sesetengah kuasa neoimperialis dunia.

Saya lantunkan segala persoalan ini kerana saya mahukan bangsa Malaysia ini berpolitiklah mengikut acuan dan wadah sosio-budaya dan tamadun kita sendiri. Janganlah mudah sangat kita mengabdikan diri kita kepada konsep-konsep politik liberal dari Barat. Jika kita yakin kepada sistem pemerintahan demokrasi, gunakanlah sistem demokrasi yang cocok dengan kita. Jika kita mahu jadi jaguh hak asasi manusia bertindaklah mengikut batas budaya dan susila kita sendiri. Kalau kita cintakan negara Malaysia yang merdeka ini, peliharalah kemerdekaannya menurut kebijaksanaan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, memang bukan semua yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional semestinya serasi dengan cita rasa politik semua pihak di negara ini. Tetapi juga tidak semestinya semua yang dilaksanakan dan diperjuangkan oleh kerajaan Barisan Nasional itu semuanya salah. Dalam konteks ini, sama-samalah kita insaf bahawa prinsip demokrasi dan ciri-ciri di mana sahaja, waimah di Amerika Syarikat sekalipun, bukan semuanya sempurna ataupun perfect. Contohnya, izinkan saya bawa kepada makluman Dewan yang mulia ini beberapa intisari yang terkandung di dalam “*The Universal Human Rights*” yang diguna pakai oleh *The National Assembly of France* - tadi telah pun saya huraikan di mana kita dapat melihat bahawa segala-galanya mempunyai sekatan, batasan, mempunyai limitation oleh undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya berharap sama-samalah kita mencari kejernihan. Kita insafilah apa yang berlaku. Saya bukan berniat sebagaimana kata Yang Berhormat bagi Kubang Kerian untuk mewujudkan

diversion dan juga memprovokasi pihak-pihak tertentu supaya lebih marah dengan kita. Kita cuba mengambil satu *shock approach* dalam hal ini, supaya kita melihat dengan lebih jelas, dengan lebih panas mudah-mudahan darah yang meningkat panas itu akan menimbulkan satu kesedaran yang lebih mendalam di masa-masa akan datang.

Penutupnya, saya akan memberikan dua pantun kepada semua,

Dari Nenasi ke hujung benua,.....

Nenasi ini dekat Terengganukah?

Seorang Ahli: Pahang.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Pahang, saya hendak cuba Ketua Backbenchers faham atau tidak,

*Dari Nenasi ke hujung benua,
Untuk mencari buah pedada,
Globalisasi memang ada ranjaunya,
Bangsa Malaysia mesti waspada.*

*Ikan kerisi melata-lata,
Kilau sisiknya berwarna gangsa,
Kalau reformasi membabi buta,
Alamat musnahlah negara dan bangsa.*

Wassalammualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh di jemput.

12.32 tgh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, persidangan Dewan Rakyat pada sesi ini merupakan persidangan pertama dalam alaf ini. Justeru, persidangan ini begitu penting maka wajarlah kita membuat timbang tara atau penilaian

kemajuan bangsa kita sebagai sebuah bangsa yang berdaulat dan merdeka dan juga memperbuat penilaian terhadap negara kita sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Ini lebih perlu kita lakukan kerana dalam titah ucapannya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyeru rakyat bersama-sama kerajaan memperkuatkan azam mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan kita. Pertamanya, rakyat khususnya di Permatang Pauh menjunjung kasih Tuanku di atas titah ucapan Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingin memilih satu tarikh yang paling penting dalam sejarah bangsa kita, tarikh tersebut tidak lain dan tidak bukan ialah 31 Ogos 1957. Pada tarikh tersebut negara kita telah mencapai kemerdekaan. Negara kita lahir antara bangsa-bangsa dunia. Negara kita membangun, negara kita memutuskan rantai yang diikat oleh penjajah. Pada hari tersebut almarhum Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, mengisytiharkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada cengkaman British.

Pengisytiharan tersebut adalah kemuncak kepada perjuangan rakyat daripada pelbagai lapisan dan badan politik tetapi apakah yang dilafazkan oleh almarhum Tunku Abdul Rahman pada masa membuat pengisytiharan tersebut, malangnya melainkan segelintir pakar-pakar sejarah jarang sekali kita bertemu dengan individu-individu yang mengingati kata-kata Tunku Abdul Rahman pada saat tersebut. Menyedari betapa pentingnya ucapan beliau pada hari itu dalam sejarah bangsa kita, saya ingin mengingatkan diri saya dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terhadap intipati pemasyhuran kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca sedutan terakhir daripada dokumen Pengisytiharan Kemerdekaan:

“Dengan limpah Allah S.W.T. akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kepada kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyat dan mengekalkan keamanan diantara segala bangsa.”

Jelas daripada pengisytiharan tersebut bahawa Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia diwajibkan dan dimestikan kekal

menjadi sebuah negara demokrasi dengan berdasarkan kebebasan dan keadilan. Inilah semangat Pemasyhuran Kemerdekaan

Dalam dokumen yang sama Tunku Abdul Rahman juga mengisytiharkan:

“Dan bahawasanya Perlembagaan Persekutuan ada menyediakan syarat untuk menjaga keselamatan dan keutamaan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja serta hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat.”

Apabila kita merenung isi kandungan Pemasyhuran Kemerdekaan dan kita banding dengan kenyataan politik negara pada masa ini, sudah barang tentu kita akan menjadi kesal dan sedih betapa bangsa dan negara kita telah menyimpang daripada lafaz dan juga semangat Pemasyhuran Kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, pepatah Melayu berkata ‘sesat di hujung jalan kembali ke pangkal jalan’. Inilah yang perlu kita lakukan, negara kita merdeka dan diperbuat satu perlembagaan sebagai kanun muktamad dan perlembagaan tersebut memperuntukkan dan menyediakan syarat untuk menjaga keselamatan hak dan keutamaan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja serta hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat. Hak asasi dan kebebasan rakyat belum pernah terpenuhi dalam sejarah negara kita. Ini merupakan suatu hakikat yang perlu kita akui secara jujur. Justeru itu, ia harus terus-menerus diperjuangkan, jika tidak, hampalah pengertian kemerdekaan.

Kita tidak mahu rakyat masih dirantai, kemerdekaan dikongkong oleh salah satu alat terpenting kerajaan British mengongkong rakyat yang menuntut kemerdekaan dan kebebasan adalah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang digubalkan pada tahun 1948. Sekian banyak pejuang-pejuang kemerdekaan yang dipenjarakan oleh pihak British di bawah undang-undang tersebut. Malangnya kerajaan baru Persekutuan Tanah Melayu terus mengekalkan undang-undang tersebut yang terdapat penyalahgunaan sebagai bangsa merdeka.

Kita seharusnya lebih bijak dan adil dalam menangani pergeseran dalam perbezaan pandangan, mahupun pandangan politik. Tidaklah dapat kita namakan sesebuah negara mengamalkan demokrasi kalau ia tidak mengizinkan perbezaan pendapat mahupun penentangan ataupun dengan izin, ‘descent’ bahkan penentangan kepada dasar merupakan unsur-unsur dinamik

dalam demokrasi dan ia merupakan benih-benih yang membawa kepada perkembangan kemajuan sesuatu masyarakat. Kita mesti mengizinkan berlakunya penentangan yang sah terhadap dasar dan pemerintahan mengikut lunas perlembagaan dan demokrasi.

Bagaimana pula dengan keadaan demokrasi yang diisytiharkan sebagai sistem pemerintahan yang harus kekal dilaksanakan Demokrasi bermakna rakyat berhak memilih pemerintah yang diyakini dapat menjamin kebebasan dan keadilan, tetapi demokrasi hanya bermakna jika wujud kebebasan media, tanpa kebebasan media rakyat tidak akan dapat memilih dengan sempurna. Demokrasi juga tidak wujud jika rakyat memilih dalam suasana ketakutan dan kekeliruan dengan propaganda yang berunsurkan fitnah dan tohmahan sepertimana yang kita saksikan dalam pilihan raya baru-baru ini. Penodaan yang paling besar terhadap demokrasi dalam pilihan raya yang ke-10 lalu adalah 681,000 pengundi yang layak mengundi tetapi dinafikan hak mengundi. Di samping itu, wujud juga berbagai keganjilan yang membawa syak tentang kewibawaan Suruhanjaya Pilihan Raya.

Jika kita ingin nampak maju dalam demokrasi, mahu tidak mahu kita perlu melaksanakan reformasi dalam sistem pilihan raya ataupun dengan izin, 'electoral reform'. Hak umur layak mengundi harus diturunkan ke 18 tahun. Seorang warga layak mengundi secara automatik apabila dia mencapai umur tersebut. Reformasi sistem pilihan raya juga perlu meliputi amalan media perdana sebelum pilihan raya. Ruang yang secukupnya perlu diberikan kepada barisan pembangkang dan barisan pemerintah. Layanan yang sama-tidak ada Menteri Penerangan ya, tadi adalah, saya nampak dia tadi ada tetapi dia tidak tunggu. Layanan yang sama perlu diberikan terhadap peserta pilihan raya oleh media awam. Perlu ada undang-undang sebagaimana yang diamalkan di India, Sri Lanka dan Jepun tentang liputan media massa yang seimbang. Perkara ini pernah disentuh oleh kumpulan pengesan Komanwel yang diundang oleh kerajaan untuk memantau pilihan raya tahun 1990. Reformasi juga perlu dan penting bagi institusi-institusi demokrasi yang lain.

Parlimen sejak 1980-an lebih merupakan pengesahan sahaja ataupun dengan izin, rubber stamp kepada sayap executive. Sebagai badan perundangan dan lambang demokrasi, peranan Parlimen mestilah lebih berkesan. Beberapa jawatankuasa tentang perkara-perkara tertentu,

pendidikan, kesihatan, hal ehwal luar harus ditubuhkan Bagi rang undang-undang penting sewajarnya masyarakat perlu diberikan ruang mengemukakan pandangan ataupun penyuaran awam atau dengan izin, public hearing...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin minta jalan. Saya telah mengikuti aliran penghujahan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan central pointnya ialah penyimpangan iaitu negara dan masyarakat kita telah menyimpang. Tetapi dalam kupasan Ahli Yang Berhormat, contoh yang diberi ialah satu, ISA yang kita warisi itu sedia ada dulu dan sekarang dan saya tidak nampak penyimpangannya dan kedua, keciciran 600,000 bakal pemilih dalam daftar yang berlaku dalam ingatan saya semenjak merdeka juga saya tidak nampak penyimpangannya. Bolehkah Yang Berhormat memberi sedikit penjelasan, apakah yang jelas menunjukkan bahawa kita sudah menyimpang atau adakah aspirasi rakyat yang sudah berubah? Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Kita telah menyimpang jauh dari pemasyhuran kemerdekaan. Kenapa kita merdeka daripada penjajahan? Sebab kita mahu kebebasan, kita mahu suara kita didengar. Sekarang ini suara kita tidak didengar, itu jelas dan jika ini berterusan bagaimana kita hendak lihat rakyat membangun. Ini yang kita mahu utarakan di Dewan yang mulia ini. Izinkan saya menyambung. Itu adalah sedikit sahaja daripada semua yang kita bahaskan, hari ini tidak dapat dikupas dengan semua. Jadi terima kasihlah atas teguran dan idea Yang Berhormat.

Apa makna hak bersuara jika media terkongkong - sekejap ya, saya silap. Reformasi kepada kehakiman mungkin lebih terdesak untuk menjamin keadilan seperti yang dijanjikan dalam pengisytiharan kemerdekaan. Tanggapan khalayak ramai terhadap sistem kehakiman telah merosot, mereka tidak lagi melihat ianya mampu mempertahankan keadilan terutama dalam kes-kes yang mempunyai implikasi politik. Kita perlu pastikan sistem kehakiman benar-benar bebas dan berwibawa. Ketua Hakim perlu dilantik oleh panel Hakim-hakim Kanan. Sistem kehakiman yang bebas akan

memperkukuhkan kedaulatan undang-undang atau keluhuran negara berhukum.

Kita harus membezakan antara kedaulatan undang-undang pemerintahan melalui undang-undang. Kita mesti bezakan, dengan izin, *the rule of law* dan *rule by law*. Asas keluhuran negara berhukum adalah keadilan. Jika kedaulatan undang-undang ditegakkan tidak ada pendakwaan terpilih, dengan izin, *selective prosecution*, seperti yang sering berlaku sekarang. Yang semakin kerap berlaku sekarang ialah penggunaan atau lebih tepat lagi penyalahgunaan undang-undang oleh eksekutif atas nama kuasanya. Ini bertentangan dengan keadilan. Bukan ini yang dimaksudkan dengan kedaulatan undang-undang, yang berlaku sekarang ialah seolah-olah pemerintahan yang mempersendakan undang-undang tanpa keadilan.

Sekiranya keluhuran undang-undang ditegakkan tidak akan ada undang-undang seperti ISA. ISA menafikan prinsip asas keadilan, hak mempertahankan diri melalui mahkamah, ISA harus dimansuhkan. Undang-undang seperti Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Pertubuhan, Akta Polis, Akta Penerbitan, Akta Kolej dan Universiti - berapa banyak akta, macam P.Ramlee cakap, juga harus dimansuhkan ataupun dipinda supaya demokrasi terus tidak lumpuh.

Satu suruhanjaya bebas harus dibentuk untuk menyemak undang-undang lain juga yang bertentangan dengan hak asasi manusia. Tidak ada penghormatan terhadap hak asasi manusia sekiranya hak bersuara, hak bersatuan, hak berhimpun semakin dibatasi. Apa makna hak bersuara jika media terkongkong. Kongkongan ini berlaku bukan sahaja pada musim pilihan raya malah selepas pilihan raya. Akhbar-akhbar alternatif seperti *Harakah* terus disekat tanpa media yang bebas daripada kongkongan eksekutif dan syarikat perniagaan gergasi, penyelewengan dan ketidakadilan dalam politik mahupun ekonomi tidak dapat dibongkarkan. Masyarakat di mana-mana hak asasi ini bersuara, bersatuan dan berhimpun diamalkan di mana persatuan, kesatuan, parti bergiat cergas, media bebas, kehakiman bebas dan kedaulatan undang-undang ditegakkan. Masyarakat sedemikian rupa adalah masyarakat madani. Seperti mana yang ada seseorang biasa bercakap, masyarakat madani tetapi sekarang ini dia tidak dapat bercakap.

Hanya masyarakat madani yang dinamik dapat mengawal penyalahgunaan kuasa. Dalam masyarakat madani nilai-nilai seperti keadilan mendahului individu dan kuasa individu. Ini bermakna masyarakat madani penting dalam menegakkan pertanggungjawaban, *accountability*, dengan izin, ketelusan, dengan izin, *transparency*. Di Malaysia perkembangan masyarakat madani disekat, justeru itu prinsip pertanggungjawaban dan ketelusan tidak terlaksana. Tanpa prinsip ini demokrasi yang tulen tidak akan wujud tetapi masyarakat madani dan prinsip-prinsip ini adalah arah aliran kurun ke-21.

Kita harus sedar bahawa ekonomi masa depan juga akan terbentuk atas nilai-nilai masyarakat madani, kebebasan, keterbukaan, ketelusan dan pertanggungjawaban. Ini adalah kerana maklumat dan ilmu akan menjadi asas ekonomi dan pengaliran maklumat dan pembinaan ilmu tidak mungkin berkembang di mana pencerobohan hak asasi manusia dan pencabulan institusi-institusi demokrasi menjadi satu kelaziman. Ini bererti untuk menjayakan ekonomi masa depan, impian *Multimedia Super Corridor*, kita perlu hak asasi, demokrasi dan masyarakat madani.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia yang makmur masih ada rakyat yang terperangkap dalam kemiskinan mutlak yang tidak mampu beli rumah, yang tidak dapat memperoleh rawatan kesihatan bermutu, yang tidak mampu access pendidikan bermutu. Pada masa yang sama jurang perbezaan antara mereka yang terlalu kaya dan yang kurang berada makin luas. Ketidakadilan ini boleh berlaku kerana keutamaan, dengan izin, prioriti yang salah. Kita mesti mengutamakan penghapusan kemiskinan mutlak tetapi terdapat sistem ekonomi kita lebih mengutamakan pembinaan banglo mewah daripada pembinaan rumah kos rendah dan sederhana.

Sistem yang ada lebih menggalakkan pembinaan hospital swasta daripada melabur dalam sistem kesihatan awam. Lebih banyak tumpuan kepada projek-projek mega yang tidak memanfaatkan rakyat dan kurang perhatian kepada keperluan asas rakyat. Akibatnya pemusatan kekayaan begitu ketara. Inilah yang disifatkan sebagai pembangunan yang tidak seimbang, pembangunan yang tidak setara, maka pincanglah ke seimbangan itu. Saya hendak cakap, *touching* itu sensitif sedikit.

Dalam pembangunan yang tulen yang memfokuskan kepada insan keutamaan akan diberi kepada langkah-langkah seperti penubuhan sebuah

perbadanan perumahan rakyat dengan tugas memenuhi permintaan rumah kos rendah dan sederhana. Akses golongan terbanyak kepada rawatan kesihatan juga harus diperbaiki melalui sistem insurans kesihatan awam, dengan izin, *public health insurance system* yang bersumberkan percukaian am atau insurans sosial wajib. Pembangunan insan akan memberi tumpuan kepada sistem pengangkutan awam dan pembinaan taman-taman awam di bandar dalam lain perkataan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan prasarana bertujuan mempertingkatkan taraf dan mutu hidup golongan terbanyak.

Tuan Yang di-Pertua, kita wajar berbangga dengan kemakmuran negara. Kita harus mengucapkan syabas kepada para pekerja, pentadbir, petani dan nelayan yang memerah segenap tenaga untuk kemakmuran tetapi kemakmuran telah dinodai oleh sifat tamak haloba segelintir manusia. Janganlah rasuah berkembang tanpa kawalan. Rasuah di semua kalangan merupakan antara penyakit sosial yang paling serius di Malaysia.

Justeru itu Badan Pencegah Rasuah harus dijadikan badan bebas yang tidak dikuasai oleh mana-mana pihak yang melaporkan terus kepada Parlimen. Oleh kerana rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pembangunan yang tidak seimbang maka sokongan rakyat akan merosot. Janganlah dipermainkan sentimen kaum untuk kekalkan kuasa, menakut-nakutkan pengundi tentang rusuhan dan ketidakstabilan politik. Marilah kita kekalkan kerjasama antara kaum dan agama dan juga mengurangkan polarisasi antara penganut pelbagai agama. Kita dapat membuktikan bahawa keadilan untuk semua adalah asas perpaduan.

Sekiranya rakyat bersatu berdasarkan prinsip keadilan pembangunan sudah pasti memanfaatkan golongan terbanyak. Rakyat dapat menyumbang kepada proses pembinaan masyarakat adil melalui saluran-saluran demokrasi sepertimana termaktub dalam pengisytiharan kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang merdeka - kesian, tidak usah kesian, ini sama-sama kita semua rakyat Malaysia. Sekiranya rakyat bersatu berdasarkan prinsip - Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang merdeka yang boleh berfikir dan berani bersuara amat kritikal dalam konteks perkembangan antarabangsa dewasa ini khususnya dalam konteks globalisasi kerana globalisasi mengandungi unsur-unsur yang baik dan yang buruk. Pelaburan asing secara langsung, dengan izin, *foreign direct investment* dan Internet

sebagai alat komunikasi umpamanya memanfaatkan umat manusia tetapi modal ekuiti jangka pendek yang masuk keluar pasaran dengan mudah dan unsur-unsur pornografi melalui Internet membawa kesan negatif kepada umat manusia.

Dalam menghadapi kesan-kesan negatif daripada globalisasi, Malaysia dan negara-negara lain perlu aturkan strategi dengan bijak. Adakalanya langkah-langkah tertentu perlu diambil di peringkat nasional, adakalanya di peringkat serantau dan adakalanya di peringkat antarabangsa.

Selain daripada strategi dan langkah, sistem nilai kita juga memainkan peranan penting dan membolehkan kita menghadapi cabaran globalisasi. Walaupun masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, dari segi sistem nilai setiap kaum atau agama terdapat unsur-unsur persamaan antara kumpulan-kumpulan etnik di negara kita. Sebagai contoh tidak ada agama di Malaysia yang terima pornografi sebagai perkara normal. Dari perspektif falsafah agama-agama yang ada di negara kita, sifat tamak haloba yang dikembangkan melalui spekulasi mata wang adalah bertentangan sama sekali dengan sistem nilai setiap agama.

Melalui dialog antara kaum dan agama, kita harus mewujudkan satu sistem nilai yang sama yang akan membantu kita menghadapi cabaran globalisasi. Sistem nilai bersama ini akan membantu kita memilih yang hak dan menolak yang batil. Menyokong yang makruf dan menentang yang mungkar. Dialog antara kaum dan agama merupakan intipati antara tamadun telah pun diterima oleh Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai tema tahun 2001 yang diisytiharkan sebagai tahun untuk melancarkan dialog antara tamadun. Tetapi untuk menghayati nilai-nilai ini dalam konteks negara kita, kita harus mewujudkan suasana dan persekitaran sosial yang menggalakkan perkembangannya.

Apa gunanya kita menentang sifat tamak haloba dengan sistem kewangan antarabangsa sekiranya sifat yang sama tumbuh segar dalam sistem ekonomi domestik akibat daripada dasar-dasar kita sendiri. Apa maknanya kita mengkritik pemusatan kuasa melalui proses globalisasi jika dalam politik negara kuasa dipegang oleh segelintir. Apa ertinya kita membidas keruntuhan akhlak di peringkat global sedangkan kemerosotan moral berlaku dalam

masyarakat kita sendiri dengan tidak ada teladan yang baik di kalangan elit negara.

Kita perlukan kejujuran di kalangan kita, maju mundurnya sesuatu negara malah sesuatu tamadun adalah kerana kejujuran bersama dalam menegakkan kebebasan dan keadilan, atas dasar inilah kita perlu kembali kepada semangat kemasyhuran kemerdekaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batang Lular.

12.54 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lular]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari hari mula-mula perbahasan dimulakan kita mendengar '*the high end of debate*', dengan izin, biarlah saya '*go to the very lowest end of the debate*', dengan izin.

Bagi membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong....

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Mohon penjelasan, apakah yang dikatakan '*high end*' daripada *debate* dan apakah yang dikatakan '*low end*' dari *debate*. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Baru satu sentence, sudah ada penjelasan diperlukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batang Lular suka saya ingatkan kalau boleh tidak payah panjang-panjangkan ucapan kerana saya rasa ada ramai juga sedang menunggu giliran mereka.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Insyallah, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap pendek sedikit daripada Yang Berhormat Tambun, pendek sedikit daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang, insyallah.

Yang *high end* itu penuh dengan falsafah, akademik teori dan sebagainya. Yang *low end* itu kita cerita hal kampung, masalah orang kampung, masalah masyarakat setempat. Jadi, saya harap penjelasan saya kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kangar cukup jelas.

Bagi menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Tambun, saya telah melihat dengan berhati-hati semasa Titah Ucapan Baginda tidak kurang daripada 16 isu yang penting. Isu yang pertama penting ialah 15

isu. Kalau saya hendak sebut semua sampai pagi esok, tetapi biarlah saya pendekkan satu persatu.

Yang pertama ialah soal perpaduan. Saya tidak menggunakan skrip, jadi saya minta maaf mungkin bercelaru sedikit. Di Malaysia kita mempunyai tidak kurang daripada 45 *ethnic group*. Semenjak 30 tahun, tiga dekad yang lalu alhamdulillah, negara kita dalam keadaan aman, tenteram dan sentosa. Salah satu sebab dan ciri-ciri ini berlaku ialah oleh kerana dasar kerajaan yang memberi perimbangan kepada semua masyarakat, *sharing and caring* di antara kita.

Jadi, wujudlah keadaan kestabilan politik dan juga ekonomi. Kita cuba buat satu jambatan supaya tidak ada yang lebih kaya sangat dan tidak ada yang miskin sangat. Dalam keadaan sedemikian alhamdulillah, selain daripada peristiwa 13 Mei 1969, kewujudan kestabilan di dalam negara kita ini telah wujud begitu lama. Jadi, walau bagaimanapun, keadaan 13 Mei mestilah dielakkan dengan seberapa daya upaya kita. Ini termasuk menggunakan kuasa undang-undang dan sebagainya. Walaupun undang-undang ini dianggap tidak demokratik, ada *rule by law*, bukan *rule of law*, tetapi bagi kita undang-undang ini adalah penting untuk memastikan keamanan dan kestabilan.

Jadi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, saya amat bersetuju. Saya tidak hendak pergi ke tempat pengundian dengan ketakutan. Saya tidak hendak pergi berkempen umpamanya dalam keadaan ketakutan. Demokrasi ala-India pun ada masalahnya sendiri. Bahkan ada pembunuhan dan pergaduhan besar-besaran. Tetapi India adalah negara demokrasi yang terbesar di dunia. Begitu jugalah berlaku di negara lain. Banyak kematian berlaku, pergaduhan berlaku. Alhamdulillah, Malaysia belum kita dengar perkara ini berlaku. Jadi, ini kita kena terima hakikat, undang-undang itu ada gunanya.

Saya percaya pihak kerajaan tidak pernah menyalahgunakan undang-undang ini walaupun intepretasi penyalahgunaan ada berbagai. Ada dua pihak mengatakan telah disalahgunakan, ada juga pihak mengatakan tidak pernah disalahgunakan, kerana sistem undang-undang di negara kita adalah *adversary system*, dengan sendirinya mewujudkan pemikiran dua pihak. Asalkan tujuan pertama kita iaitu kestabilan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat dalam kegawatan ekonomi tahun 1997 dan 1998, kestabilan politik telah menjamin supaya kerajaan dapat mewujudkan satu dasar yang mana negara kita telah boleh membelakangkan dasar-dasar IMF. Dengan itu juga dasar-dasar yang melarang *preferences*, kalau saya boleh gunakan perkataan, dengan izin, kepada bumiputera, untuk menolong bumiputera, untuk menolong orang Melayu, Iban, Dusun, Kadazan dan sebagainya supaya tidak kebelakangan sangat dari segi ekonomi yang menyebabkan 13 Mei berlaku, telah dapat diwujudkan. Kalau IMF masuk, perkara ini tetap akan hilang juga.

Begitulah seterusnya demokrasi dan *human rights* dan sebagainya, semua mirip kepada itu. Kalau kita gunakan liberal demokrasi dan *liberal policy* yang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batang Lupar, sila sambung.
2.30 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya sambung semula dari mana saya berhenti tadi. Kita membelakangi IMF dengan mengenakan kawalan terpilih dan penetapan nilai ringgit pada 2 September 1998. Apabila dasar ini telah dikena, banyakkah cacian mengatakan yang Perdana Menteri ini *'non-conformist'*, memang lain dari dasar biasa. Macam-macam kecaman daripada luar dan dalam negara, tetapi kita melihat selepas itu dan sekarang dasar ini telah mendatangkan kesan yang baik kepada negara kita. Barulah mereka memuji sedikit yang dasar ini baik, *excellence*.

Tetapi lihatlah kawan-kawan kita yang sama terkena dengan kita, Korea Selatan, Thailand, Indonesia, mungkin kita lihat daripada *stock exchange* dan sebagainya pun meningkat sama macam kita juga tetapi

malangnya negara mereka tergadai, politik mereka dikawal selia oleh orang lain, dasar mereka dikawal selia orang lain, bahkan mereka sudah habis dan hilang kawalan, semuanya dibelenggu oleh pihak IMF. Dan syarikat-syarikat di negara mereka semuanya sudah '*for sale*', bahkan baru-baru ini kita dengar di lorong-lorong dan *district* di Thailand, mengatakan syarikat mereka tidak '*for sale*', malangnya itulah terlambat.

Syukur negara kita mengambil jalan lain dan ini tidak boleh dinafikan kecekapan Perdana Menteri dan kecekapan Barisan Nasional. Kestabilan politik dan sosial dasar yang sempurna dibuat oleh kerajaan telah memastikan suku tahun 1999 mencapai pertumbuhan 4%. KDNK sebenar pada akhir tahun 1999 dijangka ataupun hampir 7.3%, reza b luar negeri dipegang Bank Negara meningkat pada hujung tahun 1999, RM125 bilion ataupun RM33 bilion, mampu membiayai $\frac{1}{2}$ bulan import tertanggung. Inflasi menurun dari 5.3% kepada 3%. Ini semua adalah dasar yang dipelopori oleh Barisan Nasional.

Saya berbalik semula kepada soalan yang pertama saya sebut tadi iaitu perpaduan, perpaduan semenjak kita merdeka. Di Sarawak misalnya kita lihat tergugat sedikit pada tahun 1987 masa perpecahan di antara parti, tetapi masalah perpaduan umat Melayu Islam masih terjamin. Di Sarawak kita hanya mempunyai 20% sahaja orang Melayu, 25% orang Islam, kalau inilah dipecah, di manakah letaknya asas untuk dilandaskan kuasa orang Melayu dan orang Islam. Kita terima kasih dengan KeADILan dan PAS datang untuk memecahkan orang Melayu ke Sarawak kerana dulu tidak pernah dipecahkan. Dulu kita lihat kalau orang hendak lawan orang macam Yang Berhormat bagi Putrajaya, kalau dapat 1,000 undi, alhamdulillah, kalau tidak, hilang cengkeram. Kerana PAS dan keADILan datang ke Sarawak, berjaya memecah orang Islam dan orang Melayu dengan hasrat mungkin tahu tidak tahu menyerahkan kuasa itu kepada orang lain. Inikah tujuan, inikah matlamat, tujuan PAS dan keADILan datang ke Sarawak?

Sejarah Islam banyak menunjuk selepas zaman Nabi Khalifah yang keempat, Khalifah Al-Rasydin, perpecahan juga berlaku Syaidina Muawiyah di Damsyik, Syaidina Ali dan keluarganya di Iraq, mulalah berkecai umat Islam. Kita lihat selepas itu abad yang keempat belas yang saya tadi sebutkan, *Catherine The Great* menang di Sepanyol, bukan Catherine kuat, Islam lemah,

berpecah di antara dua kaum di Cardoba dan di Mesir, kalah Islam, orang Barat mengatakan zaman *renaissance*, *intellectual inquiry*, zaman *historical celebration* kerana Islam kalah.

Tetapi inilah kita cari untuk dikatakan zaman *renaissance* kekalahan Islam pada hari ini kita hendak buat. Tidak belajarkah kita daripada Timur Tengah, Israel sebesar ini pun orang Islam sebesar mana tidak boleh menang. Tuhan memberi kekayaan bertimbun dengan minyak dan sebagainya, orang Iraq tahu dari zaman dahulu lagi sebagai golongan manusia intelektual yang boleh dimaju otak mereka ditakdirkan Tuhan. Manusia yang tercanggih di dunia pada zamannya dulu dibom Amerika oleh kerana tidak hendak orang Iraq jadi maju dengan berilmu,, maju dengan teknologinya, maju dengan beberapa perkara.

Jadi kalau kita di sini tidak tahu cerita ini, lihat, renungkanlah, lihat di Indonesia, IMF menang juga, Muslim 95%, lihat di Semenanjung Arab. Ini sepatutnya kita mengambil iktibar supaya kita jangan lemah, hilang kuasa, hilang politik, berbalah sesama sendiri. Nanti hilang politik, hilang kuasa, dasar yang hendak pelupuri selama ini untuk mengatasi masalah kita akan hilang juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Minta penjelasan. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Batang Lular mengenai amalan yang dibuat oleh negara-negara di sekeliling negara-negara Israil, apakah mereka ini mengamalkan Islam sebagai sistem pemerintahan mereka ataupun mereka telah jauh terpesong daripada ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya yang telah diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. mengakibatkan perpecahan di antara mereka dan menyebabkan mereka lemah dan memberi ruang kepada musuh-musuh mereka untuk menghancurkan mereka. Sekian.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya bukan dididik daripada segi agama, saya melihat daripada segi zahir, saya bukan Malaikat dan Tuhan, tidak melihat hati dan jantung manusia. Jadi saya lihat kalau sembahyang, kalau puasa, saya anggap orang itu Islam, saya tidak pernah mengkafirkan orang. Jadi saya lihat juga kalau negara di seluruh Semenanjung Arab itu dianggap negara Islam, walaupun kita tahu ada mengatakan kalau umpamanya segelintir manusia mengatakan pendapat Muhamad Wahabi yang

digunakan di Semenanjung Arab yang menyatukan semua rakyat Arabia dulunya dikatakan tidak mempraktikkan dasar Islam tulen, macam-macam orang kata tetapi bagi saya tidak boleh membuat satu penetapan, tidak boleh membuat satu fatwa yang segelintir pentadbiran dan praktik Islam di negara Arab itu tidak Islam, saya bukan PAS tetapi PAS pun belum tentu boleh menentukan yang mereka itu tetap pekerjaan mereka selaras dengan Islam itu pendapat mereka kerana kita berlainan pendapat. Soalan ini adalah pendapat mereka, semua pekerjaan mereka adalah Islam dan perbuatan orang lain berlainan dari segi politik dan dasarnya bukan Islam.

Jadi saya tidak berbuat demikian, saya anggap orang PAS Islam, begitu juga orang lain saya anggap Islam, bagaimana yang di Iraq Islam begitu jugalah saya tengok orang di Damsyik ataupun di Syria itu Islam, sebagaimana saya menganggap orang di Saudi Arabia itu Islam, begitu jugalah saya melihat yang di Indonesia dan di Malaysia itu Islam. Jadi soalan agama Islam, Yang Berhormat, saya tidak dapat jawablah, minta maaf, itu jawapan saya tadi. Saya tidak hendak mengatakan seseorang itu kafir dan saya seorang saja Islam.

Jadi saya menyerulah kepada masyarakat Islam yang bijak pandai Islam, tulislah persoalan agama Islam, tulislah hal Islam, belajarlah hal Islam kerana tokoh-tokoh agama Islam bukan orang yang sembahyang di masjid sahaja, orang yang mengerjakan haji dan sebagainya dan tunduk gunakan pakaian jubah dan sebagainya itu sahaja Islam. Kalau kita lihat penyair zaman dahulu pun umpamanya Iqbal, kita lihat Ibnu Farid, Fakhruddin, semua dia orang ini penyair-penyair tetapi juga tokoh Islam kerana banyak lagi tokoh-tokoh Islam dahulu kala pada zaman kegemilangan Islam itu menyeluruh, meliputi beberapa ilmu di dunia ini, bukannya ilmu akhirat sahaja atau ilmu dunia kerana Islam kalau hendak maju kita bukan sahaja mengikutkan syiar-syiar Islam itu sendiri tetapi kita melihat macam mana untuk mempertahankan syiar itu dengan kekukuhan ekonomi, dengan kekukuhan tentera, dengan kekukuhan jiwa kita di dunia ini. Kalau tidak, kita akan hilang, pupus.

Jadi, kita tidak menyeru kepada perpecahan, kita menyeru kepada perpaduan, saya menyeru kepada perpaduan. Tadi Yang Berhormat bagi Parit Sulong menyebut "*with malice toward none, charity for all, you don't have*

oath registered in heaven to break this country but we have the duty as the government of Barisan Nasional to protect this country” [Tepuk].

Ini kata-kata Abraham Lincoln yang hendak dibuat di satu ceramah ataupun satu kumpulan di Philadelphia pada zamannya. Jadi, saya gunakan untuk hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya pilih cerita hal lainlah, sudah habis cerita itu, saya berpindah ke tempat lain. Kalau kita lihat perdagangan kita tadi walaupun kita hentam Amerika dan sebagainya. Ini secara dasar, kita lihat Amerika hendak jualkan semua politiknya, hendak kita sama ikut politiknya dan sebagainya kita tidak terima.

Walau bagaimanapun, Amerika adalah rakan dagang kita yang terbesar kalau kita lihat peningkatan dagang kita setiap tahun dan perdagangan kita menjangkau RM74 bilion kepada pihak Amerika dan begitulah Jepun RM55 bilion dan saya hendak bertanya kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, apakah menyediakan dan apakah produk-produk yang kita perlu cari yang boleh kita jual ke negara Amerika, Jepun dan rakan-rakan dagang yang besar-besar umpamanya ke Singapura. Umpamanya, rakan dagangan kita EU, begitu besar sekali tetapi hanya tertumpu kepada tiga negara iaitu Germany, Belanda dan Perancis. Negara lain kita tidak ada dagangan. Jadi, persoalannya apakah tindakan dan susulan kita supaya perdagangan kita dengan negara ini boleh dipertingkatkan?

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sudah janji tidak cakap panjang kerana ramai kawan yang hendak bercakap. Jadi, saya masih ada satu jam setengah [Ketawa] Dalam negara kita – saya sudah janji dan saya cakap soalan *low end*, soalan falasafah, akademik, teori dan sebagainya telah saya serahkan kepada bijak pandai yang lain. Jadi, kita sudah dapat belajar banyak pada pagi tadi kerana penting bagi negara kita untuk mengetahui perkara yang berikut.

Jadi, saya menyentuh satu perkara iaitu industri dalam kita iaitu industri perikanan. Ini amat penting bagi kita kerana sebagaimana yang kita semua maklum, industri makanan, industri perikanan yang di bawah Kementerian Pertanian ini kita belanja RM11 bilion hendak bawa atau *import* barang makanan untuk masuk ke negara kita ini. Kalau boleh kita selamatkan setengah sekurang-kurangnya alangkah elok dengan memajukan lagi industri

perikanan, industri sayuran, industri penanaman, semua bidang di bawah Kementerian Pertanian. Kalau kita lihat penangkapan ikan secara tradisional yang dilakukan, di Sarawak kita belum lagi banyak pukak di laut dalam ini, orang kata banyak ikan yang berada di laut Sarawak mati tua, tidak ada orang tangkap.

Tuan Yang di-Pertua, jadi *life-span* ikan ini macam biasa juga. Umpamanya, ikan terubuk

Tuan Yang di-Pertua: Yang muda tidak matikah? *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, kerana Kementerian Pertanian memang sudah menjaga dengan baik. Jadi, *live expectancy* itu meningkat.

Jadi, alhamdulillah bekas Menteri Pertanian kita sudah menjaga ikan-ikan di seluruh negara. Jadi, dia punya *birth rate* pun baik dan kehidupan *live expectancy* pun cukup panjang dan sebagainya. Tetapi ditakdirkan Tuhan juga ikan ini memang tidak lama. Macam ikan terubuk di kawasan saya '*life-span*'nya tiga tahun setengah sahaja. Setahun baginya jadi *male*, satu tahun setengah dia *female*, lepas itu jadi bujang tua.

Jadi, saya berharaplah industri perikanan ini dimajukan kerana rizab ikan di laut dan di pantai kita masih banyak. Di Sarawak umpamanya belum kita terokai di laut Sarawak dan pihak kementerian mestilah mencari macam mana cara supaya lesen ini boleh banyak dikeluarkan, usaha boleh banyak diperbesarkan supaya penangkapan – ikan itu menangis tunggu ditangkap. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya kalau penangkapan ikan itu telah dibuat saya meminta jugalah kepada kementerian buat dan menjadi satu dasar, janganlah ikan ini sudah ditangkap di laut, dijual kepada orang Taiwan, dijual dengan orang Korea, dijual dengan orang Jepun, di sini menangkap ikan banyak beratus-ratus tan tetapi di Malaysia tidak ada ikan. Apabila ikan itu sudah masuk dalam tin dijual pula ke Malaysia.

Jadi, kita menambah pula pembelian makanan dari luar negara daripada ikan negara kita sendiri. Jadi, ini tidak wajar sekali dan *value added thing*, keluaran daripada *resource* kita sendiri, kita kena majukan. Jadi, saya berharap kementerian melihat secara terperinci perkara ini supaya ikan dibawa balik dan lesen-lesen yang hendak kita keluarkan itu ditetapkan. Umpamanya,

kalau di Sarawak tempat pemunggahan ikan di seluruh pantai Malaysia ini dari Sandakan sampai ke Kelantan, dari Johor ke Perlis, pemunggahan ikan itu ditetapkan. Di tempat pemunggahan ikan ini dimajukan industri-industri hiliran ikan. Kita hendak tinkan, kita hendak '*preserved*'kah, kita hendak apakah untuk dijual ke negara kita ini tidak payahlah kita beli ikan sardin dalam tin dari Thailand, dari China, dari Eropah. Itu ikan laut dalam, ikan tepi pantai yang dalaman. Ikan dalaman, iaitu ikan *cultured fish*.

Tuan Yang di-Pertua, *cultured fish* ini memang sudah daripada zaman sebelum Jepun kata orang dahulu sudah maju di negara-negara lain macam di Eropah, di Russia, di Germany, di Holland, di China umpamanya, kita ada sedikit-sedikit 'pegong'lah, orang Sarawak kata 'pegong', di belakang *pig sty*, di depan pegong ikan.

Jadi, kita kena maju fish cultured ini, kita mesti buat research yang sebaiknya. Dalam kita memajukan perkara ini janganlah kita terjebak dalam soalan pencemaran alam sekitar kerana penternakan ikan ini akan mendatangkan pencemaran kepada alam sekitar. EIA ini satu lagi kalau perbuatan EIA ini, kadang-kadang ia baik bunyinya. Kita buat EIA report dan lepas itu serah dan laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang yang buat EIA itu saya minta maaf bukan saya hendak mengkritik orang yang kata *expert* ini, dia buat EIA tidak betul. Umpamanya, saya beri satu misalan – satu EIA telah diluluskan di kawasan saya di Batang Lupar untuk mengambil pasir. Penyelidikan orang kata ia EIA sudah buat RM50,000 buat satu ambil pasir.

Jadi, apa yang dia tidak lihat EIA itu hanya baik untuk benda-benda macam buaya, kera dan sebagainya. Ikan terubuk makan *specific kind of plankton*. *Plankton* ini ada di atas dataran laut Batang Lupar. Di seluruh Malaysia, di Batang Luparlah tempat ikan terubuk spawning areanya. Jadi, kalau EIA ini dilaksanakan, nasib kerajaan negeri melihat perkara ini. Kalau tidak pasir itu diambil, *plankton* itu hilang, terubuk pun habis pupus.

Jadi, dilihat terus EIA itu tidak dipakai kerana tidak menyelidik dengan rapi yang *plankton* itu akan binasa oleh kerana pengambilan pasir di dalam kawasan Batang Lupar walaupun bujang senang boleh hidup, terubuk akan mampus.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah daripada soalan ikan ini. Jadi, kita kena bangunkan pembangunan di laut dalam kita tangkap jangan mati kelaparan dan mati menangis, mati tua, yang di dalam ini kita buatlah *cultured fish* kerana kita tahu kalau musim tengkujuh, musim ikan tidak datang, ikan tidak beranak umpamanya, ikan lautan tidak ada tetapi di laut dan di darat kita untuk *support* industri hiliran ikan yang kita kena buat *cultured fish* ini. Saya sebutkan tadi di Russia, di Germany, di Holland, di China dan sebagainya itu sudah maju dahulu lagi tahun 30-an dan 40-an oleh kerana kekurangan makanan dari segi ikan.

Begitu juga saya sertuh

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun ya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat bagi Batang Lupar berhubung dengan perikanan laut dalam dan kawasan penangkapan ikan di persekitaran pantai terutamanya sempadan dengan Thailand dan Indonesia. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapatnya traffic ataupun pemindahan business, dengan izin, perniagaan dadah secara berleluasa yang berlaku di kawasan sempadan antarabangsa ataupun di sempadan lautan antarabangsa kita di mana kita dapati bahawa di kalangan nelayan-nelayan ini terdapat perpindahan ataupun berlakunya pemindahan dadah dan *business* dadah, dengan izin, di kawasan yang melibatkan nelayan-nelayan kita.

Jadi, adakah Yang Berhormat sedar dan adakah pihak kerajaan juga telah mengadakan pemantauan tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini sepatutnya dituju kepada Kementerian Dalam Negeri. Saya belum dilantik menjadi menteri, minta maaf. Jadi, kalau saya dilantik nanti, insya-Allah, saya akan jawab soalan itu. [*Ketawa*] [*Disampuk*]

Soalan Yang Berhormat kata ini baik. Jadi, saya jawab jugalah. Saya dengar cerita ini ada berlaku. Saya dengar ada berlaku yang nelayan kita semasa pertukaran macam '*modus operandi*'nya, dia menjual ikan tetapi dalam masa yang sama menyeludupkan dadah dari Golden Triangle turun kepada nelayan ini dan nelayan ini telah dipergunakan untuk memindahkan dadah dibawa ke negara ini.

Jadi, sama ada desas-desus yang saya dengar ini termasuk maklumat daripada Yang Berhormat itu betul, saya harap pihak kementerian buat penyelidikan supaya jangan tunggu pihak pembangkang beritahu kita sebab kita kena tahu perkara ini juga. Saya sudah hendak sebut juga perkara ini Yang Berhormat sebenarnya [*Ketawa*] tetapi selepas itulah. Yang Berhormat sudah bangkitkan jadi saya ucapkan terima kasihlah itu. Kementerian ingatlah ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi lada hitam pada tahun ini tidak banyak memberi sumbangan RM386 juta kepada pengeluaran negara tetapi lada hitam ini hanya ditanam di Sarawak. Ditanam di Sarawak pun secara kecil-kecilan oleh orang kampung, di atas bukit dan sebagainya tidak dikawal selia dan tidak di'*organised*' secara besar-besaran oleh pihak kerajaan tetapi sebenarnya lada ini boleh ditanam di Johor dan sebagainya. Mungkin Johor tidak ada tanah lagilah.

Saya baca sejarahnya ini di Johor pun ada lada juga tetapi sekarang tidak tanam lada lagi sebab benda-benda yang lebih mahal boleh ditanam di Johor. Jadi, saya haraplah industri lada ini jangan dikeluarkan ke luar negeri lagi, jangan dijual ke luar negeri, simpankan sebagai stok penimbal kita sendiri supaya apabila harganya naik, baru kita jual, apabila ia murah jangan dijual tetapi kita kena buat industri hiliran untuk membangunkan lada ini kerana lada ini boleh digunakan bermacam-macam, boleh dibuat sebagai barang makanan, sos lada, sos apa benda, macam sos ciliklah, lebih enak kerana lada mahal lagi.

Jadi, selain daripada itu boleh ditukar menjadi barang-barang kosmetik dan kita jangan biarkan perkara ini dibuat secara kecil-kecilan, buatkan research. Jadi, kalaulah ini boleh dibuat research dan boleh dimajukan dan di'*market*'kan di luar negara saya percaya lada kita tidak payah dijual ke luar negara. Kalau dijual ke luar negara pun dengan harga yang begitu baik dan tinggi. Di samping masa yang sama value added daripada lada yang kita tanam ini boleh digunakan untuk memajukan industri hiliran lada itu sendiri di negara kita dan mungkin bukan pendapatan kita yang RM368 juta itu, mungkin pendapatan kita lebih RM1 bilion daripada kuantiti yang sama.

Jadi, saya berharap pihak kementerian dan terutamanya *Research Division* membuat selidikan yang rapi lagi dan membawa perkara ini ke

market-market luar negara supaya boleh di '*market*' ke luar negara *by-product* lada hitam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana ini adalah satu benda yang unik pendapatan daripada penjualan lada dan penanaman lada ini kerana kalau kita tidak buat sedemikian sumber asli kita akan hilang, pendapatan kita berkurangan. Begitulah seterusnya dan banyak tanaman lain dan saya dalam Kementerian Pertanian ini banyak perkara yang saya hendak cakap. Oleh kerana saya janji cakap pendek sahaja tetapi saya sebutkan dengan secara ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kalau kita lihat masalah JE beratus ribu babi dibinasakan dan itu cerita JE sebab babi ini dibunuh, dalam masa yang sama beratus ribu ayam kena penyakit pun ada juga yang kena bunuh. Dan satu lagi oleh kerana keadaan alam, pada 23, 24 dan 25 Disember berlaku 'king tide'. King tide ini telah membinasakan beratus-ratus ekar tanah di seluruh kawasan pesisir Sarawak, banyak kebun orang bina sa, ada orang tak berani pergi ke kebun, kerana kata mereka: "Yang Berhormat, kalau saya pergi menangis." Jadi, banyak persoalan yang dibangkitkan di dalam Dewan ini mengatakan supaya kementerian dan kerajaan mengadakan satu tabung, satu dana untuk menolong mereka ini kalau tidak pun membayar balik kehilangan dan kerugian yang telah mereka terima sekurang-kurangnya boleh membantu mereka sedikit-sedikit.

Ini banyak telah disebutkan dalam Dewan ini, tetapi tidak seorang pun ada menyebutkan soalan insurans. Jadi, saya memikirkan dan saya telah berbincang dengan pihak insurance company bolehkah perkara ini dibuat. Ada segelintir insurance company mengatakan boleh dibuat asalkan bukan memberi pengganti yang sama tetapi sekurang-kurangnya memberi sedikit compensation kepada orang yang terkena, sama ada kematian babi, kematian ayam, kerbau, lembu ataupun pokok durian ataupun pokok langsung.

Saya berharap pihak kementerian membuat penyelidikan, panggilkan insurance company buat satu cadangan sebagaimana kita buat dengan budak-budak sekolah, ini kalau boleh dibuat dengan budak-budak sekolah, kalau dia kata, dia beli insurans, ini murah sahaja macam budak sekolah berapa ringgit sahaja dalam satu tahun, jadi kalau insurans ini pun mungkin RM10 atau RM20, RM2 bagi budak sekolah, ini kalau RM10 atau RM20 dibayar setiap

tahun insurans, kalau ditakdirkan berlaku malapetaka, kerosakan berlaku, ia akan mendapat pulangan mungkin RM10,000 mungkin RM5,000 bagi nelayan di luar bandar umpamanya akan berterima kasih dengan inisiatif kerajaan, tak payah ambil duit kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih menyebut soalan makanan kerana makanan ini, saya kadang-kadang ada makan benda-benda yang jarang orang lain makan macam *smoke oyster* dan sebagainya. Satu tin *smoke oyster* dahulu tiga tahun lepas cuma RM3.60 sen yang diimport daripada Sweden, tetapi sekarang tin yang sama berharga RM10.60 sen sama ada di Kuala Lumpur ataupun di Kuching.

Ini juga kita boleh cultured oyster ini boleh dibuat, laut di sana dengan laut kita di sini sama. Kenapa tidak boleh kita buat benda yang sama, *culturekan* benda-benda ini dan buat tin belajar macam mana buat *smoke oyster* dan boleh dijual di market kita sendiri, sebab benda ini enak. Apa yang kita import daripada luar negara dan dijual di pasaran kita bermakna ada market di pasaran kita, jadi kita sepatutnya mengambil peluang supaya benda ini tidak dibeli daripada luar dan dijual di market kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke Kementerian Pendidikan, itulah tadi saya katakan, I am going to the low end. Pembangunan fizikal dalam pendidikan ini alhamdulillah kita boleh katakan bersyukurlah, pembangunan banyak universiti sudah semakin banyak, apabila undang-undang hal universiti dan kolej dibentangkan dahulu, saya pernah menyebutkan yang kita hanya ada lapan universiti, yang mana Australia juga 20 juta penduduknya ada 30 universiti, di Indonesia ada 1,400 universiti.

Jadi, kalau kita hendak jadi negara the centre of excellence sama ada di rantau ini ataupun di dunia banyak perkara yang kita hendak lihatkan, bukan sahaja infrastrukturnya, bukan sahaja universitinya, bukan sahaja sekolah-sekolahnya, semua segi kita kena lihat. Dalam kita melihat jangan tumpukan sahaja kepada orang bandar, janganlah lihat universiti sudah canggih dan besar dan banyak itu, jangan lihat sekolah-sekolah batu dan sebagainya semua tumbuh macam cendawan semuanya di bandar-bandar, macam mana orang Batang Lupar, macam mana orang Rompin, macam mana orang Lubok Antu, macam mana orang Parit Sulong. Banyak lagi bahkan political based kita Barisan Nasional adalah luar bandar, di sanalah juga letaknya orang Melayu,

di sana jugalah letaknya bumiputera, tetapi kalau dilihat Sarawak sebagai satu model, sekolah yang dibina oleh majlis pada tahun 60-an masih belum ada improvement, kontrak yang diberi dengan syarikat belum mendatangkan hasil, di kawasan saya 31 sekolah yang disenaraikan tambah kelas daripada lima sampai 20 tetapi yang ada sekarang bumbung sahaja repair, dinding sahaja repair, mungkin satu bilik kelas pun belum dibina, anak orang kahwin masih bertambah, kita punya birth rate meningkat, infancy rate kita masih baik, one of the best in the world, oleh kerana Kementerian Kesihatan sudah gereenti kita mesti kena baik, penambahan manusia bertambah, infrastruktur pendidikan tidak bertambah di luar bandar ataupun kurang pertambahan di luar bandar terutama di kawasan saya.

Jadi, saya berasa sedih sedikit, ini mesti dipertingkatkan, penambahan bilik-bilik kuliah, bilik darjah, bilik sumber, asrama guru, asrama murid, dan tempat ibadah umpamanya mesti diperbanyakkan lagi, kalau tidak, kalau orang di kawasan saya ia tidak pernah sebutkan surau dan tempat ibadah ini sebab tempat kuliah dan tempat kelas pun belum mencukupi.

Saya berharap ini mesti diberi penentuan ataupun penempatan khusus oleh kerana malang sekali bagi orang Melayu, 81% di kawasan saya malang sekali bagi orang bumiputera di luar bandar kalau ini tidak dipertingkatkan, umpamanya kalau kontrak yang diberi dengan syarikat itu kalau *diallocate*, dengan izin, menggunakan perkataan allocation ini, diberi kepada mengikut Parlimen itu dan Ahli Parlimen mentadbirkan, sekarang kita lihat kawasan saya mengikut penilaian 31 itu saya akan dapat RM3.8 million, kalau RM3.8 million itu diberi kepada saya, saya buat sekolah-sekolah sendiri, saya anggap dapat mencapainya matlamat yang disebutkan oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi masalah guru di luar bandar. Kadang-kadang guru dari Semenanjung tidak mahu pergi ke Sarawak. Saya tidak marah, kalau anak saya pun saya kata jangan pergi ke Sarawak di luar bandar, cultural shock. Orang Kuching, orang Sibul, orang Miri pun tak hendak pergi ke Hulu Kapit, Hulu Kanowit, Hulu Rejang, sebabnya bila dia datang ke sana, dia bukan mandi ada bilik tempat mandi, bercampur aduk berkemban orang kata, pergi ke pangkalan mandi bersama di sungai.

Seorang Ahli: Best!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang best. [Ketawa] Di tepi sungai mandi bersama, tetapi kepada anak orang bandar melihat perkara ini, dia menangis terus, macam mana hendak buka baju pun, hendak mandi di tepian sungai bersama anak-anak jantan, anak-anak muda lain, dia tidak boleh buat, sebabnya asrama tak cukup, tempat guru tak baik, semua perkara ini, macam mana saya hendak marah orang daripada Kuala Lumpur, orang daripada Kuching, Sibu, Miri hendak mengajar di luar bandar.

Jadi, saya cadangkan kepada Kementerian Pendidikan, kalau hendak ambil, lihat dahulu, kita mesti mendapatkan satu data, kita melihat berapa keperluan guru-guru di luar bandar di Sarawak, kita camkan, pergi ke kampung kawasan itu, ke bahagian itu, interview, temudugakan orang daripada kawasan itu, tanya dengan dia, kalau dia anak pedalaman, cukup persekolahan ambil dia, hantar balik ke kampung dia sendiri, mungkin ini Dato' Petra Jaya geleng kepala, mungkin tidak bersetuju dengan saya dalam perkara ini, sebab Menteri Pendidikan dahulu, memang dia lebih tahu daripada sayalah, saya cakap sahaja, kalau tak betul itu tolong Kementerian Pendidikan selidik, tetapi kalau yang betul itu terimalah juga. Sebab setiap orang yang saya jumpa, orang daripada pedalaman, kalau dia duduk dalam kawasannya, kalau orang Baram daripada kawasan Baram, tidak kira di mana Baram ditempatkan, dia akan merasa selesa, kurang masalah tempatan, tempat duduk, sebab keluarga dia ada, dia tahu dengan orang setempat, tak ada masalah sangat penyesuaian diri dengan orang tempatan dan daripada segi bahasa dia tahu, terutama sekali kalau Islam daripada mana-mana tempat, dihantar ke kawasan Iban, di hantar Bidayuh dan sebagainya cara hidup berlainan, kena selidik.

Saya sudah tahu perkara yang saya sebutkan adalah daripada experience yang saya sendiri jumpa orang berkenaan, di pejabat saya ada lima, enam permintaan, orang Iban tak hendak duduk di tempat orang Kenyah, Kelabit umpamanya, saya sudah duduk di sana lama Yang Berhormat, minta tolong balik ke tempat saya, walaupun kita tidak boleh entertain perkara ini, kalau tidak masalah. Tetapi sebaiknya kalau masalah kesusahan hendak cari guru hendak masuk ke pedalaman itu, carilah daripada tempat mereka sendiri, orang di situ sendiri dan masalah tempatan, insya -Allah tidak akan berlaku.

Baru saya balik kepada persoalan yang ada lebih sedikit naik daripada bawah itu, Tuan Yang di-Pertua, soalan kita hendak sekolah bestari, di bandar akan dibina, pada sesi Parlimen yang lepas, saya katakan beri satu komputer di satu kawasan bandar dan satu komputer di kawasan bestari di luar bandar dan setiap satu yang masuk di bandar, satu jugalah di luar bandar, sekolah bestari dibuatkan, jangan dikatakan di sini senang infrastruktur, senang guru, senang semua senang, kalau itulah attitude kita, the challenge is not accepted, dengan izin, challenge kita ialah cuba meneroka di tempat yang susah, pioneer spirit, frontier men's spirit, dengan izin.

Kita pelopori perkara ini, orang luar bandar kena dibela, hantarkan api elektrik supaya komputer boleh masuk di setiap sekolah, Kementerian Pendidikan tolong rancangkan di setiap sekolah di luar bandar yang tidak ada api elektrik mesti diberi api elektrik dengan apa cara jua sekali pun supaya komputer boleh dihantar, Ahli Yang Berhormat boleh tolong komputer [Tepuk] dan dengan itu juga kita bolehlah membantu anak kita Melayu, anak bumiputera berdiri sama tinggi, duduk sama rendah, belajar sama IT, duduk sama menyuap, macam orang bandar. Jangan anak-anak kita sendiri hilang, nanti ada orang yang mengatakan orang Melayu, orang bumiputera tidak boleh belajar matematik, tidak boleh belajar sains, tidak boleh belajar Inggeris, masalahnya, semua masalah guru, masalah kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu, orang yang mula-mula menyebut soalan sijil terbuka ialah saya. Kalau tidak salah sayalah, sekurang-kurangnya dalam space sepuluh tahun. Lima tahun lepas saya sebut soalan sijil terbuka, apabila sijil terbuka diperkenalkan jauh daripada apa yang saya fikirkan dahulu berlainan sedikit, jadi bukan saya kata sijil terbuka ini tidak betul, saya ada sebab sendiri dan kementerian mungkin ada sebab sendiri sijil terbuka dan sijil terbuka yang ada kita buat sekarang tidak boleh menggalakkan kepada pihak bumiputera, sepatutnya sijil terbuka dipelopori berlandaskan dua, tiga sebab untuk membangunkan masyarakat berilmu dan berbudaya, membangunkan pelajar kreatif, inovatif dan berdaya saing membangun masyarakat yang mulia, bermoral dan berbudi tinggi dan membangun guna tenaga negara kita Malaysia.

Jadi, bukan tentunya in that order, mungkin ada berlainan prioritinya, tetapi kita mesti kena melihat keciciran guna tenaga ini, kerana kadang-kadang

budak-budak kita kalau tak hendak masuk universiti, kalau di Sarawak dia masuk jadi orang balak, balak sudah turun tahun 1995 diturunkan oleh ITTO kerana kita kena juga, hilang orang kerja balak, tidak ada balak hendak dijual lagi, kerajaan tidak beri lagi, orang kita hendak pergi mana, jadi habislah budak-budak ini.

Jadi, saya katakan

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Batang Lupar sedar bahawa sekurang-kurangnya secara hitung panjang setiap tahun hampir 280,000 pelajar mengambil SPM. Pelajar yang mendapat Gred I hanya dalam kalangan 70,000, yang Gred II dalam kalangan 70,000 juga dan Gred III 54,000 tetapi pelajar yang gagal, yang minta pembelaan sijil terbuka atau institusi terbuka itu lebih kurang dekat-dekat 90,000. Sementara peluang-peluang di dalam pendidikan institusi pengajian tinggi hanya memberi tempat kepada 25 peratus dan 50 peratus yang meminta tempat untuk pendidikan vokasional dan sijil terbuka kurang mendapat fasilitinya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya kata selama ini – keciciran, saya selalu sebut keciciran, tetapi Yang Berhormat bagi Parit Sulong, dia mempunyai data, *research, figures* semuanya. Tetapi saya melihat sendiri secara kenyataan iaitu keciciran ini memang banyak berlaku. Itulah pada satu ketika dahulu saya mengatakan kita perbanyakkan universiti. Alhamdulillah, sekarang IPTS sudah banyak dan boleh menampung keperluan-keperluan negara. Yang kedua, lagi saya kata yang tidak mahu universiti, yang mengejar secara akademik, kita sepatutnya mengadakan institusi pengajian tinggi di merata-rata negara untuk melatih anak-anak yang lepas, dia tidak masuk universiti ini dalam bidang teknikal. Dalam bidang teknikal ini adalah untuk membangunkan negara ini kerana bidang teknikal inilah yang akan membezakan negara yang maju dan tidak maju.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, saya buat penyelidikan dahulu, sekarang selalu buat *figure*, dahulu dalam Persidangan yang lepas saya mempunyai semua *figure* ini. Kalau kita lihat negara Jepun, asal usulnya negara China, negara Jepun, Korea dan Taiwan ini negara yang memaster Matematik dan dari segi teknikal mereka ini baik dan latihan sekolah-sekolah

teknikal mereka banyak mengeluarkan orang yang mahir, orang yang teknikal, orang yang lebih mahir dan saintis pun banyak keluar daripada sekolah-sekolah teknikal ini daripada bidang teknikal. Begitulah negara di Eropah, macam German dan Switzerland umpamanya, ini negara yang maju dari segi teknikal tetapi dalam masa yang sama ada negara yang maju dari segi akademik, umpamanya negara Great Britain, umpamanya negara Amerika, banyak mengeluarkan bidang *academia*. Kalau kita lihat 410 penerima Nobel Piece daripada natural science, 55 peratus dari Amerika, 35 peratus dari England. Mana dari Asia? Tidak ada langsung.

Adakah kita ini, *can we think*, kata oleh Ambassador Amerika, *can Asian think*. Jadi, saya ingat ini polemik, Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh berfikir macam mereka juga, kita lebih cerdik macam mereka juga tetapi pendidikan ini mesti diatur sebaiknya supaya kita dari segi teknikal walaupun efisiensi Universiti Germany itu persoalkan oleh kerana ia memakan masa tujuh tahun dapat satu Degree, Ijazah yang mana di Amerika dan England tiga atau empat tahun sudah dapat, jadi lebih efisien. Negara kita lebih efisien daripada dia orang tetapi di bidang teknikal tidak kita pelopori sangat, bahkan kita boleh supaya jangan keciciran atau kehilangan. Jangan 20 peratus sahaja masuk universiti, yang lain masuk kayu balak, masuk jadi kuli kontraktor yang *low skill*. Jadi, benda ini kita kena maju dan budak-budak yang keluar sekolah ini, yang mampu masuk bidang teknikal diberi teknikal training sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, barang siapa menguasai Matematik dan Sains akan menguasai teknologi maklumat. Barang siapa yang menguasai teknologi maklumat akan menguasai dunia. Itulah kata seorang saintis daripada Pentagon.

Saya bimbang kalau bumiputera tidak mendapat latihan sempurna dalam bidang ini kerana kemungkinan kalau kita lihat negara yang high achievers dalam Matematik seperti negara Jepun, China, Korea dan Rusia boleh tetapi tidak berapa, Switzerland. Kita kena hantar orang kita belajar di sana, macam mana mereka belajar Matematik. Bahkan hari persekolahan mereka sama banyak dengan kita. Kita belajar dalam setahun 207 hari, negara-negara ini 204, 205, 207, China sahaja 218 hari dalam setahun belajar di sekolah. Jadi, masa hari pembelajaran kita di sekolah tidak ada banyak

perbezaan tetapi bagaimanakah mereka boleh master Matematik dan Sains. Mesti kita boleh!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mempunyai data-data. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupar mengenai prestasi ataupun pencapaian pelajar-pelajar bumiputera berbanding dengan bukan bumiputera mengenai mata pelajaran Matematik, Sains kalau diberi kepada *Physic*, *Chemistry* dan *Biology* dan ini menunjukkan bahawa....Saya mengambil satu contoh, pada tahun 1997, bumiputera yang cemerlang di dalam mata pelajaran Sains di bidang SPM hanya 16.5 peratus, bukan bumiputera 41.9 peratus.

Pada tahun 1998 contohnya sekali lagi, pencapaian bumiputera cemerlang di bidang Matematik peringkat SPM hanya 6.7 peratus sementara bukan bumiputera 36.4 peratus. Jadi, adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya anak-anak bumiputera yang lemah Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris ini mereka tidak dapat masuk ke institusi pengajian tinggi oleh kerana constrain Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Adakah kita harus menuntut supaya orang-orang ini diberi pembelian menerusi kursus-kursus pemantapan (*selvage programme*) yang boleh dilaksanakan supaya mereka dapat menuntut di IPTS sesudah itu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, di England ada satu sistem dikatakan *presessional class*, maknanya kalau seorang itu lemah dalam Bahasa Inggeris, kebiasaannya Bahasa Inggeris, dia dimasukkan ke dalam kelas ini untuk diberi penumpuan belajar Bahasa Inggeris, menulis dan bercakap Bahasa Inggeris dan sebagainya. Walaupun sudah diterima sebagai *provisional* dalam universiti tertentu, lepas itu apabila dia lulus dalam peringkat ini dimasukkan ke dalam universiti. Kalau sistem inilah diperkenal untuk Matematik dan Sains bagi anak-anak bumiputera di Malaysia, memang cukup hebat. Tidak payah lama, enam bulan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah mendengar hujah Yang Berhormat sana, sangat tertumpu kepada anak-anak bumiputera tetapi pada fahaman saya ini masalah pendidikan bukan sahaja kepada anak-anak bumiputera atau orang Melayu sahaja. Di kampung-

kampung dan estet-estet hanya 2 peratus kelas yang sama itu di *primary school* hanya 2 peratus yang pergi ke universiti. Mungkin bukan mata pelajaran yang sama tetapi ada masalah yang lain. Contohnya, kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan (Cina) masalah mereka ialah penguasaan bahasa Melayu. Ramai mereka dalam SPM, UPSR mereka mendapat keputusan yang cemerlang – 7A, 8A tetapi gagal dalam bahasa Malaysia ataupun Bahasa Malaysia tidak mendapat credit dan tidak dapat pergi ke universiti, ini juga masalah. Kalau mereka tidak dapat....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Puan Chong Eng: Sedikit sahaja. Kalau mereka tidak dapat credit dalam Bahasa Malaysia mereka tidak pergi mencari guru latihan pun, walaupun Bahasa Cina mereka sungguh baik dan mereka mahu mengajar Bahasa Mandarin sahaja...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okay, okay Yang Berhormat, okay.

Puan Puan Chong Eng: Ini masalah yang berlainan walaupun mungkin kita perlu kaji semua masalah ini. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okay, terima kasih Yang Berhormat. Memang saya bercakap sebahagian daripada ucapan saya tadi ialah masyarakat. Bila saya katakan negara master Matematik, master Sains macam Jepun, Taiwan, Switzerland dan sebagainya yang saya sebut tadi, saya katakan masyarakat. Saya tidak katakan bumiputera dan orang Cina. Bahkan Yang Berhormat tidak tahu isteri saya orang Tionghua. [*Ketawa*] Macam mana saya ketepikan, sebelah keluarga saya ini orang Tionghua, orang Sarawak kalau kahwin jadi macam satu itu. [*Ketawa*]

Saya memang mengatakan masyarakat Malaysia. Di kawasan saya ada lima *Chung Hua schools* tetapi masyarakat Cina di kawasan saya ada 4 peratus sahaja. Jadi, kita mesti lihatlah siapa yang lemah kita bantu. Kalau apa yang saya cadangkan tadi boleh digunakan untuk masyarakat Cina yang lemah Bahasa Malaysia, gunakan sistem yang saya sebutkan tadi, cadangkan kepada Dewan, cadangkan kepada kementerian. Dalam Dewan ini Yang Berhormat, kita memang sebut macam itulah. Kalau yang tidak kena kita sebut, imbasannya pun kita terima juga.

Jadi, memang boleh diguna kepada semua kaum. Kita orang Malaysia, satu kaum. Jadi, oleh kerana masyarakat Melayu dan bumiputera itu masih lemah dalam bidang Matematik, saya tumpukan Matematik dan Sains itu kepada orang ...Kalau Bahasa Malaysia itu lemah memang kita semua patut tahu kerana Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi negara ini. Jadi, kalau sudah lemah, inisiatif tiap-tiap sekolah, tiap-tiap orang, tiap-tiap wakil, tiap rakyat dan pemimpin mesti mengambil inisiatif supaya ibu bapanya yang tidak pandai berbahasa Malaysia kena belajar – bagi sekolah malam. Kalau anak-anak sekolah yang tidak pandai cakap bahasa Malaysia suruh pergi sekolah tambahan supaya anak-anak kita boleh menguasai Bahasa Malaysia. Jangan diketepikan Bahasa Malaysia ini penting, ini maruah negara, ini martabat negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh secara ringkas sahaja soal insurans, Dato' Timbalan Menteri tolong ambil note, pendek sahaja ini. Masa ini ada insurans sekolah diberi kepada aktiviti budak-budak sekolah tetapi hanya apa yang berlaku dalam sekolah. Tetapi dalam masa yang sama pihak kementerian mengadakan banyak kokurikulum yang boleh dibuatkan di luar sekolah – terlibat dengan Puteri Islam, Pandu Puteri, Pengakap dan pelbagai lagi, semua di luar sekolah. Sepatutnya insurans ini, kalau pun ditambah sedikit masuklah semua aktiviti budak-budak sekolah yang keluar membuat aktiviti sekolah di luar kawasan sekolah supaya anak-anak ini tidak payahlah tiap-tiap kali hendak keluar guru kata ambil sign indemnity supaya apa-apa berlaku tidak terlibat pihak sekolah

Jadi, ini nampak tidak baik. Nampak kementerian, jabatan dan sekolah tidak bertanggungjawab kepada anak-anak orang. Anak ini anak yang dikasih dan disayang oleh ibu bapa melihat anak tetapi dalam masa yang sama borang dihantar, kalau apa-apa berlaku tidak dipertanggungjawabkan. Jadi, insurans itu minta tolonglah perluaskan applicationnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya cerita hal IPT dan IPTS, ini secara ringkas sahaja. Kita menerima murid-murid daripada luar negara, pelajar daripada luar negara untuk belajar di negara kita dan orang kita sendiri sekarang membuat *twinning programme*, saya tumpukan kepada soalan *twinning programme*. Dalam *twinning programme* ini Tuan Yang di-Pertua, ialah dibuat setengah di negara lain. Walaupun macam mana universiti sekalipun

twin partner di IPTS dan IPT di sini untuk orang kita belajar sama ada murid kita daripada luar negeri ataupun daripada negara kita sendiri. Persoalannya banyak iaitu *twinning programme* tiga tahun semua penuh di sini habislah ambil *certificate* atas nama sekolah inilah, universiti ini di luar negara. Ada juga yang 2+1 iaitu dua di sini, satu di sana. Ada juga yang satu di sini, dua di sana tetapi sistemnya saya tidak mempertikaikan.

Apa yang saya hendak persoalkan ialah satu, kalau *certificate* ataupun sijil ini diterima di Malaysia sebagai sijil yang diiktiraf di Malaysia adakah sijil yang sama diiktiraf di negara mana universiti itu berasal. Umpamanya, kalau Sydney *University twinning programme* dengan satu kolej ABC di sini; buat *certificate*, dapat Ijazah atas nama Sydney University tetapi dalam masa yang sama Australia tidak menerima *certificate* itu di Australia. Jadi, di manakah kita boleh mempolopori dan mempromosi Malaysia sebagai *centre of excellence* sebagai pendidikan. *Certificate* ini boleh digunakan di Malaysia sahaja tidak boleh diguna di Australia, tidak boleh diguna di *Commonwealth countries*.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

Jadi kita kena buat banyak pekerjaan-pekerjaan yang perlu kita uruskan Oleh Lembaga Akreditasi Negara untuk melihat perkara ini supaya apa yang kita iktirafkan di sini mestilah juga diiktiraf ditempat mana asal *certificate* ini. Kalau diiktiraf di Australia, maknanya semua *Commonwealth countries* biasanya menerima *certificate* ini, mestilah dibuat macam itu barulah *certificate* daripada Malaysia itu laku di seluruh dunia dan di seluruh Commonwealth. Barulah Malaysia boleh kita promosikan sebagai *center of education*. Kalau tidak, ia tidak akan laku kerana laku di Malaysia sahaja, bukan orang hendak kerja di Malaysia, hendak balik ke negeri dia sendiri.

Jadi perkara ini walaupun nampak remeh, walaupun nampak susah, tetapi mesti diambil tindakan. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sejam, saya janji sejam setengah. Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua, masalah Kementerian Luar Bandar yang belum saya sebutkan ini. Jadi masalah luar bandar ini masih banyak cerita, saya pendekkan. Insya-Allah, saya sudah janji dengan Datuk. Saya pendekkan masalah luar bandar. Saya wakil rakyat daripada luar bandar, kawasan saya betul di luar bandar, di tepian laut, tidak ada jalan, tidak

ada apa, semua tidak ada. Jadi, perhubungan menerusi bot dan helikopter tetapi kita tidak mampu menggunakan helikopter, gunakan bot. Musim tengkujuh, kawasan-kawasan saya *cut off* daripada *civilization*. Benar berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Lipis minta penjelasan, sila.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih Dato'. Saya tertarik hati dengan pendapat ataupun pandangan daripada Batang Lupar terutama menyentuh *soal center of academic excellent*. Tetapi berkenaan dengan *academic excellent, region of academic excellent* dan sebagainya menitikberatkan mata pelajaran yang dipanggil sebagai mata pelajaran sekular. Jadi di kawasan saya ada beberapa buah sekolah yang saya lawati, di mana guru melaporkan kepada saya terdapat murid-murid tuang sekolah dan ada yang tidak datang sekolah sebabnya ibu bapa murid-murid ini menganggap bahawa mata pelajaran yang diajar ini berbentuk sekular. Jadi apa pendapat Yang Berhormat sekiranya benda ini meresap masuk di kalangan masyarakat kita. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kadang-kadang saya di Parlimen ini, semua soalan saya boleh jawab. Kalau tidak boleh jawab pun, latihan akademik saya mengatakan kena tunjuk yang you boleh jawab. Tetapi bila dia tanya soalan sekular ini, susah.

Mata pelajaran ataupun sistem sekular. Yang saya tahu, sekular ini adalah tidak ada nilai-nilai, tidak ada mirip kepada keagamaan tetapi kalau ini adalah benar, saya tidak melihat kepada perkara ini jadi satu masalah kerana apa yang menunjukkan nilai yang baik, pengajaran yang baik umpamanya kita belajar Matematik. Ada juga orang mengatakan teori Matematik itu ada juga boleh dihubung dengan ketuhanan, begitulah semua teori Sains. Ada boleh dihubung dengan masalah ketuhanan dan wujudnya Tuhan dan wujudnya yang besar daripada kita jadi kena terima, macam mana berjalan bintang dan matahari kalau tidak berlanggar sesama sendiri, kalau tidak ada orang lain mengurusnya. Jadi tiap-tiap pelajaran yang kita buat, tiap-tiap yang kita pelajari melainkan benda itu betul-betul bercanggah dengan agama kita sendiri. Saya tidak nampak perkara ini belajar Matematik, Geografi, History dan sebagainya itu sebagai satu masalah.

Jadi minta maaf Yang Berhormat, kurang tepat jawapan soalan sekular ini. Kalau kita lihat pergerakan umpamanya. Ada orang kata pergerakan *premasion* itu ada bentuk Yahudi tetapi pergerakan Pengakap itu satu pergerakan sekular kerana tidak ada Tuhan disebut tetapi dia mengatakan mesti taat kepada Tuhan tetapi tidak menentukan kepada agama mana. Jadi teori ini panjang sangat saya cerita, jadi saya minta maaf Yang Berhormat.

Jadi saya pindah kepada perkara-perkara di bawah, macam saya sebutkan tadi. Jalan-jalan kampung, sumber air bersih dan api elektrik di luar bandar ini masih patut dijalankan dengan baik oleh kerana masalahnya di luar bandar di kawasan saya, masih jalan-jalan kampung dan jalan luar bandar itu masih banyak yang perlu dibuat, sampai satu kampung boleh berhubung dengan kampung yang lain dan di dalam kampung itu kita tidak berjalan menggunakan tanah-tanah pantai dan sebagainya. Orang Sarawak kata, *beremak*. *Beremak* ini berjalan di atas pantai, jalan raya pantai.

Jadi mintalah supaya jalan-jalan di luar bandar itu diperhebatkan sekali dan apa sistem digunakan pun tetapi dalam kawasan saya dalam tahun 1999, ada 18 projek jalan kampung diberi. Oleh kerana saya yang selalu bising, soal konsep syarikat payung ini. Lapan dia bagi kepada D.O, lapan dia bagi kepada syarikat payung. Alhamdulillah yang dibuat oleh syarikat payung ini lebih panjang, lebih besar walaupun kualitasnya kurang sedikit. Tetapi yang dibuat oleh Pejabat D.O. itu pendek dan kurang, tidak panjang. Saya tidak faham itu kerana proses tender itu lebih banyak menguntungkan pihak yang mentadbirkan tender dan syarikat yang menender.

Jadi, maknanya kalau dipandang daripada kawasan saya, 16 projek itu nampaknya konsep payung lebih bermakna lagi. Walau bagaimanapun, saya serahlah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar hanya agihkanlah wang banyak sikit untuk membangun kawasan luar bandar bukan di Sarawak sahaja, semualah macam di Rompin pun kena, Parit Sulong pun kena, Kelantan, Terengganu saya tidak tahu, itu atas kementerian sama ada hendak bagi orang Kelantan dan Terengganu kerana sudah tidak hendak Barisan Nasional.

Jadi yang kedua saya sentuh secara cepat, Tuan Yang di-Pertua, hospital, klinik daerah dan klinik di situ. Di Sarawak, di dalam bandar, kita ada hospital-hospital yang canggih macam di sini juga bahkan kita boleh

membedah jantung di Kuching tidak lama lagi. Sekarang proses mengaturkan segala perkakas-perkakas di Hospital Kuching telah dibuat dan Alhamdulillah, terima kasih kepada kementerian mengadakan perkara ini. Tidak payahlah kita pergi ke Johor, Singapura, Kuala Lumpur, Penang dan seumpamanya jika kita mempunyai masalah jantung di Sarawak boleh menguruskan sendiri. Ingin saya ucapkan terima kasih tetapi yang masalahnya, masih ada orang yang di luar kawasan saya, kalau dia bunting, kalau dia di bandar, *from the day one* dia tahu bunting, dia jumpa doktor *regularly* dua minggu sekali, seminggu sekali dan sebagainya.

Tetapi di kawasan saya kalau dapat tiga bulan sekali itu Alhamdulillah. Ada juga yang beranak di tepi jalan. Ini tidak ada laporan, Jadi kematian anak masa lahir itu masih berlaku yang tidak ada laporan. Yang bunting tidak mendapat pendaftaran, yang lahir tidak mendapat laporan. Jadi saya haraplah kementerian menerima cadangan yang saya buat ini iaitu pembangunan untuk luar bandar. Sarawak, Sabah umpamanya sepatutnya berhubunglah dan berundinglah dengan ahli-ahli Parlimen kita di Parlimen ini, kementerian dan berbincang untuk mengadakan tiap-tiap satu

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf, saya belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia minta habiskan dulu. Sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ..tiap-tiap satu kawasan Parlimen itu kita agihkan. Kalau ada gangguan di Sarawak, 28 klinik desa umpama hendak dibina, jadi kita berbincang berapa banyak yang boleh dibina di kawasan mana dibina dan keadaan mana dibina supaya dapat *systematically implement* Jangan buat jabatan kerajaan *orientated*. Itu melihat pegawai kerajaan senang pergi, senang dapat datang, senang perhubungan, di situlah buat klinik. Tetapi orang kampung kita tidak lihat. Sepatutnya kita buat di hulu sana biar orang kampung ramai supaya pegawai kerajaan susah sikit pergi, tidak apalah pasal dia pergi sekali sekala sahaja. Ini lagi kita berbalik kepada pegawai-pegawai di sana, kita lantik daripada orang sana, lantik dan latih dia untuk orang tempatan kita lantikkan. Jadi tiada masalah

penempatan, kediaman, *cultural shock* dan sebagainya tidak ada. Yang Berhormat hendak bertanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat, saya sedihlah dengar keadaan di Sarawak dan saya faham bahawa Sarawak ini sudah lama di bawah BN. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa BN tidak berjaya membangun pembangunan sepenuhnya di Sarawak?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau kena beri masa, ada orang *use the masa*, kadang-kadang orang *abuse the masa*. Jadi, kadang-kadang berlaku, Yang Berhormat, tetapi tidak apalah, terima kasih. Bukan pasal Barisan Nasional, Yang Berhormat. Kita mempunyai kerajaan yang sistematik, kerajaan yang baik mewujudkan satu *budget*. Dalam tiap-tiap *budget* itu dilaksanakan mengikut peruntukan yang telah diluluskan di Parlimen ini. Kadang-kadang ada jugalah oleh kerana hospital di Bintulu umpamanya RM170 juta dibuat. Oleh kerana hospital itu di luar jangka masa harganya, mula-mula dinilai RM120 juta sahaja. Tetapi oleh kerana tidak siap dengan RM120 juta terpaksa dibina dengan RM170 juta, tidak bolehlah kita berhenti bina hospital oleh kerana hendak buat satu klinik di Batang Lupar. Sistem yang mana? *[Disampuk]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini sistem. Kena binalah sampai hospital ini siap. Gunakan sumber kewangan yang telah diluluskan untuk negeri ini, bina siap supaya hospital ini bila siap baru kita rancang yang di luar bandar. Bukan soalan Barisan Nasional. Barisan Nasional “*is the best health care system*” dalam dunia, Yang Berhormat. *[Tepuk]* Kena ingat apa yang saya sebut tadi.

Saya setuju, saya buat *research* pada dua tahun lepas. Saya selidik apa yang dibuat di Jepun. Bukan sahaja daripada segi sistemnya, pada kosnya pun *is one of the best in the term of cost as well as efficiency*” Kita health expectancy rate – kematian, *is the highest, among the best* dalam dunia. Jepun baik tetapi harga tinggi. England baik tetapi harga tinggi. Kalau kita dibandingkan dengan Greek, Greek murah, kita sama murah juga. Turkey, jangan sebut Yang Berhormat, jauh belakang.

Saya sudah banding semua negara dalam dunia, sudah baca, Yang Berhormat. Sistem di Kanada saya jumpa dengan seorang, dia kata, “*it’s one of the best*”, katanya. Bila saya selidiki, saya jumpa dengannya ada juga orang yang marah yang sistem itu tidak baik. Sorrylah, memang ada kritikan, ini masyarakat manusia.

Seorang Ahli: Biasalah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Biasalah itu. Iddi, masalah sosial Yang Berhormat, ini penghabisan, Tuan Yang di-Pertua. Masalah sosial di negara kita memang banyak melanda di negara kita, Yang Berhormat. Jadi, ini kita kena tangani dan kita gunakan apa sistem yang ada dan kita mesti berani bertanya kenapa masalah di kalangan anak-anak Melayu menular. Adakah masyarakat Melayu itu kurang *parenting skill, knowledge*, sefahaman rumahtangga atau orang Melayu terkejut dengan kejutan materialisme dan tidak boleh mengawal diri mereka sendiri? Adakah keretakan dalam sistem keluarga Melayu telah nampak. Kita kena lihat sendiri. Kelemahan ini telah kita lihat, penderaan anak, penderaan orang gaji dan sebagainya.

Baru-baru ini kita lihat penderaan orang gaji. Dalam masyarakat Malaysia, Cina terlibat dalam penderaan ini. Saya memang cukup marah, cukup benci mendengar cerita ini. Laporan dalam surat khabar menunjukkan kita ini *the ugly Malaysian*, mendera orang yang tidak berupaya melawan di dalam rumah kita sendiri. Kalau saya dapat, Yang Berhormat, masa itu saya gunakan ISA. Tetapi tidak payah guna ISA, mahkamah cukup adil, cukup *independent*, boleh menghakimi masalah ini kerana saya cukup sedih.

Saya sebenarnya belum pernah bercakap perkara ini. Saya sudah tahu sendiri ramai orang yang datang ke negara ini, bila datang dijanji dengan gaji umpamanya gaji RM200, pun tidak mahu bayar. Lepas itu dicaj untuk api elektrik, tempat tidur dan makan. Hujung bulan tidak ada gaji lagi, semua sudah habis dah - api elektrik, tempat tidur, makan, habis duit. Itulah kenapa dia orang kompelin tidak ada gaji diterima sebab semua kena caj. Dengar radio pun kena caj. Dia buka radio sebelah sana dia kena caj, sekali dengar di dapur - 50 sen. Kalau tidak bayar 50 sen kena pukul.

Jadi, ini sepatutnya tidak berlaku dalam masyarakat Malaysia yang baik budi pekerti. Kita mesti mengecam tindakan segelintir kecil masyarakat

Malaysia yang menganiyai orang yang datang mencari nafkah. Mereka ditindas. Di negara mereka sendiri tidak dapat mencari nafkah, mereka datang ke sini untuk mencari nafkah dan mereka dianiayai. Alangkan kambing, kucing, lagi kita sayangi, inikan pula manusia, makhluk Allah S.W.T. yang sama macam kita.

Saya menyokong tindakan kerajaan untuk mengharamkan barang siapa sahaja didapati mendera, siapa mendera orang gaji - pembantu rumah dan orang yang kerja dengan kita, didera mereka, haramkan mereka ini daripada mendapat kemudahan yang sedemikian daripada pihak kerajaan lagi. Jangan dibiarkan, pedulikan mereka, tetapi kita tidak ada undang-undang. Kalau kita buat undang-undang, orang mengharamkan kita nanti

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau kita hendak haramkan perkara ini nanti orang kata ini *rule by law* lagi, bukan *rule of law*. Susah nanti, ini jadi masalah juga ini.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Yang Berhormat Bukit Mertajam

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak berhenti pun, dia suruh saya cakap panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Silakan.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, memang kita semua juga kasihan kepada pembantu-pembantu rumah yang kena dera. Tetapi apakah pendapat Yang Berhormat di sana penderaan terhadap isteri sendiri?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sama, Tuan Yang di-Pertua. Penderaan kepada orang gaji ini sama dengan orang mendera isteri. Begitulah juga orang perempuan mendera suami. [Ketawa]. Siapa sahaja mendera mesti dihukum. Dihukum dengan sekuatnya, kita tidak boleh. Yang Berhormat Menteri pun boleh memberi nasihat. Kita tidak boleh memberitahu dengan hakim, dengan mahkamah, minta supaya dihukum dengan sekuatnya mereka ini. Jangan beri peluang.

Kadang-kadang sistem di Malaysia ini kalau 10 tahun jel, sebetulnya kena 6 tahun sahaja dalam jel. Tidak ada yang sesuku itu. Jadi, saya berharap kita mesti - Jabatan Imigresen umpamanya, kalau orang itu didapati *blacklist*, tiap-tiap Jabatan Imigresen seluruh Malaysia diberi senarai nama orang yang mendera kerana orang ini cerdik, Tuan Yang di-Pertua. Yang tidak dapat orang kerja di Perlis, Johor ataupun di Kelantan, dia ambil daripada Sarawak, *they fly over this side*, boleh dapat juga.

Saya tahu ini secara nyata, bukan dongeng, cerita berlaku benar, dibawa ke sini jadi, kita tidak tahu juga. Dengan sendirinya kalau kita buat senarai, orang yang didapati salah di mahkamah, beri nama kepada Jabatan Imigresen masuk dalam komputer, senarai semua *checkpoint* dan *entry point* yang orang ini diharamkan mendapat bantuan pembantu rumah daripada mana-mana tempat kerana ini mendatangkan nama buruk kepada Malaysia. Kita tidak mahu orang Malaysia dituduh pendera pembantu rumah, pendera isteri, pendera anak dan pendera suami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Larut berdiri di sana.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sini *super sub* sahajalah kalau dalam bola sepak. Saya tertarik dengan sahabat saya daripada Yang Berhormat Batang Lupar, saya ingat elok juga ditukar nama sahajalah. Masalah penderaan ini sedikit sebanyak telah menjejaskan nama negara kita, sedangkan kepimpinan negara kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mendapat tempat di seluruh pelosok dunia dan kita tahu soal ini bukan soal ringan bahkan merupakan soal yang serius.

Kalau bolehlah, kalau sebelum ini kerajaan kita telah pun mengenakan hukuman, dengan izin, *mandatory* ke atas mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah, jadi, apa salahnya kalau ditimbangkan oleh Yang Berhormat setuju dengan saya kes seperti ini juga diwajibkan sebagai satu kes yang berat, mereka yang terlibat dengan penderaan ini juga dijatuhkan hukuman yang berat termasuk hukuman mati mandatori. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kadang-kadang kita mendadak juga. Saya dapat merasa perasaan Yang Berhormat bagi Larut tetapi kalau dia bunuh sampai mati kita cubalah undang-undang kita sendiri

sudah ada, kalau dia bunuh sampai mati kita bolehlah hukum dia gantung sampai mati juga. Tetapi persoalannya kalau kesalahan itu tidak sampai mati itu maknanya discretion mahkamah itu masih banyak untuk kadang-kadang bagi hukuman 6 bulan, tiga bulan sahaja. Ini tidak wajarlah kerana orang ini tidak berupaya untuk mempertahankan diri dia sendiri. Saya berharaplah kalau tidak ada undang-undang yang khusus untuk mengatasi masalah penderaan ini sepatutnya kita mengadakan undang-undang tertentu.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Kemaman berdiri.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya mengenai penderaan ini. Yang Berhormat tahu atau tidak bahawa berlaku juga penderaan di dalam penjara di Malaysia sekarang ini? Sekian.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenarnya Yang Berhormat, saya baca suratkhbar pun belum. Yang saya dapat tahu ini dari Yang Berhormat. Terima kasihlah kalau betul-betul ada masalah yang itu saya sarankan kepada Yang Berhormat pergi keluar lapor kepada polis, insya-Allah akan diselidikkan. Kita tidak akan membela siapa sahaja pegawai kerajaan termasuk polis, termasuk pegawai penjara orang yang diamanahkan menjaga masyarakat kita sama ada di luar atau di dalam penjara. Kalau dianiaya orang ini undang-undang ada mengawal sebagai pendulum. Jangan bimbang. Orang Malaysia tidak mengabaikan tanggungjawab ini. Kerajaan Malaysia kerajaan rasional. Yang Berhormat, kalau ada perkara ini berlaku sokonglah kita janganlah kata tidak baik. Kalau kita buat nanti Yang Berhormat kata jangan buat. Ini yang masalahnya.

Dato' Mohd Zain bin Omar: Saya juga hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat selain daripada dera biasakah dengar, saya gunakan perkataan menghina. Ada majikan yang tidak membenar pembantu rumah untuk sembahyang. Dia takut boleh jadi dia nampak macam hantu. Kalau ada saya mintalah Yang Berhormat tolong minta nasihat supaya perkara ini kena ambil serius tidak dibenar sembahyang, suruh mandi anjing, dan ada juga cerita yang ada bukti bahawa baca Quran pun tidak boleh, dilempar Quran, dipijak Quran. Kita kena cari jalan Yang Berhormat supaya perkara ini jangan

berlaku kita takut sudahlah kita berdepan dengan fitnah-memfitnah, caci-mencaci, kafir-mengkafir, kemudian timbul pula masalah ini sehingga kita boleh terjadi pula satu peristiwa yang agak kurang senang di masa akan datang. Orang yang menjadi tukang ambil pekerja ini dia tidak tahu hal agama yang sebenarnya. Jadi minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Ini cadangan yang elok. Sebenarnya saya dengan sekejap mata sahaja mendapat satu ilham dan bersyukur kita juga mungkin memang sudah ditakdirkan, Menteri kita ada di sini, yang menjaga undang-undang. Saya percaya tidak ada undang-undang yang khusus untuk mengatasi ataupun menangani masalah ini.

Saya tidak payah ulang semula apa Yang Berhormat sebut tadi, saya mencadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk dilihat mungkin dipinda Undang-undang Kanun Keseksaan (*Penal Code*) kita untuk mewujudkan satu atau dua seksyen untuk mengatasi masalah penganiayaan, bukan sahaja menggunakan secara fizikalnya tetapi juga menggunakan cara yang lain iaitu cara melarang mempraktikkan agama, melarang berpuasa, melarang bersembahyang dan menghinakan Quran dan sebagainya. Perkara ini patut kita selidik dan kita wujudkan undang-undang yang tertentu. Kalau kita hendak wujud satu rang undang-undang yang lain mungkin susah sikit tetapi *Penal Code* itu sudah mencukupi dan kita 'table'kan secepatkan mungkin dalam Dewan ini untuk diluluskan bagi menangani masalah yang wujud.

Kita buat promosi dalam surat khabar tolong keluarkan banyak-banyak soalan undang-undang ini yang kita cadangkan supaya masalah ini bukan sahaja dari segi sosial kita hendak tangani tetapi daripada segi undang-undang pun kita cuba hendak tangani supaya Malaysia menunjukkan kepada orang-orang yang teraniaya dan keluarga mereka, negara mereka yang kita peka dengan masalah mereka di negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat beri laluan. Ya, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya mohon penjelasan Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Masalah ini agaknya mudah diselesaikan kalau ada undang-undang yang dikhususkan bahawa orang Islam menggajikan orang Islam sahaja dan yang bukan Islam dilarang daripada mengambil pembantu rumah atau yang membuat kerja-kerja membantu ini daripada kalangan yang bukan Islam. Jadi Islam dengan Islam, yang bukan Islam dengan bukan Islam. Jadi selesai masalah. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, memang ini termasuk fakta yang sama, fakta satu mewujudkan undang-undang dan seksyen dua kita wujudkan yang bukan Islam tidak boleh bekerja dengan orang bukan Islam. Ianya dibuat macam itu oleh kerana sensitiviti agama, ini kadang-kadang ada orang yang bukan Islam faham.. Keluarga saya banyak yang bukan Islam daripada isteri saya. Dia menghormati orang Islam. Kadang-kadang ada orang Islam tidak menghormati sesama sendiri, kafir-mengafir sesama sendiri. Ada juga. Tetapi ini tidak. Jadi saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat saya pohonlah pihak kerajaan untuk menyelidik dan mewujudkan undang-undang ini.

Jadi secara cepat kita mesti menyelidik, pihak polis diminta menyelidik perkara ini berlaku. Kadang-kadang ada juga yang cerdik, dia tidak dipukul, dia pukul sendiri, dia lapor kepada polis yang majikan dia pukul. Kita kena lihat supaya jangan yang terkena laporan itu teraniaya oleh undang-undang kita sendiri. Oleh kerana laporan yang tidak tepat oleh pihak yang pandai-pandai membuat. Saya melihat sendiri perkara ini boleh berlaku di Sarawak. Jadi, saya serahkanlah, setakat itu sahaja cerita saya. Insya -Allah saya serahkan.

Tuan Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini sudah habis penutupan penderaan ini.

Tuan Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, saya mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dat o' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat daripada Tebrau. Bolehkah, sila.

Tuan Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya hendak tahu dari segi undang-undang ini. Menteri undang-undang pun ada. Ini masalah masa

hendak dibicarakan. Ini melibatkan warga asing saya tahu dari segi undang-undang mungkin dia ada tempoh ataupun tarikh perbicaraan ditetapkan kadang-kadang memakan masa yang lama, sama ada mereka ini nanti pulang ke negara dia ataupun macam mana, nanti apabila perbicaraan hendak diadakan akan mendatangkan masalah dalam perbicaraan. Jadi, boleh atau tidak dalam kes-kes yang tertentu seperti ini Yang Berhormat bersetuju atau tidak saya mencadangkan supaya disegerakan perbicaraan dalam kes yang melibatkan warga negara asing ini. Sekian.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Cadangan memang baik sekali. Ini orang Sarawak kata, bukan semua orang kata, two head is better than one. Saya katakan ini, Yang Berhormat katakan undang-undang tambah satu section lagi, hal keagamaan ditambah juga. Satu lagi prosedurnya. Ini sudah cukup kita sebut, undang-undang kita sebut prosedur pun kita sebut. Kita percepatkan. Setiap masalah perkara ini kita percepatkan perbicaraan dan penyelidikannya. Maknanya, polis mesti mengadakan satu *task force* tertentu untuk menyelidik kes begini supaya saluran-saluran kertas penyelidikan itu dipercepatkan, keputusan dipercepatkan supaya boleh dibawa ke mahkamah dan persoalan bila orang ini boleh dibawa ke mahkamah itu memang kadang-kadang proses perundangan ini lambat.

Jadi, saya dengan cepat, cerita pendek, perkara lain sebelum saya menutupkan perbahasan saya, minta maaf Yang Berhormat, jangan tanya lagilah ya. Tunggu budget nanti boleh tanya lagi.

Untuk mewujudkan masyarakat Melayu yang kukuh bermoral, berbudi dan bertanggungjawab. Untuk mewarisi negara ini kita tidak boleh berlengah untuk menangani segala masalah sosial yang saya sebutkan tadi. Masalah-masalah sebagai kelemahan moral dan sebagainya yang saya sebutkan tadi. Jadi saya juga ingin mencadangkan iaitu di setiap sekolah guru-guru bukan ustazah sahaja, bukan guru moral sahaja, tiap-tiap seorang guru dikehendaki meluangkan masa, tidak payah banyak cuma selama tiga minit tiap-tiap masa untuk menunjukkan, mengesyorkan soalan moral dalam masyarakat kita tentang adat istiadat negara kita, kebaikan dan sebagainya, menerangkan kepada murid-murid dihadapannya ciri-ciri yang baik, mulia sebagai garis panduan. Kementerian boleh membuat satu garis panduan untuk diterangkan setiap masa.

Yang kedua, perkahwinan mestilah didahului dengan ajaran-ajaran dan bimbingan keibu-bapaan 'parenting skill'. Apa yang ada sekarang ialah mempelajari ilmu sembahyang dan membaca beberapa ayat Al- Quran. Ini telah diterima sebagai 'ritual' tanpa ajaran agama untuk membolehkan perkahwinan dilaksanakan menjadi ibu bapa yang sempurna, perlu jua lebih dari itu. Khidmat nasihat dan kaunseling perlu dibuat selepas berkahwin. Perceraian selepas berkahwin selama dua tahun meningkat di Kuching sebagai *case study* umpamanya, mendaftar 1,444 perkahwinan pada tahun 1999 tetapi dalam masa yang sama ada pendaftaran di Mahkamah 320 orang bercerai dalam tahun 1999. Jadi maknanya 22% dari yang berkahwin akan bercerai. Semua perceraian ini berlaku dalam masa dua tahun selepas perkahwinan.

Jadi dengan keadaan sedemikian saya berharap bukan sahaja daripada segi latihan dan apa yang saya sebutkan tadi, tetapi kaunseling berterusan di antara orang yang baru berkahwin ini dibuat oleh kerajaan menerusi agensi-agensi di negeri-negeri yang tertentu untuk mengatasi masalah perceraian yang begitu banyak.

Jadi yang ketiga, penghabisan, anak-anak Melayu terlibat dalam aktiviti kesukarelawan. Masih banyak ibu bapa yang mengatakan tidak mahu menggalak anak-anak mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawan. Jikalau terlibat kerana pihak kementerian dan jabatan mewajibkan, tetapi dilarang terlibat dalam aktiviti umpamanya banyak lagi tidak payah disebut seperti Pandu Puteri, Pengakap, Puteri Islam dan sebagainya. Boleh mendaftar begitu sahaja tetapi bila terlibat dengan aktiviti dilarang, oleh kerana tidak ada pulangan kewangan. Maknanya masyarakat Melayu sudah melihat tiap-tiap pekerjaan ada pulangan kewangan.

Ini adalah menunjukkan trend yang kurang memuaskan. Tidak ada kesungguhan, tidak ada komitmen, dengan itu semangat kesukarelawan ataupun volunteerism tidak tertanam di jiwa anak-anak. Jikalau di Sarawak boleh menjadi petunjuk walaupun 70% bumiputera hanya 20% sahaja terlibat dalam badan kesukarelawan. Jadi saya berharap perkara ini boleh dilihat, mengapa banyak badan-badan yang dibuat oleh kerajaan tidak mendatangkan hasil dan kesan yang baik oleh kerana ibu bapa yang masih melarang anak-anaknya terlibat boleh melihat apa pulangan daripada aktiviti

yang dibuat walaupun diwajibkan oleh Kementerian Pendidikan, tetapi tidak mendatangkan kesan disanubari anak-anak tersebut.

Semasa belia anak-anak ini apabila besar, anak-anak ini nanti terus tidak terlibat dengan aktiviti, dia akan hilang, bekerja begitu sahaja. Sekiranya tidak bekerja, dia akan melepak di sana sini kerana dia tidak terlibat dengan apa-apa aktiviti di luar. Ini kerana ada terlibat secara pendaftaran, tetapi tidak dengan sepenuh hati. Mereka inilah yang akan menjadi pelepas, berjalan berpoya-poya di sana sini menjadi masalah yang ada kita lihat sekarang ini. Ini adalah satu masalah yang kita hadapi dan patut kita tangani dengan seberapa segera sebelum kita mencapai ke matlamat Wawasan 2020.

Dengan kata yang demikian, saya menanggukkan dahulu perbahasan saya pada petang ini dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seorang ahli: Assalammualaikum.... [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Yang Berhormat Sri Gading ya. [*Tepuk*]

4.05 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:

Assalammualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

Beberapa ahli: Waalaikummussalam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Membaca sepotong ayat Al Quran*]. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Pertama sekali saya mengucapkan syukur kehadiran Allah S.W.T. alhamdulillah saya dapat bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana titah ucapan tuanku, semasa membuka Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen ke-10 pada hari Isnin, 14 Februari 2000 yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana masih terus hidup di negara yang dicintai ini dalam suasana aman, tenteram, maju dan makmur dengan rakyatnya menikmati tahap dan kualiti kehidupan yang tinggi. Keberkesanan sesuatu kepimpinan adalah dicerminkan oleh tahap kualiti kehidupan penduduk atau rakyat sesebuah negara. Makmur miskinnya negara adalah ditentukan oleh kualiti kepimpinan

yang menerajui pemerintahan dan pengurusan negara tersebut. Begitu banyak negara membangun di dunia ini Malaysia adalah satu-satunya negara yang kelihatan terserlah begitu maju dan membangun dalam semua aspek kehidupan rakyat.

Pembangunan dan kemajuan, keamanan dan ketenteraman, kemewahan dan kemakmuran yang dinikmati oleh negara dan rakyat ini bukanlah sesuatu yang datang dengan sendirinya, bak kata pepatah orang tua-tua “Yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang”. Ianya sesuatu yang dirancang, sesuatu yang diusahakan secara bersungguh-sungguh dan dalam hubungan ini tentulah kerajaan Barisan Nasional yang rekodnya selama 42 tahun yang kini diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhak secara total untuk diberikan penghargaan dan terima kasih oleh seluruh rakyat, sama ada rakyat yang tahu berterima kasih dan menghargai jasa dan pengorbanan ini atau rakyat yang tidak tahu berterima kasih dan menghargai jasa ini kerana mereka juga menerima limpahan nikmat ini, malahan mereka kadang-kadang lebih merasa nikmat ini tetapi kerana mereka buta hati dan buta perut maka tertutuplah ciri kemuliaan yang sepatutnya menjadi suatu hiasan yang indah dalam keperibadian kemanusiaan untuk menghargai dan berterima kasih kepada sesiapa yang berjasa.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, jasa dan budi, kegigihan dan pengorbanan, keberanian dan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang luar biasa ini telah meletakkan beliau sebagai pemimpin dan negarawan yang telah menentukan arah dan tujuan yang jelas dan nyata dan berupaya pula untuk membawa kita ke suatu era yang tidak pernah kita mimpi-mimpikan dahulu. Beliau seorang pemimpin dan penggerak bangsa, pencipta dan pembina, ejen perubahan, pengurus yang berkesan, seorang perancang yang berwawasan. Sebagai pemimpin dan penggerak, beliau terus melangkah dan melangkah, beliau terus melangkah ke hadapan membawa rakyat dan negara untuk maju dan terus berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negarawan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi tokoh yang disegani oleh kawan dan lawan di pentas antarabangsa. Seorang tokoh yang dinanti-nantikan ucapan dan pidatonya, fikiran dan ideanya menjadi perbincangan di seluruh sudut dunia. Pandangan

dan kritikan beliau mencari keadilan dan kesamarataan masyarakat negara-negara di dunia menjadi suatu kejutan yang mempersonakan dan menjadi suatu pukulan yang hebat kepada rasa keegoan negara-negara yang selama ini membuli negara-negara kecil, lemah dan miskin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi sahabat dan tetamu yang sangat-sangat dihormati dan dibanggakan di kebanyakan negara-negara di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, itulah secara yang amat ringkas saya memperkatakan tentang jasa dan budi, secara amat ringkas, jasa dan budi, pengorbanan dan kegigihan pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada negara dan dunia antarabangsa. Suatu pengiktirafan. Bak kata orang tua-tua, satu pengiktirafan kita kepada orang yang berjasa, pengiktirafan yang diungkapkan oleh orang tua-tua, 'orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa'.

Namun rupa-rupanya tidak semua orang tahu orang berbudi kita berbahasa kerana mereka menggunakan ungkapan yang jauh berbeza, kita beri madu, racun balasannya. Kepada mereka budi tidak bererti, jasa tidak perlu dikenang, kebaikan tidak perlu dihargai. Kepada mereka tidak usahkan menghargai, berterima kasih pun jauh sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Luqmanul Hakim pernah berpesan kepada anaknya "*Wahai anakanda, jika kamu tidak boleh menjadi garam, janganlah pula kamu menjadi langau. Kalau kamu tidak boleh menjadi garam yang boleh menahan dari ikan menjadi lekas busuk, jangan pula kamu menjadi sebab untuk melekaskan ikan jadi busuk*"

Langau-langau inilah yang berterbangan ke sana sini baik dalam negara mahupun di luar negara membusukkan nama negara dan pemimpin negara supaya dikecam dan dikeji dan dicaci tanpa mengira sama ada perbuatan mereka membawa padah dan kerugian kepada rakyat dan negara asalkan kerja-kerja khianat dan keji mereka itu menguntungkan diri dan parti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kepentingan politik dan hendak memenangi pilihan raya, parti-parti pembangkang mengenenepikan nilai-nilai murni, mengenang budi, menghargai jasa, rakyat dikelirukan, fikiran mereka disempitkan, nilai rasional dinafikan, peradaban dijauhkan, harga diri

direndahkan dan keilmuan dipesongkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menjadi ketua kerajaan dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya. Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Yang Berhormat bagi Sri Gading, mengenai penggunaan etika semasa pilihan raya baru-baru ini, apakah yang diperbuat atau diperlakukan oleh Barisan Nasional mempergunakan media-media, televisyen dan sebagainya untuk memfitnah dan memburuk-burukkan Barisan Alternatif itu merupakan perbuatan-perbuatan mulia yang dibuat oleh Barisan Nasional. Sekian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sebenarnya kalau ikuti ucapan saya akhir nanti akan dapat jawapan. Saya harap Yang Berhormat tunggu.

Untuk kepentingan politik dan hendak memenangi pilihan raya, parti-parti pembangkang mengeneipkan nilai-nilai murni, mengenang budi, menghargai jasa, rakyat dikelirukan, fikiran mereka disempitkan, nilai rasional dinafikan, peradaban dijauhkan, harga diri direndahkan, keilmuan dipesongkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menjadi ketua kerajaan dan pemimpin nombor wahid Barisan Nasional, mereka usahakan bersungguh-sungguh untuk dijatuhkan. Mereka menanam rasa benci rakyat dan untuk menanamkan rasa benci rakyat mereka sengaja mendatangkan beberapa ungkapan yang amat keterlaluan, mereka cipta ungkapan-ungkapan dan ucapan agar rakyat termakan dan terpengaruh. Ungkapan yang amat keterlaluan antaranya 'firaun, mahafiraun, *to'qud*, maha zalim' dan sebagainya untuk menanamkan rasa benci rakyat kepada kepimpinan yang amat berjasa.

Sebelum pilihan raya yang lalu kita pernah mendengar dan ini yang dicanang-canakan untuk melemahkan kepimpinan Barisan Nasional. Mereka dengan bangga, takbur, sombong dan bongkak, mereka katakan Mahathir tidak berani bertanding di Kubang Pasu kerana Kubang Pasu sudah menjadi kubang PAS, 'wau'nya dibuang tinggal '*pa alif sim*' tidak '*pa alif sim wau*'. Mahathir akan lari bertanding di kawasan lain kerana Kubang Pasu sudah tidak selamat untuk Mahathir, pemimpin-pemimpin pembangkang akan tentang Mahathir sama ada yang menawarkan diri, ada di kalangan ulamak,

ada di kalangan ketua parti pembangkang. Mahathir sudah takut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi sayang seribu kali sayang, pelik bin ajaib, kita mengharapkan satu pertandingan yang amat menarik lagi sengit, antara gergasi dengan gergasi atau boss dengan boss, rupa-rupanya PAS menghantar pemain yang memang sudah diduga untuk kalah. Kasihan calon PAS tersebut, telah dijadikan kambing aqiqah oleh partinya.

Sepatutnya setelah sekian lama berkempen, sekian lama memburuk-burukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sekian lama menggelarkan dengan pelbagai gelaran tidak selayaknya, sekian lama menahan rasa benci dan meletakkan Perdana Menteri sebagai musuh nombor satu dan bercita-cita menumbangkan beliau, tentulah yang selayaknya bertanding di Kubang Pasu waktu itu ialah pemimpin nombor satu PAS atau pemimpin nombor satu Keadilan, rupa-rupanya kata tidak dikota kerana sebenarnya perjuangan mereka bukan perjuangan untuk menegakkan kebenaran, perjuangan mereka sebenarnya ialah menegakkan '*al-krus*' kerana orang yang menegakkan kebenaran tidak tahu erti takut, berani kerana benar, takut kerana salah. Keberanian sebenarnya ada di pihak Dr. Mahathir dan sebenarnya keberanian ini melambangkan kebenaran dan ketakutan ada di pihak parti pembangkang. Itu sebabnya parti pembangkang tidak berani, pemimpin parti pembangkang tidak berani melawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kubang Pasu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ada yang minta penjelasan. Beluran.

Tuan Ronald Kiandee: Yang Berhormat bagi Sri Gading saya ingin penjelasan sama ada Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa mengejek, mencaci, menghina orang merupakan satu perbuatan yang salah dari segi agama. Sekian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pertanyaan itu, saya rasa semua orang tidak akan menerima penghinaan dan mengkeji sesiapa. Tuan Yang di-Pertua, antara Titah Ucapan Tuanku yang sangat menarik perhatian saya dan sepatutnya menjadi renungan yang mendalam kepada kita semua ialah di para 28 – 29 muka surat 9 dan 10, saya ingin meminta izin untuk membacanya.

“Beta, kata Tuanku, menyeru seluruh rakyat Malaysia terutamanya yang beragama Islam supaya jangan berpecah belah dan sebaliknya kembali mengukuhkan perpaduan ummah. Dengan wujudnya rakyat yang bersatu padu, negara akan aman sejahtera dan pembangunan pesat dapat terus dilaksanakan. Beta ingin mengingatkan rakyat yang beragama Islam sekalian mengenai ayat Al-Quran yang bermaksud:

“Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantah; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati), sesungguhnya Allah berserta dengan orang-orang yang sabar.” (Ayat 46, Surath Al-Anfal)

Maka untuk mencapai tujuan perpaduan ini, Beta mengharapkan tidak ada di kalangan rakyat, terutama para cerdik pandai Islam yang sanggup memecahbelahkan ummah dengan melakukan penyalahgunaan ilmu, penyelewengan tafsiran ajaran agama, menyebarkan kebencian, menghasut, memfitnah, berbohong dan melakukan lain-lain perbuatan keji yang dilarang oleh Islam, semata-mata untuk faedah dan kepentingan peribadi dan kumpulan. Dan Beta juga berharap agar seluruh rakyat tidak terpengaruh dengan perbuatan-perbuatan yang hina dan keji itu.”

“Sejak akhir-akhir ini Beta mendapati ada kegiatan yang bercanggah dengan ajaran Islam oleh pihak-pihak tertentu, sehingga masyarakat umat Islam menjadi berpecah belah dan keharmonian hidup bernegara terganggu. Perbuatan menyebarkan fatwa-fatwa palsu yang bercanggah dengan hukum Islam dan menyalahgunakan masjid dan surau adalah perbuatan yang keji dan perlu dihentikan serta merta. Oleh itu,

Beta menyeru semua pihak supaya lebih bertanggungjawab bagi memastikan kemuliaan Islam dan kewibawaan umatnya sentiasa terpelihara. Kerajaan Beta akan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan bagi memastikan ajaran Islam dapat difahami dan dihayati sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam sendiri.”

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini Titah Ucapan, apa hendak penerangan. *[Ketawa]* Tunggulah lain, ucapan saya boleh minta penerangan, ini Titah Ucapan.*[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia tidak beri lagi, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasal saya membaca Titah Ucapan, apa hendak penerangan, ini Titah Ucapan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Saya hanya memberitahu dia berdiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian, mengambil iktibar dan juga mengambil nasihat, pandangan, gesaan, permintaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Oleh yang demikian, saya menyeru dan meminta dengan penuh keikhlasan atas nama bangsa Melayu dan umat Islam. Saya ulang sekali lagi, atas nama bangsa Melayu dan umat Islam di negara ini agar pemimpin-pemimpin PAS yang saya hormati seperti Yang di-Pertuanya Yang Berhormat bagi Pendang, seperti Yang Amat Berhormat Tok Guru Menteri Besar kita di Kelantan, seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu pilihan raya kali ke 10, kerana yang dulu Menteri Besar kali ke 9 – agar mengajak anak buah masing-masing memberhentikan ungkapan-ungkapan, agar mengajak anak buah masing-masing memberhentikan ungkapan-ungkapan, istilah-istilah dan fatwa-fatwa yang sangat bertentangan dengan ajaran agama Islam yang suci yang selama ini fatwa-fatwa itu mengeliru dan memperbodoh-bodohkan orang-orang Islam di negara ini.

Saya berharap demi perpaduan yang sangat terpenting agar tidak terpesong ialah akidah dan pegangan umat Islam negara ini.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Padang Terap berdiri.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Fatwa ini saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan, apabila kita sebut fatwa ialah keputusan yang dibuat oleh Mufti, oleh Jawatankuasa Fatwa, itu baru boleh dikatakan fatwa. Jadi, dalam PAS tidak ada jawatankuasa fatwa. Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Fatwa yang dikatakan itu betul fatwa. Fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti, fatwa yang dikeluarkan oleh jemaah Jawatankuasa Fatwa negara, itu fatwalah, tetapi orang PAS juga ada petua yang dia dikata fatwa.....

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Yang Berhormat sebutkan fatwa bukan petua.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, saya kadang-kadang slanga Arab, kadang-kadang slanga Jawa *[Ketawa]* jadi terpulanglah fatwa dan petua. Di hujung nanti saya akan jelaskan apa yang nampaknya Yang Berhormat hendak tanya, saya faham itu, mesti ada pertanyaan, tetapi sabarlah dulu. Fatwa-fatwa yang sangat bertentangan dengan ajaran agama Islam yang suci yang selama ini mengeliru dan memperbodoh-bodohkan orang Islam di negara ini. Demi perpaduan yang sangat-sangat penting dan supaya tidak terpesong akidah dan pegangan benar umat Islam di negara ini dari agama Islam yang suci murni, saya mengajak rakan-rakan kita di kalangan parti PAS, marilah kita bersaing, mari kita bersaing secara sihat, secara orang politik, jangan diperalatkan agama kerana PAS itu parti politik bukan agama Islam, sama macam UMNO, parti politik.

Agama Islam itu diturunkan oleh Allah s.w.t., PAS dan UMNO parti politik buatan manusia, masuk PAS bukan bererti masuk Islam, sama seperti kalau keluar PAS tidak keluar Islam. Masuk PAS sama seperti masuk UMNO, keluar PAS sama seperti keluar UMNO, tidak ada kena mengena dengan agama atau akidah. Rentikan, saya ulangi sekali lagi, rentikan menuduh orang UMNO kafir kerana orang UMNO itu orang Islam yang

mengucap dua kalimah syahadah, sama seperti orang PAS yang mengucap dua kalimah syahadah. Kalau UMNO berkawan dengan MCA jadi kafir, apa bezanya PAS kini berkawan dengan DAP. Rentikan ungkapan atau petua jika hendak sempurna Islam.

Tuan A. Bakar bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta penjelasan, ya sila-sila.

Tuan A. Bakar bin Haji Othman: Tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading menyebut bahawa ada di kalangan orang-orang PAS yang mengkafirkan orang UMNO. Bolehkah Yang Berhormat bagi Sri Gading sebutkan siapa orangnya. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di hujung ucapan saya akan sebut. Rentikan ungkapan atau petua atau fatwa 'Jika hendak sempurna Islam masuk PAS'. Ini fatwa mengarut, habis kalau masuk PAS jadi Islam, orang Indonesia yang tidak masuk PAS bagaimana. Kalau masuk PAS, jadi sempurna Islam, Imam besar di Masjidil Haram Makkatulmukarramah, Arab tu tidak PAS, bagaimana, begitu juga Imam besar masjid Nabawi Madinatulmunawarah tidak masuk PAS, apa kah tidak sempurna Islam. Ungkapan ini terang jelas karut yang tidak ada kaitan dengan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah hadis nabi, hadis ini perawinya ialah Bukhori dan Muslim, *Ahya Ulumuddin*, Imam AlGhazali, suatu ketika Rasulullah s.a.w berada di Masjid Nabawi, Madinatul Munawwarah dan dalam majlis ilmu Rasulullah, tiba-tiba datang seorang lelaki yang amat tampan, berpakaian serba putih, berjanggut putih, bermisai putih, tiada pakai hijaulah!, lalu datang masuk ke majlis Rasulullah, lalu lelaki tampan ini duduk di depan Rasulullah s.a.w, menemukan lututnya dengan lutut mulia Rasulullah s.a.w. Di depan majlis ini lelaki tersebut bertanya kepada Rasulullah "Ya Rasulullah, ya Nabiullah, ya Habibullah, apa itu Islam?"

Rasulullah s.a.w. bersabda "yang bertanya lebih tahu daripada yang ditanya". Lalu Rasulullah s.a.w. meneruskan sabdanya "Bahawa Islam itu ialah mengucap dua kalimah syahadah, sembahyang lima waktu, puasa di bulan Ramadan, zakat dan fitrah, Haji ke Baitullah", lima perkara. Lalu tetamu yang bertanya ini mengatakan, "Saddaq, Ya Rasulullah".. "Benar

kamu ya Rasulullah". Lalu tetamu ini bertanya lagi, "*Ya Nabiullah, apa itu iman?*" Rasulullah s.a.w. menjawab, "*Bahawa iman itu percaya kepada Allah, percaya kepada malaikat, percaya kepada nabi-nabi dan rasul, percaya kepada kitab-kitab, qada dan qadar, percaya hari kiamat*", enam perkara .

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Itulah mengikut ajaran Islam yang kita terima, Rukun Islam itu lima perkara, Rukun Iman itu enam perkara, tidak lebih satu, tidak kurang satu, tidak pula disebut oleh Rasulullah s.a.w. pada waktu itu bahawa pengundi PAS sempurna Islam, tidak ada dalam pengajaran yang disampaikan dan dijawab oleh Rasulullah s.a.w. Lalu lelaki ini meninggalkan majlis Rasulullah s.a.w.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada yang berdiri hendak beri laluan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jangan campur, belum habis lagi!

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nanti dahulu, saya tidak beri laluan, saya hendak selesaikan cerita ini dahulu, kalau tidak, ia tergantung. Lalu tetamu ini meninggalkan majlis Rasulullah dengan tanpa ada bekas, tidak ada baghal, tidak ada unta, tidak ada kuda. Lalu apabila tetamu ini jauh dan hilang daripada majlis ini Rasulullah s.a.w. bertanya, "*Wahai sahabat, siapakah tetamu ini?*" Lalu para sahabat mengatakan, "*Allah dan Rasul yang mengetahui*". Rasulullah s.a.w. bersabda, "*Bahawa tetamu yang datang ini ialah Saidina Jibril a.s*". Itu sebab hadis ini lebih digelar orang "Hadis Jibril". Sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang dalam Rukun Iman itu adalah satu ringkasan terhadap rukun-rukun agama. Beriman kepada kitab umpamanya, bermakna bahawa seseorang harus beriman dengan seluruh kandungan kitab dan kandungan kitab Al-Quran itu sendiri adalah satu komprehensif yang meliputi aspek dalam negara, hukum, undang-undang dan sebagainya.

Dalam konteks kita beriman kepada kitab dengan sendirinya kita mesti menerima konsepsi Islam dalam bidang kenegaraan dan pemerintahan. Adakah Yang Berhormat tidak boleh melihat perkaitan di antara perkara tersebut dengan apa yang telah diringkaskan oleh Rasulullah s.a.w.. itu? Dengan sendirinya tidak perlu disebut bahawa para pengundi PAS kerana bukan PAS itu yang mustahak tetapi apa yang diperjuangkan oleh PAS, apa yang di'*subscribe*'kan oleh PAS.

Jadi, kalau saudara Yang Berhormat hendak bacakan hadis ini bacakan sahaja, tidak payah beri satu konotasi yang kontroversi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya membawa hadis ini kerana hendak menjelaskan bahawa tidaklah masuk PAS itu menjadikan seseorang itu jadi sempurna Islam kerana inilah perkara yang dicanang-cancang dan menakut-nakutkan orang untuk orang PAS merayu supaya mereka dan orang-orang yang tidak faham tentang agama boleh terperangkap atau terpengaruh. Nabi

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Biar saya selesaikan dahulu. Nabi telah menyempurnakan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila duduk sekejap. Saya ingin memaklumkan satu dua perkara kerana Kerusi ini menerima senarai 40 orang ahli yang ingin berucap.

Jadi, saya ingin memohon jasa baik Yang Berhormat bagi Sri Gading pendekkan ucapan supaya lebih ramai Ahli Yang Berhormat boleh berucap dan kerana pada hari Selasa pihak kerajaan akan menjawab. Jadi, Yang Berhormat sila sambung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap [*Disampuk*] - Nabi

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:DAP mana tahu hadis ini. Tidak payahlah, jangan, tadi Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, Ahli bagi kawasan Cheras

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beri laluanakah?

Tuan Kerk Kim Hock: tidak, tidak, bukan, saya hendak komen apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua. [*Disampuk*] [*Sorak*] Nanti sekejap, nanti sekejap, dengar dahulu, nanti. Kelmarin Yang Berhormat bagi Cheras ada meminta supaya tempoh perbahasan dipanjangkan dan Tuan Yang di-Pertua ada kata bahawa ini adalah hak *leader of the House* dan saya hendak tahu sama ada permintaan daripada kita ini telah disampaikan kepada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan muktamad sudah dibuat, jadi sekarang saya minta Sri Gading

Tuan Kerk Kim Hock:siapa yang buat keputusan itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan ucapan.

Tuan Kerk Kim Hock: Bukan, bukan, saya tanya sama ada permintaan daripada kita ini telah disampaikan kepada Perdana Menteri

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Kerk Kim Hock:seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat bagi Cheras.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk Backbenchers berucap, tinggal satu hari sahaja, hari Isnin.

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi, tidak ada perubahanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada.

Tuan Kerk Kim Hock: Itu janji yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, Yang Berhormat

Tuan Kerk Kim Hock: tidak sampaikan pesanan dari sini. Jadi, tidak disampaikanlah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila sambung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Nabi s.a.w.. telah pun menyempurnakan risalah Islam yang diturunkan

oleh Allah yang wahyuNya dibawa oleh Saidina Jibril a.s. dengan penuh amanah, dengan sifat-sifat kenabian yang wajib atas nabi. Siddiq, Amanah, Tabliq, Fatanah – PAS jangan mengkhianati nabi dengan ajaran-ajaran yang tidak bertanggungjawab kerana Islam telah pun sempurna

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Minta laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: menuduh orang UMNO tidak beriman, satu fitnah yang sangat berat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Peraturan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Peraturan 36(6).
[Disampuk] “Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain”. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading adalah suatu sangkaan jahat. *[Disampuk]* Ingin saya sebut di sini inilah penyakit kronik yang ada dalam UMNO sekarang ini apabila dalam pilihan raya yang lepas PAS jelas lebih daripada 60% orang-orang Melayu seluruh Malaysia menolak UMNO dan Barisan Nasional

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mana Yang Berhormat tahu 60%? Di kawasan saya 70% undi UMNO

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: dan menolak khurafat bahawa UMNO sahajalah yang

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:itu juga satu sangkaan buruk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebelum Kerusi membuat keputusan, sila duduk. Jadi, Yang Berhormat bagi Sri Gading, *[Disampuk]* sekarang saya ingin mencadangkan supaya tajuk ini adalah lebih sesuai untuk berucap pada lain kali.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Merujuk sebagaimana ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya tidak lari daripada teks Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku*[Disampuk]*

Seorang Ahli: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, teruskan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Minta laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, okay bagi sayalah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan untuk menjimatkan masa.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Orang PAS hari ini tidak faham.
[Disampuk]

Beberapa Ahli: Tadi salah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Orang PAS apa susah sangat, dia berceramah mana-mana depan pengundi dia semua mengganggu, depan kita ini kita tidak boleh angguk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya ingat ini tidak timbul.....

Tuan Husam bin Haji Musa: [Mengangkat tanda nama di atas meja kerana bukan beliau yang bangun dan bercakap]

Seorang Ahli: Duduk, duduk, tidak usah beri lagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:menuduh orang UMNO tidak beriman satu fitnah yang sangat berat.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya minta laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:saya minta maaf, saya hendak menjelaskan bagaimana ungkapan-ungkapan, istilah-istilah, fatwa-fatwa yang selama ini bertahun-tahun yang disebarkan oleh pemimpin-pemimpin PAS yang telah merosakkan akidah dan pegangan orang-orang Melayu dan Islam. [Tepuk] Saya cuba hendak menerangkan ini yang cuba

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Hadis salah, hadis yang disebut itu salah.....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Point of order,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:untuk minta orang-orang PAS supaya marilah kita

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: saya hendak membetulkan hadis yang disebutkan itu salah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:sekali lagi hendak pergi kepada *Point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, keluarkan *Point of order*.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Duduk dulu, Point of order 36(6), sila duduk dulu, terima kasih.

Saya hendak sebutkan sekali lagi, “*Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain*”. Apa yang dijelaskan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak sebut siapa-siapa.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:kepada PAS, walaupun kepada PAS tetapi kami semua daripada PAS di sini. Ini suatu yang jelas.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu,[*Disampuk*]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:cukuplah, cukuplah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun dan menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat*]. Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, 36(6) kepada seorang ahli, secara umum dia kata PAS. Semalam pemimpin

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan, Yang Berhormat bagi Parit Sulong,

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:pembangkang mengatakan UMNO tidak relevan, tidak sangka baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:sila duduk. Saya sudah buat keputusan tida kena pada tempatnya. Jadi, Sri Gading teruskan ucapan. [*Disampuk*]

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua,

Seorang Ahli: Telinga pedih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya harap orang PAS dapat bersabar apa sebenarnya tujuan saya mendedahkan ini supaya hilanglah kekeliruan di kalangan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:saya tidak berilah, beri saya terangkan [*Disampuk*]berilah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:janganlah anda fikir Islam anda punya, anda pun Islam dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak beri laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:bukan anda sahaja berhak bercakap tentang Islam.....

Seorang Ahli: [*Mengetuk pembesar suara*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:inilah salah satu penyakit orang PAS, dia fikir dia sahaja yang berhak monopoli Islam. Orang UMNO juga berhak bercakap tentang Islam kerana agamanya

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Hadis yang dibaca tidak betul. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Beri laluan kepada Pasir Mas sekejap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak beri laluan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Hendak membetulkan hadis sebab[*Disampuk*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak payah betul, hadis ini sahih Bohari dan Muslim

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tetapi awak baca tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lebih kurang maksudnya sama kalau anda baca pun macam itu juga. Saya akan kata tidak betul, adalah satu dua perkataan tetapi [*Disampuk*] matlamatnya bertujuan – maknanya saya hendak menerangkan bahawa Islam itu lima perkara. Iman itu enam perkara, habis apa masalahnya? Apa orang PAS tujuh perkara. [*Ketawa*] Tidak ada apa masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas, Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah beritahu dia tidak akan memberikan laluan. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading sudah beritahu, dia tidak akan memberikan laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh fatwa PAS, mengundi PAS masuk syurga, subhanallah, astaghfirullahalazim, masyaallah, oh kalau mengundi PAS masuk syurga, oh macam itu tutuplah masjid, tak payah puasalah, undi sahaja PAS masuk syur ga, inilah

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Jangan beri keluar fatwa yang sedemikian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta maaf, orang yang pandai-pandai macam Ahli Yang Berhormat ini memang tidak akan terkeliru tetapi orang-orang kampung, orang-orang awam yang biasa, dia tidak nampak kerana jahil ataupun kurang pendidikan agama, nanti kalau ungkapan-ungkapan ini tidak ditangkis ataupun tidak diterangkan secara yang benar, mereka boleh keliru dan ini boleh merosakkan akidah. Ini yang saya katakan tadi, mintalah kita sama-sama menjaga perpaduan umat Islam, umat Melayu dan juga menjaga akidah, dihujung cerita saya ini.

Jadi, mengatakan mengundi PAS masuk syurga, satu fatwa yang memusingkan akidah dan boleh merosakkan orang-orang Islam. Itu sebabnya, ini orang-orang PAS kadang-kadang lebih kerana kepentingan politik, kadang-kadang kebenaran agama tidak nampak kepada mereka. Bersalam dengan orang UMNO haram kerana UMNO itu kafir, tetapi yang saya hairan orang PAS bersalam pula dengan orang DAP, tidak ada apa masalah, berpeluk pula pun ada juga dahulu - dengan Benggali tu -entah apa bau agaknya, boleh pula. Kalau jatuh semasa pasang bendera PAS mati syahid, ini di kawasan saya. Jatuh jangan takut, gantung tinggi-tinggi bendera, kalau kamu jatuh mati syahid, kalau betul jatuh kerana gantung atau pasang bendera PAS mati syahid, baik pemimpin PAS sahaja yang gantung supaya jatuh mati syahid, apa soalnya. *[Tepuk]*

Di kawasan saya

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, beri laluan atau tidak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dengarlah dengan sabar. Minta maaf. Di kawasan saya

Tuan Mohamad bin Sabu: Ceramah macam ini di Felda lakulah, kalau di Kuala Lumpur ceramah macam ini hilang deposit, di Felda bolehlah. Saya cabar Yang Berhormat kita buat forum di luar di mana-mana tempat di Wilayah Persekutuan, tuan berhujah macam itu, saya hujah ini ceramah Felda lakulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Kedah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hai, orang PAS yang ceramah di Felda.

Tuan Mohamad bin Sabu: Cuba kita datang Kuala Lumpur depan orang tua-tua bercakap macam ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah...

Tuan Mohamad bin Sabu: Ingat dahulu Yan, Kedah dahulu bercakap merapu macam ini, sekarang hilang, Pendang hilang, bercakap merapu macam ini. Sekarang Sri Gading pula datang merapu macam ini seorang lagi, Allah. Selamat tinggallah tak lama lagi, insya -Allah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hoi, jangan cakap takbur. Yang Berhormat jangan takbur, kalau sanggup pilihan raya yang akan datang sila datang ke kawasan sayalah, biar saya lipat-lipat jadi kecil, jangan main-main. [*Tepuk*] Oh, no, silalah datang ke Sri Gading, hendak tengok pilihan raya yang akan datang, datanglah ke Sri Gading.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dahulu Yan cabar macam itulah. Orang kecil sahaja yang hilang, sekarang Sri Gading ganti Yan, tak ada intelektual langsung. Kalau begini bercakap di Wilayah Persekutuan - habis.

Seorang Ahli: Duduk, duduk.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, apa fasal dua orang sekali bercakap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak menceritakan supaya benda-benda ini jangan berlaku dalam masyarakat kita, seperti di kawasan saya, orang PAS kalau jumpa orang

UMNO diwaktu pagi sebut Selamat Pagi, jumpa petang Selamat Petang, fasal dia fikir kita tidak Islam tetapi kalau orang PAS berjumpa sesama dia, 'Assalamualaikum'. Kenapa berlaku demikian? Inilah yang saya hendak jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pendekkanlah, payah sangat orang PAS, cukup sakit mereka mendengar ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kalau ceramah begini, kita bincang di luar.

Beberapa Ahli: Duduk, duduklah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okaylah. Tuan Yang di-Pertua, kalau benar-benar PAS memperjuangkan Islam, marilah, ini saya mengajak ini, kalau benar-benar PAS memperjuangkan Islam, marilah, ini saya mengajak – marilah kita memperbetulkan akidah umat Islam daripada rosak kerana ini suatu kewajipan yang patut kita pikul dengan penuh tanggungjawab.

Saya menyeru PAS agar marilah kita mencari kuasa, saya tak marah dia berkuasa, marilah kita mencari kuasa dengan kaedah politik dan menyusun rancangan-rancangan yang berfaedah kepada rakyat seperti menjanjikan program-program pembangunan dan kemajuan, keamanan dan kemakmuran kepada rakyat terpujanglah kepada rakyat supaya membuat pilihan sama ada parti mana yang benar-benar mereka yakin boleh memberikan kebahagiaan kepada mereka, ini kita bersaing secara sihat. Kalau rakyat percaya bahawa parti PAS lebih baik daripada UMNO, minta maaf, dengarlah baik-baik, kalau rakyat percaya bahawa parti PAS lebih baik daripada UMNO kerana menghapuskan tol di jambatan Terengganu, kita terima keputusan rakyat yang memilih PAS kerana tol di Terengganu, cuma saya ingin mengingatkan rakyat Terengganu bahawa kerajaan UMNOlah yang lebih baik daripada PAS kerana PAS meniru UMNO sebab kerajaan UMNO lebih dahulu menghapuskan tol kira-kira 30 tahun yang lalu di dua jambatan, tol di Sungai Batu Pahat dan tol di Sungai Muar – dua. PAS baru satu. Maknanya kalau untuk perbezaan UMNO lebih baik kerana menghapuskan dua tol. *[Tepuk]* Ini tidak hendak beritahu orang Terengganu.

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau rakyat pilih PAS kerana cuti bersalin 90 hari, kalau itu pilihan rakyat yang ada di Terengganu kita terima kerana kerajaan hari ini memang Kerajaan BN memberi cuti 60 hari, cuma saya hendak mengingatkan rakyat Terengganu bahawa Kerajaan BN itu sederhana tindakannya, kerana dalam Islam, Nabi berpesan bahawa sebaik-baik pekerjaan adalah sederhana kerana mengikut budaya dan adab orang Melayu, berpantang bersalin atau hari pantang untuk orang-orang Melayu ialah selama 44 hari.

Jadi, 60 hari itu sudah cukup memadai. 60 hari ibu dan anak bermesra dan anak menyusu. Jika lebih sangat cuti ini sampai 90 hari yang kita takut bapa pula menyusu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, cukuplah saya dengan PAS. Saya banyak hendak bercakap sebenarnya, saya potonglah kerana menghormati kehendak Ahli Yang Berhormat untuk memberikan peluang kepada rakan-rakan yang lain untuk berucap.

Saya beralih kepada Kementerian Pendidikan. Saya hendak bercakap ringkas-ringkas sahaja. Kementerian Pendidikan adalah suatu kementerian yang sangat penting, di sinilah terletaknya tanggungjawab kita

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, Kota Melaka bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dua minit sahaja lagi.

Tuan Kerk Kim Hock: Okay.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kementerian Pendidikan adalah suatu kementerian yang sangat penting, di sinilah terletaknya tanggungjawab kita untuk masa depan anak-anak kita yang menentukan pada adatnya ke mana dan bagaimana masa depan rakyat dan negara. Maka kementerian ini mestilah diurus dengan penuh profesional, berdaya saing, berwawasan, penuh wibawa, memenuhi kehendak semasa, lengkap segala-galanya, cukup segala-galanya baik manusia, mahupun benda, mahupun peralatan dan kewangan.

Saya berharap kerajaan tidak teragak-agak melabur di kementerian ini, pihak menteri dan kementerian harus selalu jitu dan tentu, amanah dan jujur, harus ada keberanian yang luar biasa, memburu pembangunan dan kemajuan,

selalu setapak di hadapan orang lain, tidak kaku dan beku, selalu memandang ke bawah dengan penuh keinsafan, piagam pelanggan, cita-cita besar Dasar Pendidikan Negara dan sebagainya mesti menjadi pegangan dan amalan.

Oleh sebab luas dan besar serta berat tanggungjawab kementerian ini, saya mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan untuk memecahkan kementerian ini kepada dua kementerian, satu, bolehlah dinamakan Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan khusus sekolah-sekolah rendah dan menengah dan yang satu lagi dinamakan Kementerian Pengajian Tinggi yang khusus untuk perkara-perkara yang berkaitan IPTS dan IPTA atau universiti.

Ini last. Selain itu perkara yang ada kaitan dengan Kementerian Pendidikan, saya harap ada keberanian untuk mewajibkan pendidikan jawi. Permintaan mewajibkan tulisan jawi di sekolah-sekolah telah lama dilaung-laungkan oleh orang-orang Melayu dan sejak akhir-akhir ini suara-suara ini lebih nyaring dan menyeluruh di negara ini. Laksanakanlah wahai Kementerian Pendidikan! Kita sudah tidak mahu mendengar alasan-alasan kerana alasan-alasan mudah untuk dicari. Alasan-alasan yang diberi untuk meremeh dan meminggirkan jawi bermakna cuba menghapuskan satu warisan bangsa yang sangat berharga. Warisan bangsa harus berani diperjuangkan oleh bangsa kerana peradaban dan martabat serta maruah bangsa terangkum dalam warisan yang baik-baik untuk bangsa.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, Pasir Mas bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak terus sedikit sahaja ini. Kota Melaka henda k bercakap ini. Jadi, jawi kepunyaan bangsa Melayu adalah satu-satunya tulisan yang hampir seratus peratus bersamaan dengan tulisan Al-Quran, bukan Urdu, bukan Turki, bukan Iran. Kita harap perkara ini diberikan perhatian dan tindakan segera. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana bernasib baik *Utusan Melayu* terus gigih memperjuangkan dan memertabatkan jawi, walaupun saya....

Tuan Kerk Kim Hock: Saya mahu minta jalan, minta jalan. Saya bukan mahu berucap, minta jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit lagi. Walaupun saya dengar khabar mereka mengalami kerugian dari segi ringgit dan sen namun kerana cinta dan kasih kepada pusaka bangsa, mereka terus bertahan. Saya mencadangkan agar kerajaan membantu *Utusan Melayu* dengan cara mewajibkan semua jabatan kerajaan, sekolah, agensi kerajaan yang lain melanggan secara tetap dan berterusan *Utusan Melayu* di pejabat-pejabat mereka agar dengan itu *Utusan Melayu* yang telah lama berbudi kepada bangsa Melayu ini bolehlah terus mempertahankan dan memertabatkan jawi di samping menanam rasa cinta kepada jawi di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan dan orang ramai Pertahankanlah jawi, kerana kalau bukan kita siapa lagi....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan lumba kuda, kita sebelah sini. [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau bukan kita mempertahankan jawi siapa lagi. Terima kasih, saya mohon menyokong. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekalian Yang Berhormat, bagi membolehkan supaya lebih ramai Ahli Yang Berhormat berpeluang berucap terpaksa saya mengehadkan masa bagi Ahli-ahli Yang Berhormat berucap.

Seorang Ahli: Betul, betul. 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 20 minit untuk setiap ahli berucap. Kapar, sila.

4.52 ptg.

Puan P. Komala Devi [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya bagi kali pertama bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Ini merupakan my maiden speech, dengan izin, untuk menyokong usul dan membahas Titah Ucapan Diraja semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesepuluh yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tambun.

Ucapan Tuanku wajar disokong sebab ianya merupakan satu ucapan yang sangat menepati pada masa ini. Ia komprehensif dan merangkumi

pelbagai isu yang penting dan relevan, bukan sahaja kepada pemimpin-pemimpin negara tetapi juga kepada setiap rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dititahkan dalam Ucapan Diraja kita mesti merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kerajaan kerana berani mengambil langkah-langkah yang begitu tegas bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi negara. Kuasa-kuasa asing telah meramalkan pemulihan ekonomi negara kita tidak akan berlaku ataupun bukan dengan begitu cepatnya dan kesannya akan dirasai untuk tempoh yang agak lama tetapi langkah yang telah diambil dapat menggalakkan kestabilan pasaran melalui menstabilkan nilai ringgit, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan dan seterusnya memperkukuhkan asas ekonomi. Pada waktu yang sama keputusan kerajaan untuk meneruskan agenda sosio-ekonomi patut dibanggakan oleh setiap rakyat Malaysia. Seperti dititahkan, krisis ekonomi tidak begitu menjejaskan kualiti hidup warga Malaysia, malah indeks kualiti hidup Malaysia secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan, Titah Ucapan Diraja telah menyatakan bahawa kerajaan akan memastikan agenda sosial terutamanya usaha untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat akan terus dilaksanakan supaya lebih ramai rakyat dapat turut serta dalam arus pembangunan ekonomi. Memang tidak boleh dinafikan bahawa kadar kemiskinan telah berkurangan dan pendapatan per kapita kian bertambah baik. Langkah-langkah kerajaan bagi pembasmian kemiskinan patutlah dipuji, namun masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan kebajikan dan hak-hak golongan yang berpendapatan rendah. Kerajaan harus melibatkandakan usaha membasmi kemiskinan.

Dalam konteks ini adakah kerajaan sedar bahawa kedudukan sebenar kaum India terutamanya di luar bandar di kawasan-kawasan setinggan dan rumah panjang di bandar masih dibelenggu kemiskinan kerana tidak adanya program-program kerajaan spesifik untuk golongan masyarakat ini, maka satu budaya kemiskinan, dengan izin, *culture of poverty* telah melarut dalam diri dalam mereka. Lebih-lebih lagi kemiskinan telah mengakibatkan ketidaklancaran sosial ataupun, dengan izin, sosial *disorder* dan ini mengakibatkan mereka terdedah kepada masalah sosial dan jenayah dan mengeruhkan lagi keadaan yang wujud pada masa ini. Sekiranya kerajaan

serius dan mahu menangani masalah ini program-program spesifik mesti digubal dan dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kesedaran dan kepentingan penyusunan semula masyarakat oleh kerajaan demi pembangunan ekonomi yang saksama dan adil patutlah diberi penghargaan yang tinggi. Namun kejayaan dasar penyusunan semula masyarakat untuk kaum India kurang memuaskan. Walaupun kita telah mencapai kemerdekaan selama 42 tahun lalu, hingga sekarang kedudukan pemegangan ekuiti atau hak milik korporat oleh kaum India kurang memuaskan iaitu hingga kini tidak melebihi 1.5 peratus. Ini memang membuktikan kedudukan sebenar mereka yang jauh berbeza dengan pencapaian kaum lain. Angka-angka pendapatan purata isi rumah kaum India yang menunjukkan peningkatan pendapatan di kalangan isi rumah kaum India tidak sejajar dengan pencapaian ekonomi sebenar mereka. Kaum India masih ketinggalan dalam pemilikan dan pengurusan sektor pembuatan, keusahawanan, sebahagian daripada sektor borong dan runcit dan dalam bidang-bidang ikhtisas tertentu seperti juruukur, akauntan dan sebagainya.

Kerajaan perlu memberi penekanan kepada menolong kaum India melalui pembangunan pendidikan, kebolehan kemahiran, modal pelaburan, kemudahan kredit, akses kepada pasaran dan perkembangan kepada ciri-ciri keusahawanan yang baik. Adalah dicadangkan supaya kerajaan mewujudkan satu agensi amanah dan skim penyertaan saham dengan bantuan modal dari kerajaan untuk membantu kaum India memiliki ekuiti dalam sektor korporat.

Di samping itu, Kementerian Pembangunan Usahawan perlu mengatur strategi-strategi dan program-program khas bagi mempertingkatkan kedudukan kaum India dalam bidang keusahawanan, misalnya memberi peluang kepada yang berminat dari kaum India untuk menyertai kursus-kursus latihan dan sebagainya dan disusuli dengan proses pemantauan. Adalah diharapkan supaya kerajaan akan mempertingkatkan keazaman untuk memperbetulkan kelemahan yang wujud di kalangan kaum India dari segi kedudukan ekonomi mahupun mutu pendidikan dan di sini saya bermaksud sekolah-sekolah Tamil.

Titah Ucapan Diraja adalah menyatakan bahawa kerajaan akan terus meningkatkan usaha ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Memang ini adalah satu rancangan yang

baik. Kita patutlah berterima kasih kepada kerajaan yang menjunjung wawasan pendidikan sebagai wawasan pembangunan tetapi walaupun pembangunan pendidikan dalam tempoh tiga dekad yang lepas adalah mengagumkan, namun masih terdapat kawasan dan kumpulan sosial yang tidak dapat menikmati manfaat sepenuhnya dari perkembangan ini. Mutu pendidikan khususnya di kawasan luar bandar termasuk estet-estet, sekolah-sekolah Orang Asli dan kawasan-kawasan mundur di Sabah dan Sarawak perlu dipertingkatkan.

Baru-baru ini telah keluar dalam *The New Straits Times* bahawa sekolah Orang Asli di Pulau Indah, Sekolah Kebangsaan Sungai Judah ada lengkap dengan kipas, lampu dan komputer tetapi tidak ada bekalan elektrik. Sekolah-sekolah rendah di estet-estet khususnya sekolah-sekolah bantuan modal sampai sekarang terus mengalami masalah kerana mutu pendidikan di sekolah-sekolah ini tidak setaraf dengan sekolah-sekolah di bandar. Kemudahan-kemudahan fizikal di sekolah-sekolah ini tidak kondusif langsung untuk pengajaran dan pendidikan. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dapat peluang untuk melawat sekolah-sekolah tersebut. Apakah Ahli-ahli Yang Berhormat sanggup untuk menghantar anak-anak Ahli-ahli Yang Berhormat belajar dalam satu suasana (*environment*) yang begitu tidak mendorong untuk belajar.

Bantuan modal yang tidak mencukupi dan perolehan sumber yang melarat di sekolah-sekolah ini mengakibatkan satu persekitaran persekolahan yang kurang lengkap dan kurang *conducive*. Kemudahan asas termasuk kelas-kelas, bangunan sekolah, peralatan pengajaran termasuk komputer dan kemudahan rekreasi di sekolah-sekolah seperti ini perlu dipertingkatkan. Dalam konteks ini....

Tuan Mohamad bin Sabu: Soalan tambahan...penjelasan...[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kapar.

Puan P. Komala Devi: Minta maaf, saya ini kurang masa, so saya hendak habiskan ..

Tuan Mohamad bin Sabu: Baik punya soalan, bukan marah, baik punya.

Puan P. Komala Devi: Minta maaf, tidak bagi laluan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kawan baru takkan tidak boleh.
[Ketawa]

Puan P. Komala Devi: Orang baru...

Tuan Mohamad bin Sabu: Begitu punya projek Kerajaan Barisan Nasional buat, hendak duduk di dalam Barisan Nasional lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, Yang Berhormat Kapar tidak bagi jalan.

Puan P. Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, teruskan.

Puan P. Komala Devi: Dalam konteks ini, status tanah yang menjadi duri dalam daging bagi pembangunan SRJK (Tamil) di kawasan perladangan perlulah diberi tumpuan oleh Kementerian Pendidikan. Adalah dicadangkan untuk estet-estet yang luas bahawa kerajaan mengambil alih hak milik tanah dengan izin, *assumed ownership of the land* di mana terletak sekolah-sekolah Tamil supaya sekolah-sekolah ini dapat *convert* kan kepada sekolah bantuan penuh. Memandangkan banyak daripada ladang ini saiznya besar beratus-ratus hektar. Apa kata dua atau tiga ekar diberi kepada kerajaan untuk menjamin masa depan anak-anak mereka yang telah berkorban banyak untuk pemilik-pemilik ladang dan negara.

Pihak majikan perladangan perlulah lebih ikhlas dalam memastikan sekolah-sekolah ini mencapai mutu yang boleh dikatakan dengan izin, *acceptable*. Mutu pendidikan yang rendah telah mengakibatkan pencapaian yang rendah, *self-esteem* yang rendah dan keciciran yang tinggi. Perkara ini mempunyai implikasi yang mendalam sehinggakan ia menjadi sumber masalah sosial. Taraf pendidikan di sekolah-sekolah sektor perladangan serta di luar bandar harus dipertingkatkan supaya penuntut-penuntut di sekolah-sekolah ini pada masa yang akan datang dapat menyumbangkan secara berkesan kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja telah menyatakan bahawa teknologi maklumat telah dikenal pasti sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu usaha membudayakan IT akan dilaksanakan dengan mewajib dan menggalakkan pelajar mempelajari IT dan sebagainya.

Di sini saya ingin menyentuh konsep *smart school* ataupun sekolah bestari. Implimentasi konsep ini haruslah diperluaskan ke semua sekolah

vernacular dan sekolah-sekolah luar bandar supaya semua penuntut di negara ini dapat menikmati taraf dan sumber-sumber pendidikan yang sama. Ini adalah untuk mengelakkan pada suatu masa nanti kita tidak ada dua jenis masyarakat iaitu satu, *knowledge base*, dengan izin, berasaskan pengetahuan dan satu yang tidak *knowledge base*, yang tidak berasaskan pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh hal *civic consciousness*. Masih berbincang mengenai pendidikan, saya ingin menyentuh perkara *civic education* ataupun pendidikan sivik di kalangan generasi muda ataupun golongan belia. Mengikut Titah Ucapan Diraja, kerajaan akan memberi penekanan dalam usaha penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan sikap positif dan kreatif di kalangan belia. Adalah penting golongan belia memahami perjuangan bangsa supaya mereka mempunyai perasaan bersyukur dan berterima kasih di samping melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai warganegara yang cintakan negaranya. Ini diambil dari Titah Ucapan, jadi saya ulangkan sekali iaitu supaya mereka melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, didapati dikebanyakan negara sistem pendidikan biasanya memberi lebih keutamaan kepada pembangunan intelektual atau *intellectual development* dan kurang kepada *personal development* ataupun pembangunan akhlak, *building of character*. Untuk mengadakan satu demokrasi yang efektif, semua rakyat perlu memahami bahawa kita perlu mengimbangkan hak-hak sivik dengan tanggungjawab. Mengikut kajian-kajian di Amerika Syarikat, biasanya golongan belia sedar tentang hak-hak dan kebebasan individu tetapi jarang sedar tentang tanggungjawab mereka untuk seseorang walaupun dewasa atau belia menjadi seorang rakyat yang baik, *a good citizen*, dengan izin, adalah penting ianya sedar tentang tanggungjawab beliau. Ini adalah dirujuk sebagai *the art of good citizenship*. Kekurangan perasaan sivik, *a lack of civic consciousness* biasanya akan mengakibatkan penglibatan belia dalam kegiatan-kegiatan negatif seperti *truancy, vandalism, littering*, jenayah, koyak buku dalam perpustakaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, kurikulum sekolah mahupun di institusi-institusi pelajaran tinggi telah mendapati bahawa *sivic education through service*

learning ataupun pendidikan sivik melalui pelajaran perkhidmatan adalah satu cara efektif untuk memupuk budaya kesedaran sivik, *culture of civic consciousness*, dengan izin, dalam kalangan belia. Program ini telah menolong generasi muda memahami obligasi mereka dalam satu masyarakat demokrasi dan didapati sangat efektif untuk menurunkan kadar *truancy* dan *vandalism*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kapar, suka saya ingatkan ada lima minit lagi.

Puan P. Komala Devi: Jadi saya membuat cadangan kepada Kementerian Pendidikan supaya mengkaji sama ada *civic education through service* iaitu menjalankan projek-projek komuniti boleh dimasukkan ke dalam *curriculum civic education* supaya golongan belia dapat memahami tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya ingin timbulkan ialah isu gaji harian di sektor ladang. Kaedah bayaran iaitu gaji harian sampai hari ini tidak memuaskan walaupun pendapatan syarikat ladang tetap meningkat dan mengalami keuntungan. Sudah sampai masanya kerajaan memutuskan bahawa pekerja ladang mesti dibayar gaji bulanan. Ini akan membuktikan bahawa kerajaan prihatin tentang kebajikan golongan ini. Sebenarnya pekerja ladang telah memberi sumbangan yang besar dan adalah antara golongan pertama yang meletakkan Malaysia dalam peta dunia tetapi nasib mereka sehingga kini tidak menentu. Jadi kami merayu kepada kerajaan supaya campur tangan dan memastikan bahawa syarikat ladang mengubah cara bayaran gaji ini dan pada waktu yang sama memastikan pampasan yang setimpal kepada mangsa-mangsa pemindahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Titah Ucapan Diraja juga telah menyatakan bahawa penekanan akan diberi kepada pembekalan kemudahan asas kepada setiap rakyat tetapi mahangnya kemudahan asas seperti bekalan elektrik belum lagi dinikmati oleh semua rakyat Malaysia. Terdapat kawasan desa yang tidak mempunyai kemudahan elektrik 24 jam sehari dan ada yang hanya memperolehinya beberapa jam sehari sahaja contohnya sebahagian estet-estet dan kawasan-kawasan seperti Kampung Sungai Lima di Pulau Ketam di kawasan saya iaitu Kapar yang cuma menikmati bekalan elektrik dari pukul 7 malam hingga 7 pagi.

Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia perlulah memberi penekanan yang sewajarnya bagi memastikan kemudahan elektrik diperolehi oleh semua rakyat sejajar dengan wawasan negara dalam meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia keseluruhannya. Maka saya ingin tahu adakah kerajaan mempunyai rancangan-rancangan jangka masa sederhana dan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah ini.

Memandangkan masa saya singkat, saya ingin mengakhiri ucapan saya. Dengan kata-kata itu saya turut menyokong usul menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Di-Raja dan sekali lagi ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan, *maiden speech* saya.

Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dungun.

5.12 ptg.

Tuan Mustafa bin Ali [Dungun]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian membahaskan Titah Ucapan yang sedang dibahaskan sekarang.

Kita telah mendengar banyak ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat sama ada daripada pihak BN ataupun daripada pihak BA dan oleh kerana itu saya tidak perlu rasanya untuk mengulas panjang tentang beberapa tuduhan-tuduhan ataupun fitnah-fitnah yang dilemparkan oleh sebahagian daripada wakil-wakil BN. Yang terakhir saya sempat ialah daripada Yang Berhormat Sri Gading. Hampir seluruh yang diucapkan itu ialah gambaran daripada ucapan-ucapan yang sering diucapkan oleh penceramah-penceramah daripada pemimpin-pemimpin UMNO dalam pilihan raya di luar daripada Dewan ini.

Oleh sebab itu ucapan yang seperti itu saya rasa tidak padan saya hendak jawab. Cukup saya rasa rakan-rakan saya akan menjawab selepas ini kerana ianya penuh dengan tohmahan, tuduhan yang sama sekali tidak boleh dibuktikan sama ada di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan. Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah pun meminta supaya diadakan suatu perbahasan di luar dan saya rasa beliau tidak menjawab. Ertinya beliau tidak bersedia untuk membuktikan tuduhan yang telah dilakukan itu.

Tentulah Titah Ucapan yang kita ikuti sewaktu ia nya diucapkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh banyak perkara. Antaranya termasuk soal pembangunan, soal keadilan, soal demokrasi dan pelbagai lagi. Saya mungkin dalam waktu yang singkat akan hanya dapat menyentuh beberapa perkara.

Yang pertama ialah soal pembangunan. Kita harus menyedari apabila kita bercakap tentang pembangunan, ia bukan sahaja pembangunan dalam bentuk yang fizikal. Kita bercakap tentang pembangunan bukan sahaja soal bangunan, soal infrastruktur, soal kemajuan material. Tetapi apa yang lebih penting ialah perubahan yang mampu membawa perubahan kepada pemikiran yang dapat mengubah *mind set* masyarakat itu sendiri yang mampu memimpin masyarakat kepada suatu arah yang lebih baik.

Saya melihat bahawa kalau kita melihat dari sudut pembangunan yang seperti ini maka demokrasi di Malaysia ini gagal sebenarnya memenuhi matlamat aspirasi untuk membangunkan sehingga *mind set* pemikiran masyarakat apa lagi pemimpinnya dapat kita ubah yang boleh memimpin masyarakat kita kepada satu arah yang maju, yang mampu bukan sahaja memimpin masyarakat negara ini tetapi mampu memberikan contoh kepada masyarakat negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kali yang terakhir, ini sebagai satu contoh, kali yang terakhir saya berucap dalam Dewan ini ialah 22 tahun yang lalu, pada tahun 1978. Apabila saya masuk dalam Dewan ini selepas 22 tahun, bangunannya tidak berubah, tidak ada salah pada bangunan, kerusinya tidak berubah, tidak ada satu pun yang berubah dan tidak ada perubahan ini bukan bererti tidak ada kemajuan kerana bentuk fizikal itu memang tidak berubah apabila ia sudah menjadi satu bangunan. Tetapi saya melihat suatu hakisan kepada pemimpin-pemimpin khususnya sebahagian daripada Yang Berhormat yang hadir dalam Dewan ini khususnya daripada pihak kerajaan yang memerintah 22 tahun lalu saya tidak dapat menyaksikan sewaktu ucapan sekalipun mereka mahu menghentam pembangkang, mahu mengkritik pembangkang tetapi belum pernah saya lihat seperti yang dilakukan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, tidak ada etika sama sekali.

Dibandingkan 22 tahun yang telah lalu yang saya saksikan dalam Dewan ini ertinya kita tidak berubah, mentaliti tidak berubah, pemikiran tidak

berubah dan bukan sahaja tidak berubah, makin teruk dan kalau kita bercakap dari sudut ini ke manakah sebenarnya negara dan pemimpin sekarang ini hendak membawa masyarakat dan negara kita kepada apa yang mereka sebut pembangunan, kecemerlangan yang seharusnya menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Dalam konteks ini juga, dalam konteks prinsip federalisme, dalam konteks demokrasi, ingin saya sebut bahawa amalan demokrasi dalam negara kita sekarang dibandingkan dengan puluhan tahun yang telah lalu bukan semakin baik tetapi semakin terhakis, puluhan tahun yang telah lalu apabila suatu keputusan pilihan raya itu telah diberikan oleh rakyat, rakyat telah memberikan amanah kepada mana-mana parti yang memerintah, maka amanah itu, apa yang diberikan oleh rakyat diterima baik sama ada oleh kerajaan ataupun pembangkang.

Tetapi hari ini, dua dekad kemudian, bermula daripada tahun 1990, Tuan Yang di-Pertua, apabila sahaja PAS bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain memenangi pilihan raya negeri Kelantan tahun 1990, suatu hakikat yang mesti diterima oleh rakyat bahawa itulah demokrasi. Rakyat telah memberikan keyakinan kepada PAS dan apa yang berlaku Kerajaan Pusat yang masih lagi diperintah oleh BN kita mengakui, kita mengiktiraf bahawa rakyat masih memberikan kepercayaan kepada BN, mereka masih boleh memimpin negara ini, kita hormati keputusan itu tetapi mereka telah melanggar prinsip federalisme yang seharusnya dipegang oleh semua pihak. Federalisme dalam pengertian bahawa Pusat hendaklah menghormati negeri dan negeri hendaklah menghormati Pusat kerana sistem yang kita terimapai sejak kita mencapai kemerdekaan.

Tetapi sebaik-baik sahaja PAS memenangi pilihan raya itu tahun 1990 di Kelantan, Kerajaan Pusat telah menubuhkan apa yang dinamakan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) di mana *fund*, kewangan untuk pembangunan itu yang selama ini disalurkan melalui Kerajaan Negeri tidak lagi disalurkan kepada Kerajaan Negeri melainkan yang wajib mengikut Perlembagaan. Tetapi yang tidak wajib mengikut Perlembagaan yang sebelum ini disalur melalui Kerajaan Negeri tidak disalurkan sama sekali tetapi disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) yang akhirnya ditubuhkan untuk membangunkan rakyat, tetapi bertujuan untuk mengukuhkan

Parti UMNO dengan mengadakan jawatan-jawatan Penghulu, dengan mengadakan jawatan-jawatan yang tidak perlu sebenarnya sehingga wujudnya kerajaan dalam kerajaan.

Tidak ada sebuah negeri lain di mana JPP ini ditubuhkan melainkan Kelantan. Apakah wujudnya JPP ini kerana satu pemimpin Pusat tidak percaya kepada kewibawaan negeri bahawa duit yang disalurkan itu dapat dibangunkan untuk kepentingan rakyat. Tidak pernah dibuktikan bahawa pemimpin negeri Kelantan tidak berupaya melakukan itu. Kalau hendak kata bahawa duit itu akan pergi ke lain, rasuah, penyelewengan, belum ada seorang pemimpin PAS yang memerintah, yang mentadbir negeri Kelantan yang telah ditemui oleh BPR sehingga hari ini.

Itu satu *track record* yang menunjukkan bahawa dari sudut itu tidak berlaku. Apakah alasan sebenarnya yang Kerajaan Pusat mengadakan JPP di negeri Kelantan Tahun 1999 kami menang di negeri Terengganu, belum lagi secara nyata bahawa JPP ini diwujudkan oleh Kerajaan Pusat. Tetapi tanda-tanda ke arah itu sudah wujud malah sudah berlaku pun sebahagian daripada sepatutnya kewangan yang selama ini sewaktu BN memerintah disalurkan kewangan, saya sudah diberitahu bahawa untuk beberapa projek ini sudah dihentikan kewangan itu daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Projek belum selesai, duit yang sepatutnya harus datang belum lagi habis tetapi sudah dihentikan. Inilah prinsip demokrasi yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin BN.

Ia bukan JKK yang membuat keputusan, bukan rakyat bawah yang buat keputusan tetapi pemimpin yang paling atas yang mentadbir negara ini yang membuat keputusan yang seperti itu, yang menggambarkan bahawa merekalah yang telah mencabuli demokrasi dan dalam kes ini, dalam konteks federalisme yang seharusnya dipegang bersama oleh sama ada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri. Saya tidak menyebut contoh yang kecil-kecil tetapi saya menyebut ini suatu prinsip yang seharusnya dipegang.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dungun, hendak minta penjelasan. Kerajaan Barisan Nasional telah berbuat begitu di Kelantan. Ternyata rakyat Kelantan akhirnya makin hari makin benci dan menolak mereka secara total di negeri Kelantan. Apakah kerajaan Barisan Nasional tidak mahu insaf perbuatan mereka makin dinilai oleh rakyat. Sekarang mereka hendak buat

macam itu pula di Terengganu. Maka kita bimbang kebencian rakyat itu merebak ke Pahang dan ke Kedah tidak lama lagi. Ini menampakkan bahawa Barisan Nasional tidak mahu insaf di atas kezaliman dan rakyat sedang menilai mereka dari sudut itu. Apakah komen daripada Yang Berhormat Dungun?

Tuan Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di peringkat pusat mempelajari daripada iktibar yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang baru bercakap. Tidak payah saya sebut panjang-panjang telah pun terbukti lagi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Moktar bin Radin: Penjeksan. Untuk makluman Yang Berhormat dari Dungun, JPP ini bukan sahaja di Kelantan, di negeri Sabah dia telah diwujudkan dan ternyata berkesan untuk membantu membangun negeri Sabah dalam jangka masa panjang ini. Jadi untuk makluman, bukan sahaja di Kelantan bahkan di Sabah juga JPP diwujudkan. Terima kasih.

Tuan Mustafa bin Ali : Kalaupun JPP diwujudkan dalam bentuk Kelantan, itu sewaktu PBS memerintah, bukan sewaktu Barisan Nasional memerintah di Sabah. Kelantan PAS, Sabah waktu PBS. Itu ada JPP. Sekarang tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Saya memang sedar bahawa di Sarawak, Barisan Nasional juga memerintah dan kita ada jabatan yang sama.

Tuan Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, semua negeri dalam konteks JPP di mana adanya pegawai pembangunan negeri daripada pusat itu wujud. Tetapi dalam konteks yang berlaku di negeri Kelantan yang diperintah oleh PAS dan pembangkang tidak wujud dalam negeri-negeri yang lain. Saya harap Timbalan Menteri pun patut faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada saya mempunyai cukup waktu dengan gangguan yang ada ini, tanpa gangguan pun

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit lagi.

Tuan Mustafa bin Ali: Boleh Tuan Yang di-Pertua lanjutkan masa untuk barangkali ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan telah dibuat 20 minit.

Tuan Mustafa bin Ali: Baik, Tuan Yang di-Pertua, saya menggunakan lima minit yang ada, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, itulah contoh bagaimana demokrasi itu menjadi amalan kepada pemimpin-pemimpin kerajaan pusat.

Saya pergi kepada perkara lain oleh kerana masa tidak mengizinkan.

Yang keduanya, ialah hari ini kita melihat bahawa negara kita, kita baca akhbar kita lihat terlalu banyak. Di sana berlaku bagaimana penyelewengan-penyelewengan dilaporkan dalam akhbar. Suatu krisis sosial yang berlaku. Krisis sosial ini berlaku bukan sahaja dalam bentuknya yang sangat jelek tetapi seolah-olahnya tidak ada satu mekanisme, satu cara untuk menghentikannya. Kita dilaporkan tentang penyelewengan, rasuah, abuse, dengan izin, bagaimana majikan telah barangkali abuse kepada orang yang bekerja dengannya. Bagaimana hatta bapa dengan anak, suami isteri. Ini suatu gambaran yang berlaku di dalam negara kita. Saya tidak nafikan ianya juga berlaku dalam negara-negara yang lain. Di Amerika juga teruk, di negeri-negeri lain juga teruk.

Soal yang ada di hadapan kita, Tuan Yang di-Pertua, apakah prinsip yang kita pegang sekarang ini mampu membawa kita kepada suatu masyarakat yang boleh menjamin bahawa masa depan negara kita ini akan mencapai kepada suatu tahap yang kita kehendaki. Apabila dikumpulkan semua krisis politik, krisis ekonomi, krisis sosial dan bermacam-macam krisis lagi, akhirnya kita dapati sebenarnya kita menghadapi suatu krisis kemanusiaan yang paling parah yang pernah kita temui bahawa kemanusiaan itulah sekarang ini yang sedang menghadapi krisis. Kita mesti mencari ubat kepada krisis yang sedang melanda bukan sahaja negara kita tetapi negara-negara lain dalam konteks globalisasi sekarang. Apabila dunia sudah menjadi kecil dengan perkembangan IT tidak ada lagi suatu yang berlaku sebuah negara lain tidak sampai kepada negara kita. Dunia telah dikuasai oleh budaya barat yang sedang rosak sekarang ini. Sukar untuk dipulihkan dan kita sedang mengekori apa yang telah berlaku di Barat. Walaupun wakil Parit Sulong mengatakan

bahawa Barat barangkali tidak suka kepada kita tetapi ini tidak cukup masa untuk saya menghuraikannya.

Suka saya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa krisis kemanusiaan ini memerlukan suatu falsafah, panduan dan ajaran yang boleh menyelamatkan seluruh umat manusia bukan sahaja dalam negara kita Malaysia. Apa yang hendak saya sarankan bahawa perlunya masyarakat negara kita yang saya rasa belum lagi parah dibandingkan dengan sesetengah negara tetapi lebih parah dari sesetengah negara perlulah kita kembali menginsafi bahawa amalan yang sedang berlaku sekarang, cara pimpinan melakukannya sekarang untuk memimpin negara tidak memungkinkan kita sampai kepada suatu matlamat yang hendak kita capai. Oleh kerana itu, saya hanya hendak menyebut bahawa kita perlu kembali kepada kemanusiaan itu sendiri. Apabila saya menyebut bahawa kita harus kembali kepada kemanusiaan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Menteri bangun.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa kita patut menuju ke suatu arah yang boleh membangun manusia kita. Memang itu yang kita hendak tuju. Tetapi saya hendak bertanya walaupun PAS menguasai Kelantan sejak 1990, nampaknya antara yang paling banyak sekali ialah penagih dadah yang wujud di negara kita iaitu Kelantan merupakan negeri yang ketiga terbesar dalam negara. Kalaulah kepimpinan negeri Kelantan dapat membuat satu contoh untuk kita ikut, saya rasa ini akan boleh kita ikut di semua negeri lain. Hanya dengan satu contoh sahaja kita minta iaitu dadah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa...

Tuan Mustafa bin Ali: Saya mahu respond kepada itu sepatah. Kalau kerajaan pusat menyerahkan soal dadah ini seluruhnya kepada negeri-negeri, insya-Allah, kami dapat selesaikan. *[Tepuk]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Tuan Mustafa bin Ali: Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah sampai. Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Tuan Kerk Kim Hock: Point of order. Kalau tidak silap, Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk melanjutkan mesyuarat selama 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, dia belum habis. Kita boleh lanjutkan mesyuarat selama 15 minit sebab memang ada kuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya benarkan Yang Berhormat Dungun berucap untuk 20 minit dan Yang Berhormat sudah gunakan 20 minit ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Februari
2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)

- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadz lah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po K uan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)

- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)

- “ Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof